LAPORAN TAHUNAN

Perjuangan bangsa di martabat,
Menjunjung amanah rakyat

Kita MARA
Melakar pembangunan insan

Kita MARA
Nadi gagahkan usahawan

Kita MARA
Pemangkin kemakmuran

Kita MARA
Melabur untuk masa hadapan

Kita MARA
Khidmat rakyat bersandar kudrat

Kita MARA
Bersama bersatu dengan semangat

Kita MARA
Menggalas harapan keramat

Kita MARA
Menjunjung Amanah Rakyat

Lokasi : Taman Pertanian UPM, Serdang

Rekabentuk & Susun Atur oleh AZ Indah Bina Enterprise

KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PERNYATAAN KORPORAT	**VI**
PELAN STRATEGIK MARA 2016 - 2020	**2**
MAKLUMAT KORPORAT	**4**
Majlis MARA	4
Ahli Majlis MARA	5
Ahli Panel Pelaburan MARA	7
Ringkasan Maklumat Korporat MARA	7
Pengurusan MARA	8
Carta Organisasi	12
Pusat Pentadbiran MARA	13
Ringkasan Prestasi dan Kedudukan Kewangan MARA berakhir pada 31 Disember 2016	15
Laporan Pengurusan	17
JABATAN KETUA PENGARAH	**21**
Perancangan Strategik	22
Perundangan	24
Komunikasi Korporat	26
Penyelarasan Pengurusan	29
Unit Urus Setia Majlis	30
Penyelidikan dan Inovasi	31
Audit Dalam	32
Integriti	33
SEKTOR KEUSAHAWANAN	**35**
Pembangunan Usahawan	36
Pembangunan Industri	40
Pembangunan Infrastruktur	43
Pembiayaan Perniagaan	45
Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB)	46
Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC)	47
Pusat Teknologi Industri Perabot (FITEC)	49
SEKTOR PENDIDIKAN	**51**
Pendidikan Menengah	52
Kemahiran dan Teknikal	57
Pendidikan Tinggi	60
Penajaan Pelajaran	63
Teknologi Kreatif & Multimedia	65
GiatMARA	67
Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	69
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)	72
German-Malaysian Institute (GMI)	74
MARA Excellent Ventures (MEX)	76
UniMARA	77
SEKTOR PELABURAN	**79**
Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari	81
Kawalan Kredit	82
Industri Pengangkutan	84
Perkhidmatan Kewangan - Pelaburan MARA Berhad	85
Rural Capital Berhad	86
Asia Aerotechnic Sdn. Bhd	86
Pelaburan Hartanah dan Hospitaliti-MARA Incorporated Sdn. Bhd.	87
Pembinaan & Pengurusan Projek-YPM Realties Sdn. Bhd.	88
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN	**89**
Pembangunan Sumber Manusia	90
Pengurusan Kewangan	94
Pengurusan Aset dan Perolehan	95
Pengurusan Teknologi Maklumat	96
Binaan dan Selenggaraan	97
Pengurusan Risiko & Inspektorat	98
PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK DAN PROGRAM MARA	**101**
Kajian Penilaian *Outcome* Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)	102
Kajian Penilaian *Outcome* Program InkubatorTeknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP)	102
Kajian Penilaian *Outcome* Perkhidmatan Bas Henti-henti MARA Liner	103
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT	**105**
Yayasan Pelajaran MARA	106
PERISTIWA KORPORAT MARA	**109**
PENYATA KEWANGAN	**115**

PENYATAAN KORPORAT

VISI

Menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa

MISI

Menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera

OBJEKTIF

- Membangunkan usahawan berjaya dan inovatif
- Melahirkan modal insan global dan berintegriti
- Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- Memudahkan sistem penyampaian

MOTO

Keusahawanan dan Pendidikan Global

NILAI BERSAMA

Amanah rakyat

PELAN STRATEGIK MARA 2016 - 2020

PELAN STRATEGIK MARA 2016-2020

- MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH
- MAJLIS MARA
- KETUA PENGARAH MARA
  - Perancangan Strategik
  - Komunikasi Korporat
  - Penyelidikan & Inovasi
  - Audit Dalam
  - Perundangan
  - Integriti
- DASAR

SEKTOR KEUSAHAWANAN

- Pembangunan Usahawan
- Infrastruktur Komersial
- Pembiayaan Perniagaan
- Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB)
- Design Development Centre (DDEC)
- F.T.T Center Sdn. Bhd. (FITEC)

SEKTOR PENDIDIKAN

- Pendidikan Menengah
- Kemahiran & Teknikal
- Pendidikan Tinggi
- Penganjuran Pelajaran
- Teknologi Kreatif dan Multimedia
- Yayasan Pelajaran MARA (YPM)
- Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)
- German-Malaysian Institute (GMI)
- GiatMARA
- MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX)
- TPM College Sdn. Bhd.
- UniMARA Sdn. Bhd.

SEKTOR PELABURAN

- Pelaburan & Pembangunan Subsidiari
- Industri Pengangkutan
- Kawalan Kredit
- MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)
- Pelaburan MARA Berhad (PMB)
- Rural Capital Berhad (RCB)
- MARA Liner Sdn. Bhd. (MLSB)
- MARA Aerospace Technologies Sdn. Bhd. (MARA Aero Tech)
- Asia Aero Technic Sdn. Bhd. (AAT)
- YPM Realties Sdn. Bhd. (YPMR)
- MARA Corporation Sdn. Bhd. (MARA Corp)

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

- Sumber Manusia
- Kewangan
- Pengurusan Aset & Perolehan
- Teknologi Maklumat
- Binaan & Selenggaraan
- Pengurusan Risiko & Inspektorat

PELAKSANA PROGRAM

- IBU PEJABAT MARA
- PEJABAT MARA NEGERI (PMN)
- PEJABAT MARA DAERAH (PMD)
- PEJABAT MARA LUAR NEGARA (PMLN)
- MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)
- KOLEJ MARA (KM)
- KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)
- KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA (KKTM)
- SYARIKAT SUBSIDIARI MARA

STRATEGI

- Mendaya Modal Insan
- Memantapkan pemilikan Ekuiti Dalam Sektor Korporat
- Memperkukuhkan Pemilikan Aset Bukan Kewangan
- Memperhebatkan Keusahawanan & Perniagaan
- Memudahcara Sistem Penyampaian

OBJEKTIF

- Membangunkan usahawan berjaya & inovatif
- Melahirkan Modal Insan global yang berintegriti
- Menyumbang kepada pemilikan ekuiti
- Memudahcara sistem penyampaian

MISI

Menerajui bidang keusahawanan, pendidikan & pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera.

VISI

Menjadi organisasi amanah yang unggul & diberkati untuk mengangkat martabat bangsa

ORGANISASI BERTERASKAN KEUSAHAWANAN

MOTO

KEUSAHAWANAN & PENDIDIKAN GLOBAL

NILAI BERSAMA

AMANAH RAKYAT

Majlis Amanah Rakyat (MARA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 melalui Akta Parlimen sebagai sebuah Badan Berkanun. Objektif utama penubuhan MARA adalah untuk membangunkan usahawan berjaya dan inovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti, menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan memudahkan sistem penyampaian kepada rakyat. Visi MARA adalah menjadi sebuah organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa seiring dengan Misi MARA untuk menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan terhadap penguasaan ekuiti Bumiputera.

MAJLIS MARA

Majlis MARA ialah badan tertinggi dalam struktur organisasi MARA yang berperanan untuk merangka dasar-dasar seiring dengan visi dan misi MARA. Ahli Majlis dilantik oleh Menteri dengan tempoh keahlian bagi setiap lantikan pertama adalah selama dua (2) tahun. Ahli Majlis terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dengan ahli-ahli lain tidak kurang dari lima (5) orang dan tidak lebih dari sembilan (9) orang yang mana sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai awam.

Kewajipan Dan Kuasa-Kuasa Majlis

Majlis MARA berkewajipan untuk memaju, menggalak, memudah dan menjalankan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Malaysia khususnya di kawasan luar bandar antaranya seperti berikut:

i. menjalankan segala usaha, khususnya pembangunan perusahaan komersial dan perindustrian yang berfaedah dan bersesuaian termasuk pembuatan, pemasangan, pemprosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk, penyelidikan dan latihan;

ii. mempromosikan aktiviti melalui penubuhan atau bantuan kepada individu / badan-badan yang mempunyai kemudahan untuk menjalankan aktiviti tersebut termasuk bantuan kewangan;

iii. menjalankan aktiviti secara gabungan dengan individu, pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau pihak lain sebagai ejen mengurus bagi pihaknya atau sebaliknya;

iv. membeli, menjamin tanggungan kerugian atau dengan menggunakan cara lain bagi memperoleh saham dan sekuriti kepada mana-mana pihak berkuasa awam, perbadanan, syarikat atau badan lain, dan untuk menjual, memegang atau mengeluarkan semula, dengan atau tanpa jaminan, saham dan sekuriti sedemikian atau sebaliknya melupuskan atau berurusan dengannya; dan

v. menubuhkan, mengendalikan dan menanggung institusi latihan dan pendidikan serta melakukan semua perkara yang bermanfaat atau secara munasabah, perlu atau berkaitan pelaksanaan fungsi ini.

Jadual Mesyuarat Majlis MARA Tahun 2016

BIL	MESYUARAT MAJLIS	TARIKH	KEHADIRAN
1	Ke-423 [Edaran]	13 Januari 2016	11
2	Ke-424 (Bil.1 Tahun 2016)	4 Februari 2016	11
3	Ke-425 [Edaran]	31 Mac 2016	11
4	Ke-426 (Bil.2 Tahun 2016)	8 April 2016	11
5	Khas Ke-427	9 Mei 2016	10
6	Ke-428 (Bil.3 Tahun 2016)	13 Jun 2016	11
7	Ke-429 [Edaran]	20 Jun 2016	11
8	Khas Ke-430	14 Julai 2016	8
9	Ke-431 [Edaran]	29 Ogos 2016	11
10	Ke-432 [Edaran]	29 Ogos 2016	11
11	Ke-433 (Bil.4 Tahun 2016)	19 September 2016	5
12	Ke-434 (Bil.5 Tahun 2016)	1 November 2016	5
13	Ke-435 [Edaran]	23 November 2016	11
14	Ke-436 (Bil.6 Tahun 2016)	15 Disember 2016	9

Jumlah kehadiran penuh ialah sebelas (11) orang.

AHLI MAJLIS MARA

Bahagian II Perkara 3(3) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966

Majlis hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut yang akan dilantik oleh Menteri :

a. Seorang Pengerusi;

b. Seorang Timbalan Pengerusi;

c. Tidak kurang dari lima [5] dan tidak lebih dari sembilan [9] ahli lain yang mana daripada mereka tidak kurang daripada tiga [3] hendaklah pegawai-pegawai awam.

1. YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa
   Pengerusi
2. YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad
   Ketua Pengarah MARA
3. YBhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
   Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
4. YBhg. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob
5. YBhg. Datuk Haji Ariss bin Samsudin
6. YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abu Azam bin Md Yassin
7. YBhg. Datuk Haji Musa bin Haji Sheikh Fadzir
8. YB Datuk Haji Johan bin Abd. Aziz
9. YBrs. Encik Nazir Hussin bin Akhtar Hussin
10. YBhg. Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid
    Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
    Unit Perancang Ekonomi,
    Jabatan Perdana Menteri
11. YBhg. Dato' Siti Zauyah binti Md Desa
    Pengarah Belanjawan Negara
    Kementerian Kewangan

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PELANTIKAN
1	**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA**	**Pengerusi**	19/07/2013 – 18/07/2015 12/08/2015 – 11/08/2017
2	**YBHG. DATUK IBRAHIM BIN AHMAD** Ketua Pengarah MARA	**Timbalan Pengerusi**	24/11/2010 – 23/11/2012 24/11/2012 – 23/11/2014 24/11/2014 – 23/11/2016 24/11/2016 – 23/11/2018
3	**YBHG. DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN** Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	**Ahli**	16/10/2015 – 15/10/2017
4	**YBHG. DATO' NIK AZMAN BIN NIK ABDUL MAJID** Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	**Ahli**	11/01/2012 – 10/01/2014 11/01/2014 – 10/01/2016 11/01/2016 – 10/01/2018
5	**YBHG. DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA** Pengarah Belanjawan Negara Kementerian Kewangan (Perbendaharaan) (Telah dinaikkan pangkat dan bertukar jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) berkuat kuasa 2 Februari 2016)	**Ahli**	14/04/2015 – 13/04/2017
6	**YBHG. DATUK DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB**	**Ahli**	23/07/2009 – 22/07/2011 23/07/2011 – 22/07/2013 23/07/2013 – 22/07/2015 23/07/2015 – 22/07/2017
7	**YBHG. DATUK HAJI ARISS BIN SAMSUDIN**	**Ahli**	02/02/2011 – 01/02/2013 02/02/2013 – 01/02/2015 02/02/2015 – 01/02/2017 02/02/2017 – 31/12/2017
8	**YBRS. ENCIK NAZIR HUSSIN BIN AKHTAR HUSSIN**	**Ahli**	02/08/2013 – 01/08/2015 02/08/2015 – 01/08/2017
9	**YBHG. PROFESOR EMERITUS DATO' DR. ABU AZAM BIN MD YASSIN**	**Ahli**	21/08/2013 – 20/08/2015 21/08/2015 – 20/08/2017
10	**YB DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ**	**Ahli**	29/10/2013 – 28/10/2015 29/10/2015 – 28/10/2017
11	**YBHG. DATUK HAJI MUSA BIN HAJI SHEIKH FADZIR**	**Ahli**	04/09/2015 – 03/09/2017

AHLI PANEL PELABURAN MARA

BIL	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PELANTIKAN
1	**YBHG. DATUK DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB** Ahli Majlis MARA	**Pengerusi**	17 Ogos 2010
2	**YBHG. DATIN JUNAIDAH BINTI ABDUL MAJID** Pengarah Kanan (Pelaburan) MARA	**Ahli** (Wakil MARA)	14 Disember 2015
3	**MUHAMAD ZAKI BIN JALI** Pengarah Bahagian Kewangan MARA	**Ahli** (Wakil MARA)	04 Julai 2016
4	**MOHD DIAH BIN ABAS** Pengarah Bahagian Pelaburan & Pembangunan Subsidiari MARA	**Setiausaha**	02 Februari 2016
5	**KHALID BIN SUFAT** Akauntan Bertauliah & Lembaga Pengarah Island & Peninsular Group	**Ahli** (Wakil Profesional)	17 Ogos 2010
6	**FAZLUR RAHMAN BIN EBRAHIM** Corporate Advisor Johor Corporation & Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Berhad	**Ahli** (Wakil Profesional)	17 Mac 2011
7	**AB. JABBAR BIN ABDULLAH** Pegawai Khas Pejabat Menteri Pendidikan II	**Ahli** (Wakil EPU)	17 Ogos 2010
8	**SHA'ARIN BIN ABDULLAH ANAS** Bekas Pengurus Pembangunan Korporat PETRONAS	**Ahli** (Wakil Profesional)	28 Jun 2012

RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT MARA

PENGERUSI YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa	
KETUA PENGARAH YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad	
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENDIDIKAN) Abdul Halim bin Abas	**TIMBALAN KETUA PENGARAH (KHIDMAT PENGURUSAN)** Azhar bin Abdul Manaf
TIMBALAN KETUA PENGARAH (KEUSAHAWANAN) YBhg. Datuk Salmah Hayati binti Ghazali	**PENGARAH KANAN (PELABURAN)** YBhg. Datin Junaidah binti Abdul Majid
SETIAUSAHA MAJLIS Fazli Rizal bin Ismail	
JURUAUDIT DALAM Bahagian Audit Dalam MARA	**JURUAUDIT LUAR** Ketua Audit Negara
ALAMAT BERDAFTAR Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA, 50609 KL	**ALAMAT LAMAN WEB** www.mara.gov.my | Tel: 03 2613 2000

PENGURUSAN MARA



1. **YBhg. Datuk Ibrahim bin Ahmad**
   Ketua Pengarah
2. **YBhg. Datuk Salmah Hayati binti Ghazali**
   Timbalan Ketua Pengarah (Keusahawanan)
3. **Abdul Halim bin Abas**
   Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan)
4. **Azhar bin Abdul Manaf**
   Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan)
5. **YBhg. Datin Junaidah binti Abdul Majid**
   Pengarah Kanan (Pelaburan)
6. **YBhg. Datuk Mohd Rosdi bin Hj. Ismail**
   Penasihat (Tugas-tugas Khas)
   Jabatan Ketua Pengarah

Baris atas dari kiri ke kanan

7. **Abdul Rashid bin Mohd Said**
   Pengarah Perancangan Strategik
8. **Mohamed Roseli bin Dol**
   Pengarah Pendidikan Tinggi
9. **Abd Hamid bin Hj. Ahmad**
   Pengarah Pendidikan Menengah
10. **Rohayah binti Mohd Zain**
    Pengarah Pembangunan Usahawan
11. **Rabiatul Adawiyah binti Ismail**
    Pengarah Perundangan
12. **Razlan bin Samsuri**
    Pengarah Sumber Manusia

Baris bawah dari kiri ke kanan

13. **Abdul Aziz bin Hassan**
    Pengarah Penganjuran Pelajaran
14. **Mahzan bin Teh**
    Pengarah Kemahiran dan Teknikal
15. **Zulfikri bin Osman**
    Pengarah Infrastruktur Komersial
16. **Mohd Salleh bin Abdullah**
    Pengarah Kawalan Kredit
17. **Mohammed Satari bin Hashim**
    Pengarah Teknologi Maklumat
18. **Ramli bin Deraman**
    Pengarah Audit Dalam
19. **Nor Hashimi bin Mahat**
    Pengarah Komunikasi Korporat

Baris atas dari kiri ke kanan

20. **Kamaruddin bin Ahmad**
Pengarah Binaan & Selenggaraan

21. **Zulkarnain bin Zakaria**
Pengarah Industri Pengangkutan

22. **Kamaruzaman bin Jaafar**
Pengarah Teknologi Kreatif dan Multimedia

23. **Siti Aminah binti Abd Kadir**
Pengarah Pengurusan Risiko & Inspektorat

24. **Suhaimi bin Zainuddin**
Pengarah Pengurusan Aset & Perolehan

25. **Mohd Diah bin Abas**
Pengarah Pelaburan & Pembangunan Subsidiari

26. **Mohd Zaki bin Jali**
Pengarah Kewangan

Baris bawah dari kiri ke kanan

27. **Amir Hassan bin Abdul Wahid**
Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi

28. **Abd Latif bin Osman**
Ketua Unit Integriti

29. **Mohd Fazli Rizal bin Ismail**
Setiausaha Majlis

30. **Nor Zaini binti Abu Kassim**
Timbalan Pengarah 1 Pembiayaan Perniagaan
(Menjalankan Tugas Pengarah Pembiayaan Perniagaan)

31. **Fatimah binti Mat Ghani**
Ketua Unit Penyelaras

Baris atas dari kiri ke kanan

32. **YBhg. Dato Abd Rahim bin Abd Ghani**
Ketua Pegawai Eksekutif F.I.T Center Sdn. Bhd.

33. **YBhg. Prof. Dato Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud**
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd.

34. **Ahmad Nazim bin Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pelaburan MARA Berhad

35. **Yusoff bin Md Shahir**
Pengarah Urusan German-Malaysian Institute

36. **YBhg. Dato' Abdul Karim bin Mustafa**
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA

37. **Abdul Rahman bin Mohd Saad**
Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn. Bhd

38. **YBhg. Profesor Dato' Sabarudin bin Mohd**
Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.

39. **Mohd Roslan bin Ismail**
Ketua Pegawai Operasi Asia Aerotechnic Sdn. Bhd.

40. **Zahrail Affendy bin Mohamed**
Ketua Pegawai Operasi MARA Liner Sdn. Bhd.

Baris bawah dari kiri ke kanan

41. **Khairul Anuar bin Mohd Jais**
Ketua Pegawai Operasi MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd.

42. **Rohizal bin Mohd Radzi**
Ketua Pegawai Operasi UniMARA Sdn. Bhd.

43. **Zulfikri bin Osman**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Operasi) MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd.

44. **Razali bin Mamat**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Operasi) YPM Realities Sdn. Bhd.

45. **Khairul Azizi bin Ismail**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) MARA Incorporated Sdn. Bhd.

46. **Jamal Nasir bin Othman**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) GiatMARA Sdn. Bhd.

47. **Muhamad Faizal bin Mohamad Nor**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Eksekutif) Glocal Link (M) Sdn. Bhd.

48. **Wan Saifuddin bin Wan Ahmad Radzi**
Ketua Pegawai Transformasi MARA Corporation Sdn. Bhd.

49. **Nor Azaha bin Osman**
(Menjalankan tugas Ketua Pegawai Operasi) Rural Capital Berhad

CARTA ORGANISASI



PUSAT PENTADBIRAN MARA

	PUSAT	BILANGAN
PUSAT MARA DALAM NEGARA	1 Ibu Pejabat MARA *	25
	2 Pejabat MARA Negeri	14
	3 Pejabat MARA Daerah	117
	4 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)	52
	5 Institut Latihan Kecemerlangan MARA (ILKM)	1
	6 Pusat Kepimpinan Pelajar (PUSKEP)	1
	7 Kolej MARA (KM)	4
	8 Institut Kemahiran MARA (IKM)	13
	9 Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM)	11
	10 Kolej Profesional MARA (KPM)	6
	11 Pusat GiatMARA**	245
	JUMLAH PUSAT MARA DALAM NEGARA	**489**
PUSAT MARA LUAR NEGARA	1 MARA United Kingdom (London)	1
	2 MARA Amerika Syarikat (Washington DC)	1
	3 MARA Australia (Sydney)	1
	4 MARA Jerman (Frankfurt)	1
	5 MARA Rusia (Moscow)	1
	6 MARA Indonesia (Jakarta)	1
	7 MARA Ireland (Dublin)	1
	8 MARA Mesir (Iskandariah)	1
	JUMLAH PUSAT MARA LUAR NEGARA	**8**
	JUMLAH PUSAT MARA DALAM DAN LUAR NEGARA	**497**
SYARIKAT KOMERSIAL	1 Pelaburan MARA Berhad (PMB)	1
	2 MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.)	1
	3 Glocal Link (M) Sdn. Bhd. (GLSB)	1
	4 Rural Capital Sdn. Bhd. (RCSB)	1
	5 MARA Aerospace & Technologies Sdn. Bhd. (MATSB)***	1
	6 MARA Corporation Sdn. Bhd. (MCSB)	1
	7 YPM Realties Sdn. Bhd.*** (YPMR)	1
	JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT KOMERSIAL	**7**
SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	1 Asia Aerotechnic Sdn. Bhd.	1
	2 Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (UniKL)	1
	3 Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTM)	1
	4 Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia Sdn. Bhd. (DDEC)	1
	5 F.I.T. Center Sdn. Bhd. (FITEC)	1

	PUSAT	BILANGAN
	6 MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX)	1
	7 GIATMARA Sdn. Bhd. (GiatMARA)	1
	8 MARA Liner Sdn.Bhd. (MLSB)	1
	9 UniMARA Sdn. Bhd.	1
	10 Technology Park Malaysia College Sdn. Bhd. *** (TPMC)	1
	JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT PERKHIDMATAN DAN LATIHAN	**10**
PERBADANAN DI BAWAH AKTA MARA SEKSYEN 25	1 Yayasan Pelajaran MARA (YPM)	1
SYARIKAT DI BAWAH JAMINAN	1 German-Malaysian Institute (GMI)	1
SYARIKAT DORMAN	1 Institute Infotech MARA Sdn. Bhd. (IIM)	1
	2 British Malaysian Institute (UniKL-BMI)	1
	3 Malaysian France Institute (UniKL-MFI)	1
	4 Kayu Sedia Sdn. Bhd.	1
	JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT DORMAN	**4**
SYARIKAT BERSEKUTU	1 Strand Aerospace Malaysia Sdn.Bhd. ***	1
	2 Med Bumikar MARA Sdn. Bhd. (MBM)	1
	JUMLAH PUSAT DI BAWAH SYARIKAT BERSEKUTU	**2**
	JUMLAH KESELURUHAN SYARIKAT MARA	**25**
IPMa DI BAWAH SYARIKAT	1 Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. (UniKL)	12
	2 Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTM)	8
	3 Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM)	1
	4 MARA KETENGAH International College (MKIC)	1
	JUMLAH PUSAT IPMa DI BAWAH SYARIKAT	**22**
	1. MARA Liner Sdn. Bhd (MLSB)	**21**
	JUMLAH KESELURUHAN	**565**

Nota :

* Bilangan ini termasuk 25 Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat MARA
** Bilangan ini termasuk 231 buah Pusat GiatMARA dan 14 Pejabat GiatMARA Negeri
*** Syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu baharu.

RINGKASAN PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN MARA BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Berikut ialah data utama daripada Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 :

Bajet Mengurus (RM Juta)



Bajet Mengurus yang diterima pada tahun 2016 berjumlah RM3,608.55 juta berbanding tahun 2015 sebanyak RM4,013.90 juta.

Geran Belanja Mengurus Program Penganjuran Pelajaran berjumlah RM2,014.92 juta berbanding RM2,377.02 juta pada tahun 2015.

Geran Belanja Operasi berjumlah RM1,593.63 juta berbanding tahun 2015 sebanyak RM1,636.88 juta.

Geran Kerajaan Untuk Operasi Dalam Penyata Pendapatan (RM Juta)



Jumlah Geran Kerajaan untuk operasi dilaporkan di Penyata Pendapatan Komprehensif 2016 berjumlah RM3,769.55 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM4,141.56 juta.

Bajet Pembangunan (RM Juta)



Bajet Pembangunan yang diterima pada tahun 2016 berjumlah RM318.59 juta berbanding RM201.60 juta pada tahun 2015.

Sumber Dalaman (RM Juta)



Sumber Dalaman MARA (pendapatan kendalian dan lain-lain pendapatan kendalian) berjumlah RM362.26 juta pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM322.06 juta.

Perbelanjaan Aktiviti (RM Juta)



Jumlah Perbelanjaan Aktiviti MARA pada tahun 2016 sebanyak RM3,948.60 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM3,902.33 juta.

Jumlah Pendapatan Komprehensif (RM Juta)



Jumlah Pendapatan Komprehensif Tahun Semasa MARA pada tahun 2016 berjumlah RM747.27 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM1,165.41 juta.

Aset Semasa (RM Juta)



Aset Semasa MARA setakat 31 Disember 2016 berjumlah RM1,893.73 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM2,242.20 juta.

Aset Bukan Semasa (RM Juta)



Aset Bukan Semasa MARA berjumlah RM18,424.46 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM17,632.32 juta.

Aset Bersih (RM Juta)



Aset Bersih MARA berjumlah RM9,168.99 juta berbanding dengan tahun 2015 sebanyak RM8,421.71 juta.

LAPORAN PENGURUSAN

LAPORAN KHAS KETUA PENGARAH

Tahun 2016 merupakan tempoh pentadbiran yang signifikan kepada MARA kerana telah mencapai 50 tahun kewujudan organisasi keramat ini. Selaras dengan usaha bagi memastikan kelangsungan rantaian perjuangan ini, MARA telah mewujudkan Kerangka Strategik MARA 2011-2020 dan fasa pertama telah berjaya dilalui dengan cemerlang. Tahun 2016 merupakan permulaan kepada fasa kedua dengan masih mengekalkan fokus untuk membangunkan sosio-ekonomi Bumiputera serta membawa Bumiputera ke peringkat global.

Sepanjang lima (5) dasawarsa ini, MARA telah berjaya merealisasikan impian jutaan rakyat terutamanya golongan Bumiputera dengan memfokuskan kepada bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan. Ia bukan sahaja memberi manfaat secara langsung kepada Bumiputera, bahkan turut mewujudkan limpahan kemakmuran terutamanya dari aspek ekonomi kepada seluruh rakyat tanpa mengira ras, agama, bangsa dan negara.

Ke arah melaksanakan agenda yang besar ini, MARA mempunyai 565 pusat pentadbiran yang memberi akses kepada rakyat termasuk di lapan (8) buah pejabat MARA di luar negara meliputi London (United Kingdom), Washington DC (Amerika Syarikat), Dublin (Ireland), Moscow (Rusia), Frankfurt (Jerman), Sydney (Australia), Kaherah (Mesir) dan Jakarta (Indonesia). Kesemua pusat pentadbiran MARA ini berperanan penting dalam menjayakan misi dan visi negara dengan fokus terhadap usaha pembangunan ekonomi melalui keusahawanan, melahirkan modal insan bertaraf global serta peningkatan penguasaan ekuiti Bumiputera dalam pelbagai aspek.

Justeru, usaha berterusan dilaksanakan oleh MARA untuk meningkatkan tahap sistem penyampaian serta berusaha untuk membuka peluang kepada masyarakat luar bandar mencipta kejayaan bukan sahaja di arena tempatan malah melangkau ke persada antarabangsa. Kini, MARA boleh berbangga kerana telah terbukti berjaya melahirkan ramai tokoh penting negara sama ada pemimpin politik, tokoh korporat, peneraju dalam perkhidmatan awam, usahawan dan ahli korporat berjaya, golongan profesional serta para intelektual yang menjadi nadi pembangunan negara pada hari ini. Seiring dengan aspirasi strategik Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan acuannya tersendiri, MARA akan menyumbang ke arah mentransformasi Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai teras mencipta kekayaan dan kemakmuran negara. Pengajaran boleh diambil dari negara maju dengan berteraskan negara keusahawanan yang berjaya seperti Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat, Switzerland dan sebagainya yang kini merupakan kuasa besar ekonomi dunia melalui operasi syarikat-syarikat bertaraf Multinasional dalam pelbagai bidang strategik. Sejajar dengan perubahan ini, MARA perlu melahirkan lebih ramai usahawan di negara ini yang bukan sekadar menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara kasar, tetapi juga mampu mewujudkan limpahan kekayaan (wealth creation) di samping berperanan mencipta peluang pekerjaan *(job creation)* kepada rakyat.

Dari aspek hala tuju strategik, sepanjang tahun 2016, MARA mentransformasi organisasinya dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) fokus utama iaitu pembangunan usahawan dan modal insan, pelaburan untuk penjanaan pendapatan dan pengukuhan tanggungjawab sosial korporat. MARA turut menstrukturkan semua anak syarikatnya melalui penubuhan MARA Corporation Sdn Bhd (MARA Corp.) yang berperanan sebagai sebuah *Government-Linked Investment Companies (GLICs)* dengan nilai syarikat semasa sebanyak RM1.4 bilion. Syarikat ini bukan sekadar berorientasikan pelaburan semata-mata, tetapi berperanan untuk membantu membangunkan usahawan kelas menengah Bumiputera bagi meneroka industri baharu yang strategik di samping mewujudkan pelbagai peluang perniagaan serta pekerjaan. Kelahiran MARA Corp. ini boleh disifatkan sebagai *the new game changer of MARA* dalam membangunkan sosio-ekonomi Bumiputera.

Pada tahun pentadbiran ini juga, MARA terus memfokuskan kepada aktiviti teras sedia ada meliputi program keusahawanan dan pendidikan. Dari aspek keusahawanan, lebih kurang 37,000 orang usahawan telah dibangunkan oleh MARA sepanjang tahun 2016 dengan mengukuhkan penglibatan komuniti usahawan dalam bidang perniagaan berdaya maju. Sebuah institusi kewangan khusus bagi mendaya usahawan turut diwujudkan dengan penubuhan Rural Capital Berhad yang menyediakan pelbagai fasiliti kewangan termasuk bimbingan dan khidmat nasihat keusahawanan.

Sepanjang tahun ini juga di bawah program pendidikan MARA, kita telah berjaya melahirkan lebih kurang 33,000 anak didik cemerlang dan berkemahiran dari peringkat menengah ke pengajian tinggi. Untuk mengukuhkan lagi usaha ini, MARA telah menubuhkan Universiti MARA (UniMARA) yang merupakan kemuncak kepada sistem pendidikan cemerlang MARA. Melalui penubuhan institusi baharu ini, MARA berhasrat untuk menjadikannya sebuah institusi pengajian tinggi terbaik di rantau ini dan seterusnya menarik pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pengajian di Malaysia.

Sektor pelaburan MARA turut mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan memperoleh pendapatan tahunan sebanyak RM1.6 bilion iaitu melebihi sasaran awal sebanyak RM1.2 bilion. Malah, keupayaan pengurusan kredit juga semakin meningkat dengan bayaran balik pembiayaan perniagaan, pinjaman pelajaran dan sewaan premis perniagaan mencapai RM952 juta iaitu 19% melebihi daripada sasaran asal. Pembangunan bakat dan modal insan juga amat penting demi kelangsungan MARA. Sepanjang tahun 2016, lebih kurang 600 orang warga kerja berpeluang mengikuti latihan di

bawah program Pelan Penggantian dan Program Pembangunan Kerjaya bagi melahirkan warga kerja yang kompeten dan berilmu. Fokus turut diberikan kepada peningkatan tadbir urus korporat MARA serta pengukuhan nilai integriti sejajar dengan *tagline* 'Amanah Rakyat' agar seluruh 11,221 orang warga kerja MARA dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

Pencapaian cemerlang sepanjang 2016 merupakan manifestasi daripada kerja sepasukan yang ditunjukkan oleh seluruh warga dan komuniti MARA. Pengurusan MARA mengucapkan terima kasih atas curahan bakti sepanjang tahun pentadbiran ini terutamanya Ahli Majlis MARA yang berperanan dalam menentukan hala tuju strategik organisasi ini. Bermula tahun hadapan, kita akan memulakan 50 tahun MARA kehadapan setelah mencipta kejayaan gemilang sepanjang 50 tahun yang lepas. MARA memerlukan sokongan dari segenap lapisan rakyat untuk terus memacu agenda pembangunan negara demi mengangkat martabat bangsa.

DATUK IBRAHIM BIN AHMAD
Ketua Pengarah MARA

JABATAN KETUA PENGARAH

PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian Perancangan Strategik telah dijenamakan semula pada tahun 2016 selari dengan Pelan Strategik MARA 2016-2020. Selaras dengan penjenamaan semula, bahagian ini terus berperanan sebagai nadi penggerak MARA bagi merealisasikan visi, misi dan objektif MARA.

1. Merancang dan Mengurus Permohonan Bajet Pembangunan MARA

Bahagian Perancangan Strategik bertanggungjawab merancang dan mengurus permohonan Bajet Pembangunan MARA untuk Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK), tahunan serta dana-dana lain daripada agensi pusat. Peruntukan pembangunan yang diperoleh oleh MARA bagi tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah berjumlah RM318,590,000 bagi melaksanakan 67 program/projek pembangunan.

Projek yang dilaksanakan meliputi lima (5) projek di bawah Sektor Keusahawanan, 60 projek di bawah Sektor Pendidikan, satu (1) projek di bawah Sektor Pelaburan dan satu (1) projek di bawah Sektor Khidmat Pengurusan.

2. Memantau serta Menganalisa Prestasi Bajet Pembangunan MARA

Pemantauan ini dibuat secara menyeluruh dan konsisten melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek/Program MARA secara berkala. Sebanyak dua belas (12) siri lawatan pemantauan projek MARA telah dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan projek dan mengenalpasti isu yang berbangkit sepanjang tahun 2016.

3. Menyelaras Pelaksanaan Bengkel/ Makmal Pengurusan Nilai

Selaras dengan Pekeliling UPE, JPM Bil.1, Tahun 2015 di bawah RMKe-11, semua projek pembangunan yang bernilai RM50 juta dan ke atas dikehendaki melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai *(Value Management Lab)*. Sepanjang tahun 2016 sebanyak enam (6) kali.

Maklumat Pengurusan Nilai telah dilaksanakan seperti berikut :

BIL	PROJEK/PROGRAM	TARIKH (VM)
1.	Kenderaan Bas MARA	16 - 20 Mei 2016
2.	MRSM Bagan Datuk	19 - 23 Sept. 2016
3.	KPTM Ipoh	19 - 23 Sept. 2016
4.	MRSM Tanah Merah	10 - 14 Oktober 2016
5.	Projek Pembangunan Sistem Enterprise Resource Planning (ERP)	17 - 21 Oktober 2016
6.	MRSM Ketereh	13 - 16 Dis. 2016

4. Memantau dan Melapor Pencapaian Indeks Prestasi Utama (KPI) MARA, Menteri KKLW dan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB)

Pemantauan dan pelaporan ini dibuat bagi memastikan semua program/aktiviti MARA selari dengan Misi Nasional.

5. Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan

Kajian Penilaian *Outcome* (KPO) telah dilaksanakan untuk menilai keberhasilan objektif/ impak sesebuah program/projek yang dirancang tercapai selain memastikan penambahbaikan berterusan ke atas projek/program yang berkaitan.

Sebanyak tiga (3) kajian telah dilaksanakan berfokuskan kepada keberkesanan program keusahawanan dan perkhidmatan MARA iaitu:

i. Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) - Bahagian Pembiayaan Perniagaan

ii. Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP) – Bahagian Insfrastruktur Komersial

iii. Program Perkhidmatan Bas Henti-Henti MARA Liner – Bahagian Industri Pengangkutan

KPO Program Perkhidmatan Bas henti-Henti MARA Liner oleh Bahagian Industri Pengangkutan telah memenangi Kajian Penilaian *Outcome* Terbaik: Penilaian *Outcome* Kenderaan Bas MARA – Bas Henti-Henti MARA Liner sempena sambutan Hari Inovasi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) 2016.

6. Menyelaras *WAR Room* MARA

War Room dilengkapi dengan kemudahan maklumat dan data terkini yang berperanan sebagai pusat sumber rujukan Pengurusan Tertinggi MARA bagi membuat penilaian dan perancangan MARA. Bagi memudahkan Pengurusan MARA mendapatkan akses maklumat dengan mudah dan cepat, aplikasi Data War Room MARA (DMAWar) telah dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat.

War Room MARA sebagai pusat sumber rujukan Pengurusan Tertinggi MARA.

Aplikasi ini membolehkan Pengurusan MARA mendapatkan maklumat menerusi aplikasi di telefon mudah alih di mana-mana mereka berada.

Aplikasi DMAWar dan Buku Manual *War Room* telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah MARA pada 19 Ogos 2016.

7. Menyelaras Isu Berbangkit di Parlimen

Pada tahun 2016, sebanyak 46 isu melibatkan MARA telah dibangkitkan semasa mesyuarat pertama hingga ketiga persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Berikut ialah pecahan soalan/ isu Parlimen melibatkan sektor yang dibangkitkan semasa persidangan Parlimen.

Pecahan Soalan/Isu Parlimen Mengikut Sektor



8. Memantau dan Menyelaras Program Transformasi Luar Bandar seperti Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Pemantauan ini dibuat bagi memastikan kumpulan sasar mendapat manfaat secara menyeluruh melalui program yang dilaksanakan disamping memastikan peruntukan yang disalurkan digunakan sepenuhnya. MARA telah melaksanakan program keusahawanan dan peningkatan kemahiran khusus kepada penduduk setempat di RTC yang berkaitan. Program ini membantu usahawan setempat meningkatkan kemahiran dalam bidang tertentu di samping membantu meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk di kawasan setempat.

UTC PUSAT TRANSFORMASI BANDAR
MARA : 8 Total : 8

RTC PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR
MARA : 9 Total : 9

Seminar Group Coaching- Peluang Kedua di RTC Sungai Rambai, Melaka

Antara program keusahawanan dan kemahiran yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Seminar *Group Coaching*, Peluang Kedua di RTC Sungai Rambai, Melaka

ii. Kursus *Re-brand IT* di RTC Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang

iii. Kursus Pemasangan dan Penyelenggaraan Pintu Jenis *Roller* dan Kursus Pemasangan *Built-in cabinet* di RTC Sibuti

iv. Seminar *Uniqe, Selling, Proposition* dalam Pasaran Perniagaan di RTC Betong

Sepanjang 2016, lebih daripada 25,000 orang pengunjung telah mendapatkan perkhidmatan di Pejabat MARA Daerah (PMD) yang ditempatkan di lapan (8) UTC seperti berikut:

i. Bukit Bintang, Kuala Lumpur
ii. Kota Setar, Kedah
iii. Bandar Melaka, Melaka
iv. Kuantan, Pahang
v. Kinta, Perak
vi. Kota Kinababu, Sabah
vii. JohorBahru, Johor
viii. Kuching, Sarawak

PERUNDANGAN

Fokus utama perkhidmatan perundangan terdiri daripada khidmat perundangan korporat, litigasi serta pembelajaran dan pembangunan warga kerja MARA ke arah meningkatkan kecekapan dan kemahiran khususnya dalam aspek perundangan.

1. Khidmat Perundangan Korporat

Sistem penyampaian perkhidmatan perundangan korporat dipertingkatkan dengan melaksanakan urusan penggubalan, semakan dan penambahbaikan surat cara perundangan, serta khidmat nasihat perundangan :

i. Penggubalan / Semakan Perjanjian & MoU

Bahagian Perundangan bertanggungjawab menyedia, menggubal dan menyemak sejumlah 180 perjanjian/memorandum persefahaman melibatkan pelbagai program dan projek yang dilaksanakan mengikut sektor.

Penggubalan / Semakan Perjanjian & MoU



ii. Nasihat Perundangan

Sejumlah 423 pandangan dan nasihat perundangan telah diberikan terhadap pelbagai isu yang dirujuk oleh sektor-sektor di MARA dan syarikat subsidiari.

Nasihat Perundangan



iii. Penambahbaikan dan Penyeragaman Dokumen Perundangan

Penambahbaikan dan penyeragaman terhadap 64 dokumen perundangan MARA meliputi surat tawaran, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan dokumen perjanjian bagi kegunaan bahagian/pusat dan syarikat subsidiari MARA telah dilaksanakan.

Penambahbaikan dan Penyeragaman Dokumen Perundangan



2. Litigasi

Tindakan litigasi meliputi:

i. Tindakan undang-undang dan penguat kuasaan terhadap peminjam dan penjamin pinjaman pelajaran MARA yang ingkar; dan

ii. Pengendalian kes-kes tuntutan terhadap MARA

Tindakan Undang-undang Terhadap Peminjam Pinjaman Pelajaran MARA

Tindakan undang-undang terhadap 7,794 orang peminjam pinjaman pelajaran MARA meliputi notis tuntutan, saman, penghakiman dan pelaksanaan penghakiman iaitu kebankrapan/writ penyitaan. Hasil tindakan berkenaan, MARA telah berjaya mendapatkan kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran sebanyak RM12.3 juta sepanjang tahun 2016 berbanding RM8.4 juta bagi tahun 2015. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 46.4 peratus yang diperoleh pada tahun 2015.

Tindakan Undang-Undang Terhadap Peminjam Pinjaman Pelajaran MARA



3. Pembelajaran dan Pembangunan

Bahagian Perundangan telah menganjur dan mengendalikan program latihan berkaitan perundangan kepada anggota kerja MARA dan syarikat subsidiari serta mengadakan siri jalinan korporat dengan agensi berkaitan dan engagement dengan pusat-pusat MARA.

i. Program Kesedaran Undang-Undang dan Pemantapan Staf

Sepanjang tahun 2016, sebanyak sembilan (9) program kesedaran undang-undang dan pemantapan staf kepada 270 warga kerja MARA dan syarikat subsidiari telah dilaksanakan.

Kursus Litigasi Anjuran BUU Kepada Warga Kerja MARA yang terlibat dalam tindakan penguatkuasaan.

ii. Program Jalinan Korporat

Jalinan korporat bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Yayasan Sarawak, Yayasan Terengganu, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah dan PETRONAS telah dilaksanakan.

iii. Program *Engagement*

Engagement berterusan dengan pusat pentadbiran MARA telah diadakan bagi memastikan semua warga kerja mematuhi peraturan yang berkuatkuasa melalui pendekatan pendidikan dalam menerapkan amalan terbaik dalam persekitaran kerja.

KOMUNIKASI KORPORAT

Bahagian Komunikasi Korporat (BKOM) MARA, bertindak sebagai *focal point* dalam menyampaikan dan menyalurkan maklumat di peringkat pusat MARA, nasional dan antarabangsa. Ini termasuk dalam perancangan dan pelaksanaan strategi pemerkasaan imej korporat MARA, perhubungan awam, penyelarasan media dan persiapan acara korporat.

1. Hebahan media cetak, elektronik dan sosial

Sebagai medium pengantara MARA dan masyarakat, tugas BKOM adalah merancang, mengurus dan mendokumentasikan bahan maklumat bagi setiap dasar, program dan aktiviti. Ini dilaksanakan melalui penerbitan bahan cetakan seperti laporan tahunan, ucapan pengurusan MARA, brosur, risalah, rakaman foto dan video bagi tujuan edaran dan rujukan pihak awam dan media. Sepanjang tahun 2016, hebahan maklumat mengenai MARA dilakukan melalui tiga (3) saluran utama seperti berikut :-

MEDIA CETAK			
18	Rencana Khas	23	Iklan Bercetak
2	Sisipan Khas	1,978	Berita Media Cetak
MEDIA ELEKTRONIK			
220	Pengumuman radio	15	*Crawler*/Rerayan Televisyen
25	Lintas langsung/wawancara di televisyen/sidang media		
MEDIA SOSIAL			
facebook	twitter	Instagram	
257,627 like	*9,687 followers*	*6,498 followers*	
YouTube	Blogger		
152,013 viewers	*290,692 viewers / 1,522 post*		

2. Perhubungan Pelanggan dan Aduan

MARA Call Centre (MCC) diwujudkan bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian serta saluran kepada penyelesaian masalah pelanggan MARA.

Bagi tujuan menjalin hubungan jangka panjang dengan pelanggan, melalui penggunaan Sistem *Customer Relationship Management (CRM),* MCC berjaya menyelesaikan 20,224 kes masalah pelanggan daripada jumlah keseluruhan panggilan/masalah yang diterima sebanyak 25,075. Dari aspek aduan, sebanyak 140 aduan awam yang diterima pada tahun 2016 melalui pelbagai saluran iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam Bersepadu (SISPAA), surat khabar, Biro Pengaduan Awam, emel, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), surat dan laman web berjaya diselesaikan dalam jangka masa yang ditetapkan.

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob mencuba alatan telefonis *MARA Call Center (MCC)* di Ibu Pejabat MARA, Jalan MARA, Kuala Lumpur.

MCC dikendalikan oleh pegawai terlatih yang diberikan latihan dari semasa ke semasa serta maklumat yang tepat dan terkini.

Bagi perkhidmatan pelanggan di Kaunter Informasi, *Visitor Management System (VMS)* telah digunakan mulai 2016 bagi mendokumentasi jumlah pelanggan yang hadir dan bahagian yang sering dikunjungi pelanggan. Purata jumlah pelanggan yang hadir berurusan di Kaunter Informasi dalam sehari ialah 350 orang dan meningkat mengikut musim.

3. Program Pembangunan Pelajar

Program Pembangunan Pelajar dilaksanakan bagi melahirkan modal insan yang berintegriti, pemimpin perniagaan awam, profesional seterusnya membekalkan pekerja yang inovatif, kompeten dan berpotensi menjadi *corporate leader* atau *industrial figure* yang bertaraf global. Aktiviti pembangunan pelajar yang telah dijalankan sepanjang 2016 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	AKTIVITI	PENYERTAAN
1.	Pecutan Akhir Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).	Bimbingan oleh guru-guru pakar subjek berkaitan teknik menjawab soalan yang betul dan tepat serta sistem pemarkahan mengikut skema Lembaga Peperiksaan Malaysia.	14 program (3,000 orang pelajar).
2.	Bengkel dan seminar pendidikan	Pendedahan kepada pelajar luar bandar berbentuk kemahiran insaniah *(soft skills).*	65 program (10,000 orang pelajar).
3.	Kepemimpinan dan keusahawanan	Pendedahan kepada pelajar berkaitan konsep, tahap, prinsip kepimpinan, keusahawanan, kemahiran komunikasi berkesan, kerja berpasukan dan pengurusan masa yang diharap dapat melahirkan pemimpin dan usahawan berjaya dan berkaliber.	Badan Wakil Pelajar (BWP) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari Institusi Pendidikan MARA (IPMa) (500 pelajar).
4.	*Speed Reading*	Menekankan kemahiran dan teknik membaca dengan betul, pantas, cepat dan ringkas.	1,000 orang
5.	*Finishing School* (keterampilan graduan)	Menekankan kemahiran intrapersonal, keterampilan diri, sikap, sahsiah diri yang unggul selaras dengan jangkaan dan keperluan industri perkerjaan masa ini. Pelajar akan didedahkan dengan tips dan persediaan menghadapi temuduga, teknik penulisan resume yang berkesan, *grooming* dan *etiquette.*	500 orang pelajar tahun akhir di Institusi Pendidikan MARA (IPMa), Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

4. Karnival Pendidikan MARA (KPM)

KPM merupakan acara tahunan yang mula diperkenalkan sejak tahun 2000 sebagai platform pemasaran bagi menyalurkan maklumat peluang pendidikan yang ditawarkan di Institusi Pendidikan MARA (IPMa), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tajaan MARA dan Universiti Awam. *Outcome* kepada penganjuran program ini adalah seperti berikut:

i. Penyaluran maklumat dan nasihat berhubung peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar lepasan PT3, SPM dan STPM dan sijil-sijil yang setarafnya untuk menyambung pengajian ke pusat-pusat pengajian di negara ini bagi sesi 2016/2017;

ii. Mengukuhkan rangkaian strategik *(networking)* di antara pemain-pemain industri pendidikan Bumiputera;

iii. Pengukuhan imej dan jenama *(branding)* KPM ke arah transformasi pendidikan negara; dan

iv. Peningkatan imej IPMa serta menambah enrolmen pelajar di IPMa dan institusi pendidikan yang lain.

Seramai 362,000 orang pengunjung telah memeriahkan karnival ini dengan 877 *booth* dari 125 buah pempamer di 12 lokasi seluruh Malaysia. Karnival Pendidikan MARA di Kuala Lumpur telah mencatat kehadiran pengunjung melebihi 100,000 orang dengan penglibatan 85 institusi pendidikan dari seluruh negara. Berikut adalah jumlah pengunjung KPM 2016 mengikut lokasi penganjuran.

BIL	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PENGUNJUNG
1.	5 - 6 Mac 2016	Lobi Medan MARA dan Dewan Utama, Hotel Premiera Kuala Lumpur	100,000
2.	9 - 10 Mac 2016	Stadium Sultan Muhammad Ke IV, Kota Bharu, Kelantan	65,000
3.	12 – 13 Mac 2016	Dewan Majlis Bandaraya Alor Setar, Alor Setar, Kedah	15,000
4.	12 – 13 Mac 2016	The Hills Shopping Mall, Kuching, Sarawak	5,000
5.	19 – 20 Mac 2016	Sunway Carnival Convention Centre, Seberang Jaya, Pulau Pinang	20,000
6.	26 – 27 Mac 2016	Megamall, Kuantan, Pahang	32,000
7.	26 – 27 Mac 2016	RTC Gopeng, Gopeng, Perak	15,500
8.	2 – 3 April 2016	Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor	20,000
9.	2 – 3 April 2016	1 Borneo Hypermall, Kota Kinabalu, Sabah	20,000
10.	9 – 10 April 2016	Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu	25,000
11.	9 – 10 April 2016	MITC, Ayer Keroh, Melaka	20,000
12.	16 – 17 April 2016	Anggerik Mall, Selangor	24,500

Karnival Pendidikan MARA yang diadakan di MITC, Ayer Keroh, Melaka pada 9-10 April 2016.

Sambutan Perdana 50 Tahun MARA

Majlis Sambutan Perdana 50 Tahun MARA telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak pada 4 April 2016 bertempat di Menara MARA, Kuala Lumpur.

Beliau turut mengumumkan langkah persediaan untuk mengukuhkan lagi MARA bagi menghadapi cabaran untuk 50 tahun akan datang iaitu:

i. Penubuhan MARA Corporation bagi membolehkan pengurusan dan tadbir urus anak syarikat MARA lebih teratur dan kemas.

ii. Penubuhan Rural Capital Berhad (RCB) syarikat yang memberi khidmat pembiayaan kewangan dan bantuan serta nasihat keusahawanan kepada usahawan Melayu dan Bumiputera.

iii. Penubuhan UniMARA yang menawarkan kursus bukan berasaskan teknikal dan vokasional (TVET).

iv. Pemerkasaan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) kepada Yayasan MARA.

Semasa majlis sambutan 50 Tahun MARA, nama Jalan Semarang yang terletak di antara Kompleks Pertama dan Medan MARA telah ditukar kepada Jalan MARA sebagai simbol kewujudan 50 tahun MARA.

YAB Perdana Menteri Malaysia, Menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Perdana 50 Tahun MARA pada 4 April 2016

PENYELARASAN PENGURUSAN

Unit Penyelaras (UPL) diwujudkan sebagai sekretariat yang bertanggungjawab dalam memastikan keputusan dan arahan di peringkat Pengurusan Tertinggi MARA dapat disalurkan kepada Pusat-pusat Pentadbiran MARA dengan memfokuskan kepada:

i. Pengendalian mesyuarat Jawatankuasa peringkat Pengurusan MARA termasuk pembentangan prestasi dan perancangan oleh Pengurusan MARA dan Pengarah MARA Negeri;

ii. Penyelarasan dengan semua pusat pentadbiran MARA bagi memastikan semua perancangan yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi MARA dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan;

iii. Penyediaan dan pengemaskinian perwakilan kuasa dan tanggungjawab Ketua Pengarah MARA, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Kanan kepada Pengarah Bahagian selaras dengan Seksyen 7 Akta MARA;

iv. Pengemaskinian Terma Rujukan *(Term of Reference)* bagi Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Kanan dan Ahli-ahli Pengurusan MARA;

v. Penyelarasan bagi semua maklum balas dan kertas kerja yang diperlukan oleh pihak Kementerian daripada Pengurusan MARA;dan

vi. Penyediaan bahan-bahan dan laporan kajian terkini daripada sumber-sumber yang berwibawa untuk rujukan dan kegunaan Pengurusan Tertinggi MARA.

Inovasi yang dijalankan di UPL sepanjang 2016:

i. Penggunaan *Electronic Document Management System (EDMS)* iaitu aplikasi pemantauan pergerakan surat-surat Ketua Pengarah secara atas talian.

ii. Pengedaran Dokumen Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA secara capaian atas talian melalui Portal MARAnet.sharepoint.com dan memuat turun dokumen dengan menggunakan *Window Surface Tablet* semasa mesyuarat bersidang.

iii. Memuat turun Dokumen Surat Perwakilan Kuasa secara atas talian di Portal MARAnet.sharepoint.com dengan kerjasama Bahagian Perundangan (BUU), Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dan Bahagian Kewangan (BKW).

Prestasi pelaksanaan mesyuarat di bawah Jawatankuasa Peringkat Pengurusan MARA bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	MESYUARAT JAWATANKUASA	BIL MESYUARAT
1.	Teraju MARA	18
2.	Pengurusan MARA	18
3.	Pengurusan MARA (Khas)	4
4.	Runding Harga	13
5.	Peraturan Baru	2
6.	Piawaian & Kos	7
7.	Pengarah-pengarah MARA Negeri	4
8.	Hapus Kira	3
9.	Penyelarasan & Penemuan Audit	4
10.	Perbelanjaan & Kerugian	3
	Jumlah	**76**

Pembentangan Perancangan & Prestasi Pengurusan MARA 2016 adalah seperti berikut:

	PEMBENTANGAN KPI	BILANGAN
1.	Pengurusan MARA	4
2.	Pengarah-Pengarah MARA Negeri	3
	Jumlah	**7**

Pembentangan Perancangan & Prestasi Pengurusan MARA 2016 dilaksanakan secara suku tahun iaitu melibatkan Bahagian, Subsidiari dan Pejabat MARA Negeri kepada Pengurusan Tertinggi MARA.

Pembentangan Perancangan & Prestasi Pengurusan MARA 2016

UNIT URUS SETIA MAJLIS

Unit Urus Setia Majlis berperanan untuk menyelaras keputusan-keputusan Majlis dalam memastikan program dan aktiviti yang dirancang selari dengan dasar serta polisi MARA. Tugas dan peranan utama Unit Urus Setia Majlis adalah:

i. Melaksanakan Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat di bawah Jawatankuasa Majlis mengikut Akta MARA dan peraturan yang ditetapkan.

ii. Mengurus setia dan menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan bagi mesyuarat-mesyuarat di bawah Jawatankuasa Majlis.

iii. Bertindak sebagai saksi bagi pihak MARA ke atas semua dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) antara MARA dan pihak ketiga.

iv. Menyimpan meterai Majlis dan memastikan semua Surat Cara, Dokumen dan lain-lain instrumen dimeteraikan serta disimpan sebagaimana diluluskan oleh Majlis.

v. Menyelaras dan menguruskan keperluan-keperluan Pengerusi dan Ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dan peranan Majlis.

Sepanjang 2016, Unit Urus Setia Majlis telah menggunakan *Electronic Document Management System (EDMS).* Sistem ini berupaya mengumpul dan menyimpan dokumen terperingkat iaitu minit Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat di bawah Jawatankuasa Majlis, MoU & MoA dan surat serta memorandum kepada YB Menteri dan lain-lain dokumen berkaitan. Prestasi pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa di bawah Majlis MARA bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	MESYUARAT JAWATANKUASA	BIL MESYUARAT
1.	Majlis MARA	14
2.	Lembaga Perolehan MARA 'A'	7
3.	Lembaga Perolehan MARA 'B'	22
4.	Perjawatan MARA	9
5.	Kenaikan Pangkat Tinggi	4
6.	Kenaikan Pangkat Sokongan	4
7.	Rayuan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan Tertinggi & Profesional) [1B]	1
8.	Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Pengurusan & Profesional) [3A]	2
9.	Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Sokongan) [4A]	1
10.	Rayuan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat MARA (Kump. Sokongan) [4B]	1
11.	Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat MARA (Kumpulan Sokongan) [5A]	1

Mesyuarat Majlis MARA bertempat Ibu Pejabat MARA

PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Unit Penyelidikan dan Inovasi MARA (UNI) ditubuhkan untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi MARA. Justeru, UNI telah melaksanakan beberapa program pembudayaan inovasi dan pembangunan profesionalisme dalam bidang penyelidikan dan inovasi kepada warga MARA dan syarikat subsidiari MARA seperti berikut:

i. Bengkel dan perbincangan antara MARATeX dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) tentang *Strategic Planning for Innovation Programmes 2016*

ii. *MARATeX Project Brief & Managing Innovation Project* (Penyelarasan Inovasi Bahagian/Pusat)

iii. MARATeX Colloqium (Proposal Writing Workshop)

iv. *MARATeX Symposium (Project Defense Proposal & Costing Evaluation)*

v. *MARATeX Product Design Workshop*

vi. *MARATeX Conference*

vii. *Junior English Innovation Lab (JEIL)* @ MRSM Gemencheh

viii. *MARATeX Patent Drafting Workshop*

ix. *MARA Junior Innovation Lab (JIL)*

x. *Briefing & Workshop On MARATeX Youth Innovation Lab (YIL)*

UNI berperanan mengukuhkan rantai nilai dan jaringan dengan rakan strategik tempatan dan global. Disamping itu, usaha ini adalah untuk meningkatkan proses pengkomersialan produk inovasi MARA. Antara pertandingan inovasi yang disertai oleh MARA sepanjang tahun 2016 ialah:

i. Malaysia Techology Exploration (MTE)
ii. Anugerah Inovasi MARA
iii. Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW
iv. Anugerah Inovasi Negara (AIN)
v. Cabaran Inovasi Inklusif (MOSTI)
vi. Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA)
vii. Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM)
viii. Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN)

Kejayaan MARA dalam Pertandingan Inovasi

Beberapa kejayaan telah dicapai oleh MARA dalam bidang penyelidikan dan pertandingan inovasi. Buat pertama kali, MRSM Taiping telah berjaya menempa nama MARA dalam pertandingan Anugerah Inovasi Negara bagi peringkat sekolah apabila berjaya menjadi Johan. Beberapa kejayaan MARA yang boleh dibanggakan adalah seperti berikut:

BIL	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
1.	Anugerah Inovasi Negara 2016	**Johan** MRSM Taiping (Fo-Ver [Floating Ver])
2.	Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2016	**Johan** i. Kategori Sumber Manusia (Bahagian Sumber Manusia) ii. Kategori Kajian Penilaian *Outcome* (Bahagian Industri Pengangkutan) **Naib Johan** i. Kategori Pengurusan Kewangan (Bahagian Kewangan) ii. Kategori Pengurusan Perkhidmatan Awam (e-daftar) - Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)
3.	High Impact Programme (HIP6) MOSTI	i. IKM Alor Setar: (Furniture in Life), Geran (HIP6) MOSTI bernilai RM150,000 ii. MRSM Mukah: (Sago Molasses), Geran (HIP6) MOSTI bernilai RM50,000 iii. MRSM Kubang Pasu: (Pandanus), Geran (HIP6) MOSTI bernilai RM50,000
4.	Malaysian Technology Expo (MTE) 2016	**Johan** i. MARA Ketengah International College (MKIC) ii. Kolej MARA Kulim iii. MRSM Kuala Terengganu iv. GiatMARA Petaling Jaya • 11 pemenang naib johan dan 13 pemenang tempat ketiga.

Pengkomersialan Produk Inovasi MARA

Kerjasama dengan Yayasan Inovasi Malaysia, PlatCom, Gemini Voyage Sdn Bhd, Loyal Engineering Sdn Bhd dan Dewan Bahasa & Pustaka bagi pengkomersialan produk inovasi MARA. Antara produk yang terlibat ialah *Furniture in Life*, *Composite Roof Tile* dan Buku Bio'dai.

Perlindungan Harta Intelek MARA

MARA telah memfailkan permohonan perlindungan harta intelek bagi produk inovasi yang dihasilkan oleh warga kerja MARA seperti berikut:

JENIS PERLINDUNGAN	BILANGAN	KOS
Trademark	1	RM1,020
Patent	8	RM6,700

Skim Geran Penyelidikan dan Inovasi MARA (SGPIM)

MARA telah menyediakan Skim Geran Penyelidikan dan Inovasi MARA (SGPIM) untuk mempergiatkan program penyelidikan dalam kalangan warga kerja MARA dan subsidiari. MARA memperuntukkan sejumlah dana kepada 202 orang warga kerja MARA dan syarikat subsidiari bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi seperti berikut:

TAHUN	BIL. PENERIMA GERAN	BIL. PROJEK YANG SIAP
2013	52	49
2014	71	54
2015	70	44
2015 (Pra-Pengkomersialan)	9	6
Jumlah	**202**	**153**

MARA juga telah telah mengeluarkan dua (2) buah buku direktori produk inovasi MARA iaitu Direktori MARATeX 2016 dan Kompilasi Finalis MARATeX 2016.

AUDIT DALAM

MARA sentiasa memastikan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan berada dalam keadaan cemerlang di samping mengamalkan hasil kerja yang efektif dan efisien. Pelaksanaan program dan aktiviti MARA adalah berdasarkan peraturan dan prosedur yang ditetapkan agar objektif dan matlamat program sampai kepada kumpulan sasar. Setiap dasar dan peraturan yang dikuatkuasakan akan memastikan akauntabiliti pegawai MARA sentiasa terpelihara. Bahagian Audit Dalam (AUD) bertanggungjawab melaksanakan pengauditan, memberi khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan bagi memantapkan tadbir urus korporat serta keberkesanan kawalan dalaman bagi pusat pentadbiran termasuk subsidiari MARA.

Prestasi pelaksanaan aktiviti pengauditan bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

Prestasi Aktiviti Pengauditan Tahun 2016



Jawatankuasa Audit MARA (JAM) bertanggungjawab membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh AUD atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak pengurusan agar kelemahan-kelemahan diperbetulkan dan tidak berulang.

Pelaksanaan Audit Kendiri oleh Pengawal Pusat melalui Sistem Pemantauan Indeks Akauntabiliti MARA (PANTAU) secara atas talian telah diperkenalkan. Pelaksanaan PANTAU bertujuan untuk memastikan tadbir urus korporat dalam pengurusan organisasi, kewangan dan aset di pusat pentadbiran MARA berada dalam keadaan terbaik. Capaian ke sistem ini melalui pautan, http://pantau.mara.gov.my/.

Skop pengauditan dalam sistem ini merangkumi lima (5) bahagian iaitu :

i. Bahagian 1: Kawalan Pengurusan Organisasi
ii. Bahagian 2: Kawalan Terimaan
iii. Bahagian 3: Kawalan Perbelanjaan
iv. Bahagian 4: Kawalan Pengurusan Aset
v. Bahagian 5: Kawalan Pengurusan Stor

INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integriti di MARA. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

- Tadbir Urus
- Pengukuhan Integriti
- Pengesanan dan Pengesahan
- Pengurusan Aduan
- Pematuhan
- Tatatertib

Prestasi pelaksanaan program integriti MARA bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	KEKERAPAN
1	Ceramah / Taklimat Integriti	42 Siri
2	Program Wira Anti Rasuah (WAR)	3 Siri
3	Kursus Corruption Risk Management (CRM)	1 Siri
4	Kursus Peningkatan Integriti dan Pencegahan Rasuah Sekretariat Pencegahan Rasuah Institusi Pendidikan MARA (SPR IPMa)	8 Siri
5	Seminar/Kursus Peningkatan Integriti	7 Siri
6	Ikrar Integriti Korporat (CIP)	21 Pusat MARA 19 Subsidiari
7	Lawatan Pematuhan	17 Siri
8	Pengurusan Aduan	31 Aduan
9	Pengesanan dan Pengesahan	15 Kes

Impak daripada program integriti kepada pelajar, warga kerja MARA dan Subsidiari berjaya meningkatkan pengetahuan berkaitan integriti dan mengurangkan kadar salah guna kuasa, rasuah dan penyelewengan serta secara langsung dapat melahirkan modal insan yang berintegriti tinggi.

Kursus Peningkatan Integriti

Program Pengukuhan Integriti

SEKTOR KEUSAHAWANAN

SEKTOR KEUSAHAWANAN

BIL	INISIATIF	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016	%
1.	Pembangunan PKS/Usahawan Negara	Membangunkan 15,600 orang usahawan	36,581	234%
2.	Memperluaskan Akses Kemudhan Pembiayaan Perniagaan	3,500 bilangan penerima pembiayaan	4,401	126%
3.	Membangun kan Usahawan lepsan IPMa	750 usahawan IPMa	897	120%
4.	Pemantapan Syarikat Usahawan Koporat	100 usahawan PKS/syarikat penarafan tiga (3) bintang	629	629%
5.	Transformasi Premis Usahawan Luar Bandar	50 orang usahawan	77	154%

PEMBANGUNAN USAHAWAN

Program Pembangunan Usahawan bermatlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan baharu serta memperkasa usahawan sedia ada agar lebih berdaya maju dan berdaya saing yang mampu bersaing di peringkat global. Sepanjang tahun 2016, seramai 36,581 usahawan Bumiputera telah mendapat manfaat melalui empat (4) aktiviti utama Program Pembangunan Usahawan.

1. Latihan Bersepadu Keusahawanan MARA / *MARA Entrepreneurial Integrated Training (MERIT)*

MERIT merupakan latihan pembangunan usahawan secara berpakej meliputi Latihan Motivasi Usahawan, Penempatan Industri & Inkubator *(Attachment & Incubator)*, Rancangan Perniagaan *(Business Plan)* dan Bimbingan Perniagaan *(Business Coaching)* disamping kursus-kursus peningkatan dalam pengurusan perniagaan, pemasaran dan pengurusan kewangan.

Terdapat tiga (3) komponen di dalam inisiatif MERIT iaitu *PIONEER* (Pembudayaan Usahawan), *PROGRESSIVE* (Pewujudan Usahawan) dan *PREMIER* (Peningkatan dan Pengukuhan Usahawan). Pada tahun 2016, seramai 30,605 orang peserta telah dilatih di bawah MERIT dengan perbelanjaan berjumlah RM8.7 juta.

Bilangan Peserta Program PIONEER



Perbelanjaan Program PIONEER (RM)



Bilangan Peserta Program PROGRESSIVE



Perbelanjaan Program PROGRESSIVE (RM)



Bilangan Peserta Program PREMIER



Perbelanjaan Program PREMIER (RM)



Demonstrasi Kecantikan oleh Usahawan MARA

2. Program Pembangunan Usahawan Teknologi Lanjutan / *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*

ADAPT bertujuan untuk melahirkan usahawan yang mengaplikasikan dan menggunakan kepakaran dalam bidang teknikal, teknologi dan inovasi dalam pengeluaran produk, perkhidmatan dan pengurusan perniagaan dalam membuat keputusan berkaitan perniagaan. Program ini membantu usahawan Bumiputera ke arah peningkatan dan pengukuhan teknousahawan serta sebagai pemain industri yang mampu menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Empat (4) komponen di bawah ADAPT adalah Latihan Pembangunan Teknologi, Kajian, Pembangunan dan Teknologi (R,D & I), Geran Permulaan dan Pengeluaran & Pengkomersialan. Pada tahun 2016, seramai 34 usahawan Bumiputera mendapat manfaat melalui program ini dengan perbelanjaan sebanyak RM927 ribu.

Bilangan Peserta Program ADAPT



Perbelanjaan Program ADAPT (RM)



Usahawan sedang mengikuti Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan / *Advanced Technology Entrepreneur Development Program (ADAPT)*

3. Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan / *Business Advancement and Standard Development Program (BASE)*

BASE merupakan program pembangunan kapasiti dan keupayaan usahawan melalui pendekatan perundingan perniagaan bagi memudah cara, membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada usahawan Bumiputera melalui pelantikan perunding profesional.

Skop kemudahan BASE merangkumi pembangunan standard piawaian seperti persijilan Halal, *Clean, Safe And Healthy (BeSS), Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP),* Persijilan ISO, Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan lain-lain yang diperlukan dalam industri. BASE juga membantu dalam peningkatan, pembangunan syarikat dan pembangunan produk serta kemudahan transformasi dan pemulihan syarikat. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 298 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada program BASE yang telah dilaksanakan diseluruh negara dengan perbelanjaan sebanyak RM3.54 juta.

Bilangan Peserta Program BASE



Perbelanjaan Program BASE (RM)



Aktiviti Program Peningkatan dan Pembangunan Standard Perniagaan / *Business Advancement and Standard Development Program (BASE)*

4. Program Pembangunan dan Peningkatan Produk Usahawan Bumiputera / *Entrepreneur Product Advancement and Development Program (EXPAND)*

Entrepreneur Product Advancement and Development Program (EXPAND) dahulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Pemasaran. Program *EXPAND* memberi pendedahan dan peluang kepada usahawan Bumiputera untuk mempromosi dan meluaskan lagi akses pasaran produk/perkhidmatan mereka ke pasaran yang lebih berpotensi di peringkat tempatan mahupun global.

Seramai 5,644 orang usahawan menerima kemudahan program ini dengan perbelanjaan berjumlah RM9.2 juta. Antara program-program yang dilaksanakan ialah Mini Karnival Usahawan Desa, *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS), *Beauty Expo 2016*, Wanita Kreatif *Fest, Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism* (MAHA), *Muslim Life Style Show-London* dan *Tokyo International Industry Exhibition 2016.*

Bilangan Usahawan Program EXPAND



Jumlah Perbelanjaan Program EXPAND (RM)



Program Pembangunan dan Peningkatan Produk Usahawan Bumiputera / *Entrepreneur Product Advancement and Development Program (EXPAND)*

MARA telah membangunkan usahawan mengikut kluster bidang perniagaan. Berikut merupakan pecahan kluster dan usahawan yang terlibat sepanjang tahun 2016.

BIL	KLUSTER	BILANGAN USAHAWAN
1.	*Advanced Technology*	3,800
2.	*ICT & ICT Creative*	2,500
3.	*Construction*	360
4.	*Food & Beverages*	7,450
5.	*Automotive*	1,700
6.	*Wellness*	2,100
7.	*Lifestyle*	4,500

PEMBANGUNAN INDUSTRI

Konsep pembangunan industri mengikut kluster dirangka bagi memastikan *outcome* usahawan berjaya dan inovatif melalui pelaksanaan program *The Baron*, *MARA Integrated Smart Auto (MISA)*, Program Rantaian Nilai Industri (PRiN), Program Usahawan Teknikal (PUTEK) dan PUTRA. Program-program ini dilaksanakan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup Bumiputera ke arah mencapai matlamat negara berpandapatan tinggi.

Seramai 598 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.

1. *The Baron*

The Baron merupakan inisiatif bagi melahirkan usahawan korporat dan memberi galakan kepada usahawan Bumiputera untuk terlibat secara berkesan dalam penciptaan kekayaan *(wealth creations)*.

Program ini membantu untuk mentransformasi ahli pengurusan syarikat korporat dalam kalangan profesional Bumiputera bagi menerajui syarikat bertaraf global melalui kaedah pembiayaan ekuiti syarikat.

Seramai sebelas (11) orang usahawan korporat dalam pelbagai bidang telah dibangunkan dalam tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM41.5 juta menerusi program *The Baron*.

Bilangan Peserta Program *The Baron*



Jumlah Perbelanjaan Program *The Baron* (RM)



	2016	2015
Peruntukan	40,000,000	40,000,000
Perbelanjaan	41,500,000	35,615,000



Ikatan Construction Sdn. Bhd. & Bina Integrated Industries Sdn. Bhd. Usahawan di bawah Program TheBaron

2. *MARA Integrated Smart Auto (MISA)*

Program ini mengintegrasikan usahawan pengeluar alat ganti, bengkel perkhidmatan, pelupusan dan pengedar-pengedar kenderaan Bumiputera dengan fokus kepada peningkatan bengkel, teknologi, perkhidmatan yang kompeten serta perlaksanaan pengurusan amalan terbaik. Program ini dilaksanakan melalui kolaborasi strategik di antara MARA dan *Malaysia Automotive Institute (MAI)* serta pemain industri automotif. Melalui kolaborasi ini, MARA akan menyediakan kemudahan pembiayaan manakala latihan atau hand holding coaching dikendalikan oleh MAI. Pada tahun 2016, sebanyak lima (5) syarikat automotif telah dibantu melibatkan perbelanjaan sebanyak RM12.8 juta.

Bilangan Peserta Program MISA



Jumlah Perbelanjaan MISA (RM)



	2016	2015
Peruntukan	6,000,000	15,000,000
Perbelanjaan	12,800,000	12,125,000

Usaha Maju Auto Sdn Bhd Usahawan di bawah Program MISA

3. Program Pembangunan Rantaian Nilai Industri (PRiN)

Program ini diformulasikan bagi tujuan mengukuhkan penyertaan usahawan Bumiputera di sepanjang rantaian nilai industri khususnya di peringkat yang kurang atau belum dirintis. Program PRiN merupakan penambahbaikan bagi program yang seumpamanya dalam RMKe-10 iaitu Program Kemudahan Pengeluaran dan Perintisan (KPP) dan Program Pembiayaan Inkubator Teknologi Tinggi (PITT).

Program ini bertujuan memudahkan akses kepada usahawan pelbagai peringkat dalam rantaian nilai untuk menyokong penyertaan Bumiputera dalam semua perniagaan sama ada sektor perkhidmatan, perdagangan mahupun perkilangan. Pada tahun 2016, sebanyak lima (5) syarikat telah diberi kemudahan PRiN dengan perbelanjaan berjumlah RM6.5 juta.

Bilangan Peserta Program PRiN



Jumlah Perbelanjaan Program PRiN (RM)



	2016
Peruntukan	6,500,000
Perbelanjaan	6,523,300

4. Program Usahawan Teknikal (PUTEK)

Pada tahun 2016, program ini telah membelanjakan sebanyak RM3.97 juta bagi melahirkan 80 usahawan yang memiliki kemahiran teknikal dan vokasional (TVET) untuk menceburi industri yang relevan. Program ini disasarkan kepada usahawan lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) iaitu GiatMARA, IKM, KKTM dan UniKL serta lepasan institusi kemahiran teknikal lain.

Bilangan Peserta Program PUTEK



Jumlah Perbelanjaan Program PUTEK (RM)



	2016	2015
Peruntukan	4,500,000	10,000,000
Perbelanjaan	3,969,733	10,239,763

iGrafix Sdn Bhd Usahawan di bawah Program PUTEK

5. Program Usahawan Muda (PUTRA)

PUTRA merupakan inisiatif MARA bagi melahirkan usahawan kecil dinamik dari golongan belia atau generasi muda. Difokuskan kepada pelajar lepasan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang mahu memulakan perniagaan buat pertama kalinya *(start up)*. Program yang berkonsepkan *conversion* ini merangkumi komponen pembiayaan kecil dan *hand holding coaching*. Sejumlah RM3.9 juta telah dibelanjakan untuk melahirkan 497 usahawan muda pada tahun 2016.

Bilangan Peserta Program PUTRA



Jumlah Perbelanjaan Program PUTRA (RM)



	2016	2015
Peruntukan	8,000,000	44,427,673
Perbelanjaan	3,998,800	49,875,808

6. Program Pembangunan MARA Digital

Pembangunan MARA Digital bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan usahawan muda Bumiputera dalam bidang digital dan ICT serta memberi peluang kepada usahawan Bumiputera ICT sedia ada mengembangkan perniagaan mereka.

MARA Digital yang pertama telah dilancarkan di Menara MARA Kuala Lumpur pada 8 Disember 2015 dan seterusnya di Anggerik Mall, Shah Alam pada 21 Julai 2016. MARA Digital Menara MARA, Kuala Lumpur dan Anggerik Mall, Shah Alam berjaya mencatat jualan terkumpul pada tahun 2016 berjumlah RM15.5 juta.

MARA Digital di Menara MARA

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Program pembangunan infrastruktur MARA memainkan peranan yang penting bagi menyokong pembangunan ekonomi sekaligus menyokong program pembangunan usahawan Bumiputera dengan menyediakan lot ruang niaga serta premis di persekitaran yang kondusif, lengkap dengan kemudahan dan terletak di kawasan yang strategik serta komersial.

Pembangunan Projek

Pada tahun 2016, pembangunan projek memfokuskan kepada dua (2) program utama iaitu Program Transformasi Perusahaan Industri Halal dan Program Transformasi Usahawan Luar Bandar (TREnt).

1. Program Transformasi Perusahaan Industri Halal

Sebanyak enam (6) Kawasan Industri MARA (KIM) sedia ada telah dipilih untuk dibangunkan sebagai Halal Park dalam RMKe-11 melibatkan 130 lot kilang. Melalui program transformasi ini, infrastruktur di KIM akan dinaiktaraf untuk mencapai standard yang diperlukan bagi persijilan halal, Practice (GMP) dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI). Peruntukan sebanyak RM20 juta disediakan bagi kerja-kerja menaik taraf KIM dalam RMKe-11.

Industri Makanan Halal di KIM

2. Program Transformasi Usahawan Luar Bandar (TREnt)

TREnt memberi fokus kepada pembangunan semula bazar yang usianya melebihi 20 tahun di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka supaya menjadi lebih menarik, selamat dan selesa. Pembangunan semula bazar lama bertujuan untuk menarik lebih ramai pelanggan seterusnya meningkatkan pendapatan usahawan di luar bandar. Dengan peruntukan sebanyak RM32,760,000, pembangunan ini akan melibatkan 18 premis yang akan dibangunkan melalui tiga (3) fasa.

Premis Perniagaan di bawah Program TREnT

Pembangunan Penyewaan

1. Penyewaan Premis Perniagaan dan Kutipan Sewa

Lot-lot premis perniagaan MARA diisi secara penyewaan kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). MARA mempunyai sejumlah 7,118 lot perniagaan dengan 495 projek premis perniagaan MARA seluruh negara yang terdiri daripada kategori di bawah:

- Lot komersial
- Arked
- Bazar
- *Entrepreneur Park*
- *Halal Park*

Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,471 (90.91%) telah diisi dengan kutipan sewa sebanyak RM39.4 juta.



Prestasi Kutipan Sewa Premis Perniagaan MARA (RM)



Status Pengisian Lot Premis Perniagaan MARA



	2016	2015
Jumlah Lot	7,118	7,188
Pengisian	6,471	6,514

2. Promosi Premis Perniagaan

Pelbagai aktiviti promosi telah dilaksanakan bagi menarik minat pengunjung berkunjung ke premis MARA. Aktiviti promosi ini dilaksanakan secara berjadual dengan mengambil kira musim-musim perayaan di Malaysia dengan melibatkan penyewa-penyewa premis MARA, agensi kerajaan dan swasta, anak syarikat/institusi di bawah MARA serta usahawan Bumiputera lain. Sepanjang tahun 2016, program promosi yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

- Karnival Usahawan mengikut negeri
- Bazar Ramadhan 2016
- Pameran Kemerdekaan
- Pesta Buku & Persediaan Persekolahan

3. Selenggaraan Premis

Sejumlah RM40 juta telah diperuntukkan bagi menyelenggara keseluruhan premis perniagaan MARA bagi memastikan premis ini berada dalam keadaan yang baik, bersih, selamat, ceria dan memberi keselesaan kepada penyewa dan pengunjung.

Jumlah Perbelanjaan Selenggaraan Premis Perniagaan MARA (RM)



	2016	2015
Peruntukan	40,000,000	36,000,000
Perbelanjaan	40,000,000	29,162,786

PEMBIAYAAN PERNIAGAAN

Kemudahan pembiayaan perniagaan yang disediakan oleh MARA bagi meningkatkan tahap keusahawanan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah terdiri dari Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE), Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM) dan Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM).

1. Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)

SPiKE ditawarkan kepada usahawan Bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor Bumiputera yang berwibawa. SPiKE menyediakan pembiayaan sehingga RM1,000,000 kepada kontraktor gred G1, G2, G3, G4 dan G5 dalam bidang binaan, bekalan, perkhidmatan dan elektrik. Tempoh kelulusan adalah tiga (3) hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima oleh MARA.

2. Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)

SJUM merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program Groom Big MARA. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersial kepada usahawan Bumiputera yang terpilih. Kadar jaminan MARA adalah sehingga 80% daripada jumlah kelulusan yang diluluskan oleh bank panel, manakala had pembiayaan yang ditawarkan oleh bank panel adalah sehingga RM5,000,000.

3. Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)

SPiM adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada di bawah sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan. Terdapat juga beberapa kategori kemudahan dalam SPiM iaitu kemudahan pembiayaan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU), Pembiayaan Lepasan IPMa (SEMAi) dan Pembiayaan Mobilepreneur (Foodtruck).

Pada tahun 2016, MARA telah menyalurkan pembiayaan perniagaan kepada 4,401 orang usahawan dengan nilai pembiayaan yang diluluskan sebanyak RM460.82 juta. Prestasi kelulusan pembiayaan perniagaan dan penerima kemudahan bagi tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti berikut:

Prestasi Kelulusan Pembiayaan



Bilangan Penerima Pembiayaan



MARA telah menunjukkan komitmen dan keprihatinan terhadap golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan menawarkan skim pembiayaan khas bagi membantu usahawan OKU dengan jumlah pembiayaan RM50,000 (maksimum) kepada setiap usahawan. Seramai 24 orang usahawan OKU telah mendapat kemudahan ini dengan kelulusan berjumlah RM530,000 pada tahun 2016.

Mohd Razmi bin Othman merupakan penerima kemudahan Skim Pembiayaan OKU bagi mengembangkan perniagaan (JNEE Collection) yang beroperasi di Gua Musang Kelantan.

MARA telah melihat perkembangan dan peningkatan jumlah usahawan wanita yang telah menerima kemudahan pembiayaan terutamanya bagi Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM). Seramai 280 orang usahawan wanita telah menerima kemudahan ini dengan kelulusan berjumlah RM14,004,000 pada tahun 2016.

Ummiriaz Global (M) Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Puan Azura binti Shafawi adalah usahawan wanita yang telah menerima kemudahan pembiayaan perniagaan daripada MARA dalam bidang fesyen.

GLOCAL LINK (M) SDN BHD (GLSB)

Glocal Link (M) Sdn Bhd (GLSB) diwujudkan untuk bertindak sebagai ejen bagi mempromosi dan membangunkan golongan usahawan agar lebih berdaya saing dalam pasaran perniagaan semasa. GLSB telah menyediakan platform kepada usahawan melalui perkhidmatan yang disediakan oleh GLSB antaranya IT dan telekomunikasi, pengurusan acara, pengiklanan, media, FMCG *(fast moving consumer goods), Business Advisory* (penasihat peniagaan) dan sebagainya.

1. IT & Telekomunikasi

Glocaltech telah mendapat AEP *(Authorised Educational Partner)* di bawah Microsoft Malaysia.

2. MARAtv

Menawarkan perkhidmatan rakaman iklan kepada lebih 30 usahawan MARA agar lebih berdaya saing di pasaran tempatan.

3. Pengurusan Acara

i. Menguruskan sambutan MARA 50 tahun Peringkat Borneo, Kuching Sarawak dan menjadi platform untuk lebih 50 usahawan dari Sabah & Sarawak dari pelbagai kluster.

ii. Penganjuran MARA Golf Invitational 2016.

iii. Membuka peluang kepada usahawan untuk bersosial bersama-sama pihak pengurusan MARA dan juga rakan-rakan syarikat korporat.

4. *Fast Moving Consumer Goods (FMCG)*

Kerjasama strategik antara GLSB dan NGC Energy Sdn. Bhd. bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang gas petroleum cecair (LPG).

5. *Business Advisory*

Menyediakan kursus berbentuk latihan atau profesional kepada usahawan-usahawan Bumiputera. Seramai 92 orang usahawan Bumiputera menghadiri kursus IBS yang telah dijalankan dengan kerjasama PUSMA Johor dan PUSMA Wilayah.

Peserta Sedang Mengikuti Kursus IBS yang dianjurkan dleh GLSB

PUSAT PEMBANGUNAN REKA BENTUK MALAYSIA (DDEC)

DDEC telah membantu 5,188 orang usahawan melalui pelbagai program yang dianjurkan sepanjang tahun 2016. Pencapaian ini telah melangkaui sasaran usahawan yang ditetapkan dalam Pelan Perniagaan DDEC 2016 iaitu seramai 5,000 orang usahawan. Pada tahun 2016, DDEC telah terlibat didalam 69 aktiviti seperti program-program promosi melalui akhbar, artikel, penyertaan pameran dan kerjasama latihan keusahawanan yang dianjurkan untuk memposisikan DDEC sebagai hub reka bentuk di Malaysia. Di antara aktiviti-aktiviti utama adalah seperti berikut:

1. Program Pra-Eksport – Peningkatan Keupayaan Eksport TRADEX (TERAJU - MATRADE- DDEC)

Program ini adalah satu usaha kerajaan untuk meningkatkan keupayaan syarikat Bumiputera dalam persediaan untuk mengeksport serta bersaing di peringkat global. Antara aspek yang ditekankan di dalam program ini ialah penjenamaan, pembungkusan, pelabelan, pensijilan dan pengkomersilan.

Penyertaan Usahawan Dalam Program Peningkatan Keupayaan Eksport TRADEX

Objektif program ini adalah menyedia dan menyiapkan sekurang-kurangnya 20 syarikat di dalam sektor makanan dan minuman halal daripada semua aspek untuk menembusi pasaran eksport, selain daripada meningkatkan daya saing dan kompetensi syarikat. Ia juga bertujuan bagi menambah bilangan syarikat Bumiputera yang berkeupayaan bagi eksport global dan membuka peluang baru serta penambahan akses ke pasaran eksport bagi syarikat-syarikat yang terpilih. Program ini di jangka selesai pada tahun 2017.

2. Program Pembangunan Usahawan

2.1 Program Penambahbaikan Pembungkusan Usahawan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

Program yang merupakan kesinambungan kerjasama di antara KEDA dan DDEC ini secara amnya bertujuan bagi menaiktaraf produk-produk keluaran usahawan Bumiputera di luar bandar, terutamanya bagi usahawan di bawah bimbingan KEDA.

Seramai 30 orang usahawan telah dipilih berdasarkan kriteria tertentu iaitu produk adalah milik sendiri, dan mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi pasaran komersial.

Penyertaan Usahawan KEDA dalam Program Penambahbaikan Pembungkusan

2.2 Projek Penambahbaikan Pembungkusan Produk Usahawan Bimbingan RISDA

Projek penambahbaikan pembungkusan ini terbahagi kepada dua (2) peringkat yang mana sejumlah 60 usahawan telah dipilih bagi penambahbaikan pembungkusan sedia ada. Objektif utama program ini adalah memberi imej baharu kepada pembungkusan produk yang terpilih, bagi menembusi pasaran pasaraya tempatan.

2.3 Program Pembungkusan Usahawan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

Seramai dua belas (12) orang usahawan yang mempunyai produk yang mampu dikomersialkan serta kapasiti pengeluaran yang mampu memenuhi kehendak pasaran telah dipilih bagi menyertai program yang julung kalinya diadakan bersama oleh DDEC dan KEJORA. Program ini menumpukan kepada usaha menaiktaraf mutu pembungkusan sedia ada kepada reka bentuk moden dan lebih praktikal serta memenuhi kehendak pasaran.

2.4 Program *Outreach* Usahawan

Program ini telah berjaya menarik penyertaan seramai 100 orang usahawan bagi mendapatkan khidmat penjenamaan, serta khidmat nasihat yang disediakan DDEC. Program-program ini telah diadakan di Kuching, dan Bintulu Sarawak, serta di Kuala Lumpur.

Program *Outreach* Usahawan

2.5 Program Pembangunan Usahawan Mok Cun

Sebanyak dua puluh (20) produk daripada pelbagai usahawan tempatan telah dipilih bagi dijenamakan semula, dan dipasarkan di bawah satu jenama utama iaitu Mok Cun.

DDEC memainkan peranan sebagai penyedia perkhidmatan bagi penjenamaan, dan juga pembungkusan bagi kesemua produk di bawah jenama Mok Cun ini.

3. *DDEC Clean Water*

Sistem Penapisan Air *DDEC Clean Water* ini adalah salah satu inisiatif yang dilakukan oleh DDEC sebagai penyelesaian kepada masalah bekalan air bersih luar bandar. Sistem ini berfungsi menapis air, sama ada air sungai atau air tasik kepada sistem air bertapis yang bersih dan boleh digunakan bagi kegunaan domestik. Sistem ini telah dipasang di Pulau Aman Damai, Tasik Banding, Grik Perak, dan juga di Kampung Mongkos, Serian, Sarawak.

Bekalan Air Bersih di bawah Sistem Penapisan Air *DDEC Clean Water*

PUSAT TEKNOLOGI INDUSTRI PERABOT (FITEC)

FITEC membawa misi MARA menjadi peneraju kepada bidang keusahawanan, latihan kemahiran dan perniagaan untuk peningkatan ekuiti Bumiputera di dalam bidang industri perabot. Sepanjang tahun 2016, FITEC telah menjalankan program latihan, pembangunan reka bentuk komersial dan inovatif, pembekalan perabot kepada pusat-pusat MARA dan kerjasama strategik dengan agensi luar.

1. Program Latihan dan Teknologi

Bermula Januari sehingga Disember 2016, FITEC telah melaksanakan sebanyak 81 kursus dengan penyertaan peserta seramai 1,007 orang. Kursus dan latihan yang diadakan ini menjurus kepada permintaan pasaran industri semasa terutama dalam pembuatan kabinet dapur, *wardrobe*, sofa, kerangka aluminium dan reka bentuk menggunakan perisian komputer. FITEC juga memperkenalkan sesi latihan berkonsepkan *lifestyle* yang dijalankan pada hujung minggu seperti penghasilan produk hiasan rumah dari jenis "DIY". Selain itu, latihan untuk peningkatan *vendor* juga dilaksanakan dengan tumpuan program kepada pengetahuan dan pengurusan projek dalam industri perabot kapal dan peruncitan.

Penghasilan produk hiasan rumah dari jenis "DIY".

Program Latihan Dalam Industri Perabut

2. Program Pembangunan *Vendor*

Selain latihan modal insan yang berterusan, aspek peningkatan bilangan usahawan dan *vendor* juga diutamakan. FITEC telah menambah bilangan usahawan kepada 79 orang usahawan berdaftar. Pada tahun 2016, sebanyak 32 syarikat telah menerima projek pembekalan perabot dengan nilai berjumlah RM10.5 juta. Dari segi impaknya, usahawan yang diberi perkhidmatan kerja tersebut telah memberi peluang pekerjaan kepada seramai 1,900 orang pekerja. Usahawan yang menerima projek telah dipantau dari masa ke masa dalam pengurusan projek dan penekanan kualiti produk, bagi memastikan projek disiapkan mengikut tempoh.

3. Program Pembangunan Reka Bentuk

FITEC juga terlibat dalam menghasilkan reka bentuk *outlet* berkonsepkan kabin dan kontena di sembilan (9) lokasi di seluruh negara dan mewujudkan 20 orang usahawan kabin / kontena baru selain peningkatan ekonomi kepada perunding, kontraktor hiasan dalaman, pembuat panel serta kontraktor pendawaian elektrik.

4. Kerjasama Strategik

FITEC turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Forest Research Institute of Malaysia (FRIM), Malaysian Timber Industry Board (MTIB) dan Sarawak Timber Industry Development Corporation (STIDC) bagi menganjurkan Asean Bamboo Symposium 2016 (ABS 2016) pada 27-29 September, 2016. Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 300 orang peserta dan dua puluh (20) orang pemamer dari kalangan usahawan di dalam dan di luar negara yang terlibat dalam industri buluh.

Makmal Pengujian Perabot FITEC menawarkan dua belas (12) jenis pengujian perabot meliputi aspek kestabilan, ketahanan roda kerusi, ujian tolakan, ujian impak, ujian ketahanan laci terutamanya melibatkan kerusi dan perabot pejabat. Sebanyak dua puluh (20) syarikat telah menghantar produk mereka untuk diuji pada tahun 2016.

Kepakaran yang ada di FITEC juga telah dijadikan sebagai sumber rujukan oleh syarikat pengujian perabot di German dan telah melantik FITEC menjadi juru audit teknikal bagi beberapa kilang perabot di Thailand dan Indonesia.

Plenary Programme Sempena Simposium Buluh ASEAN 2016

SEKTOR PENDIDIKAN

SEKTOR PENDIDIKAN

BIL	INISIATIF	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016	%
1.	Meningkatkan bilangan pelajar cemerlang berteraskan Sains, Teknologi, Keagamaan, Kejuruteraan, Seni & Matematik (STREAM)	7,000 orang pelajar lulusan SPMRSM	7,342 orang pelajar	104.9%
2.	Menaja pelajar ke 100 Universiti terkemuka dunia dalam bidang berimpak tinggi	Penajaan 100 orang pelajar ke Top Universiti	127 orang pelajar	127%
3.	Menyediakan latihan/program separa profesional & profesional mengikut keperluan industri	Penyediaan 21,500 guna tenaga negara separa profesional dan profesional	40,605 orang pelajar	189%
4.	Memperluaskan latihan teknikal & vokasional (TVET & HTVET)	Penyediaan 32,500 guna tenaga mahir dan separa mahir	67,063 orang pelajar	206%

PENDIDIKAN MENENGAH

Sejak penubuhan MRSM pertama pada tahun 1972, sehingga kini terdapat 52 MRSM di seluruh negara. Kecemerlangan MRSM berpaksikan kepada keterbezaan program yang menjurus ke arah piawaian dunia melalui pemerkasaan pencapaian pelajar dalam STREAM *(Science, Technology, Religion, Engineering, Arts, Mathematics)* dan penerapan *Information & Communication Technology (ICT)* dalam pedagoginya. Sehingga kini, MRSM telah melahirkan lebih 170,000 orang pelajar yang menjadi tokoh korporat, pemimpin politik, usahawan dan profesional. Pada tahun 2016, dua (2) buah MRSM telah memulakan operasi iaitu:

i. MRSM Sungai Besar yang melaksanakan program SPMRSM Ulul Albab dan;

ii. MRSM IMTIAZ YT KETENGAH Terengganu yang melaksanakan program SPMRSM Bitara dan Sains Keusahawanan.

Sesi Pembelajaran Pelajar MRSM Berteraskan STREAM

Berikut ialah program yang ditawarkan mengikut MRSM.

BIL	PROGRAM	JUMLAH MRSM
1	SPMRSM PREMIER	24
2	SPMRSM IGCSE	13
3	SPMRSM IGCSE & BITARA	2
4	SPMRSM IGCSE & ULUL ALBAB	1
5	SPMRSM BITARA (PKP)	4
6	SPMRSM BITARA SAINS KEUSAHAWANAN	1
7	SPMRSM ULUL ALBAB	3
8	SPMRSM TEKNIKAL	1
9	SPMRSM IB MYP(Authorization phase)	2
10	SPMRSM IB MYP(Authorization phase) & BITARA	1
	JUMLAH	52

Jumlah Keseluruhan Pelajar di MRSM



Jumlah Pelajar Tamat Tingkatan 5



Pembangunan Kurikulum

i. Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)

Seramai 6,499 orang pelajar Tingkatan 3 daripada 45 buah MRSM telah menduduki Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Sebanyak 78.86 peratus pelajar memperoleh keputusan 6A ke atas.

TAHUN/PERKARA	2016	2015
Bilangan Pelajar	6,499	7,967
Bilangan Pelajar mendapat 6A ke atas	78.86 peratus	72.8 peratus

ii. *International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)*

Seramai 1,980 pelajar telah menduduki peperiksaan Cambridge IGCSE dari 13 buah MRSM.

iii. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Seramai 7,370 orang pelajar daripada 48 buah MRSM telah menduduki peperiksaan SPM 2016. Prestasi MRSM dalam peperiksaan SPM 2016 dapat diukur dengan Gred Purata Maktab (GPM) 2.47 berbanding dengan 2.33 pada tahun 2015.

MRSM Tun Ghafar Baba mencapai keputusan terbaik dengan memperoleh GPM 1.28 diikuti oleh MRSM Taiping (GPM 1.38) dan MRSM Kuantan (GPM 1.84). Analisa keputusan peperiksaan SPM 2016 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan pelajar dan membuktikan tiada keciciran dalam kalangan pelajar MRSM.

Aktiviti Pelajar MRSM dalam Program Debat

Prestasi Peperiksaan Cambridge IGCSE



Program Pembangunan Pelajar

Bahagian Pendidikan Menengah berperanan untuk memastikan usaha mendidik, merancang dan melaksanakan semua program pembangunan pelajar secara berterusan bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti dan bercirikan keusahawanan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

FAKTA
1,120 Huffaz
setakat Disember 2016

Kejayaan Pelajar MRSM

1. ***44th International Exhibition Of Inventions Of Geneva (IEIG)* di Palexpo Exhibition Centre 13 – 17 April 2016**

   i. Ahmad Asyraf Aqil bin Ariffin
   ii. Ahmad Luqmanul Hakim bin Ahmad Tarmizi (MRSM Kuala Terengganu)
   Pencapaian :
   i. Pingat Emas
   ii. *Award For Best International Invention*

2. **Anugerah Inovasi Negara 2016 18 -20 Oktober 2016 Kementerian Sains dan Teknologi**

   i. Aliff Imran bin Zabri (MRSM Taiping)
   Pencapaian :
   i. Juara Anugerah Inovasi Negara (Kategori Sekolah)

3. **Pertandingan Pidato Piala Presiden MAYC Kebangsaan 2016**

   Anjuran : MAYC, MADUM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat WP Kuala Lumpur, 28-31 Oktober 2016.
   Raja Nur Syazatul Aishah Raja Idris Shah MRSM Kepala Batas, Juara Bagi Kategori Siswa.

4. **Anugerah Pandu Puteri Raja 2016**

   Intan Suraya binti Sabli, MRSM Tun Ghafar Baba Penerima Anugerah Pandu Puteri Raja menerima Lencana dan Sijil Pandu Puteri Raja daripada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 28 Mei 2016, di Langkawi International Convention Centre (LICC), Langkawi Kedah.

5. **Pameran Reka Cipta Antarabangsa Geneva 2016**

   Dua (2) orang pelajar MRSM Kuala Terengganu berjaya merangkul pingat emas dan anugerah ciptaan terbaik keseluruhan pertandingan reka cipta di Pameran Reka Cipta Antarabangsa Geneva 2016 di Switzerland.

   Kemenangan itu diraih pelajar Tingkatan 5, Ahmad Asyraf Aqil Ariffin dan Ahmad Luqmanul Hakim Ahmad Tarmizi melalui ciptaan mereka 'Power Bank: EXIECO PB' yang mengetepikan cabaran 1,000 peserta lain daripada 48 negara dalam pertandingan yang berlangsung dari 13 hingga 17 April 2016.

6. **Konsert Inspirasi Muzikal 2016**

   Usaha mengembang potensi pelajar tidak tertakluk kepada aktiviti dalam kelas semata-mata. Konsert Inspirasi Muzikal 2016 telah diadakan di Dewan Auditorium DBKL bagi mengetengahkan bakat seni dan muzik yang dimiliki oleh pelajar MRSM. Seramai 100 orang pelajar dari sembilan (9) MRSM telah mempamerkan bakat dan kemahiran bermain muzik melalui persembahan gamelan, zapin, ghazal, angklung dan orkestra.

Persembahan Sape oleh Pelajar MRSM Mukah di Konsert Inspirasi Muzikal 2016

Persembahan Gamelan oleh Pelajar MRSM Kuala Kubu Bharu sempena Konsert Inspirasi Muzikal 2016

7. **Inspirasi Kreatif 2016**

   Sebanyak 300 karya seni lukis yang dihasilkan oleh pelajar MRSM telah dipamerkan sempena program Inspirasi Kreatif 2016 bertempat di Ruang Legar Medan MARA, Kuala Lumpur bermula dari 13 hingga 16 Disember 2016.

Hasil kerja kreatif pelajar MRSM yang dipamerkan dalam Program Inspirasi Kreatif

Pembangunan Profesionalisme Guru

Guru merupakan pelaksana utama kepada semua hasrat dan dasar MARA dalam pendidikan. Maka, guru yang berkesan akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan pelajar-pelajarnya beroleh kecemerlangan untuk menjadi insan yang holistik dalam apa jua bidang yang diceburi.

Pelbagai program pembangunan profesionalisme dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keyakinan dan masteri guru-guru MRSM. Sebanyak 168 kursus dan bengkel *functional* dan *generic* telah diadakan melibatkan 3,551 orang pendidik MRSM. Berikut adalah beberapa program usahasama dan global yang telah diikuti oleh guru MRSM.

i. Rakan Strategik Akademik

Dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi guru, kolaborasi pintar turut diadakan bersama universiti tempatan melalui program Rakan Akademik untuk program Upskilling STREAM Teachers iaitu bersama UPSI, UKM, UiTM Perak dan USM.

ii. *Apple Distinguished Educator*

Pada tahun 2016, berdasarkan hasilkerja inovasi dan kolaboratif setelah setahun menyertai *Apple Distinguished Educator (ADE Institute)*, Puan Norazila binti Azmi, guru Fizik MRSM Taiping telah terpilih mewakili Malaysia untuk menyertai *Apple Distinguished Educators Worldwide ADE Institute 2016* di Berlin, German pada 24 hingga 28 Julai 2016. Penyertaan ke program ini merupakan penghargaan yang telah meletakkan MARA ke persada global dalam bidang pendidikan.



Penyertaan Puan Norazila binti Azmi, guru Fizik dari MRSM Taiping dalam Apple Distinguihed Educators Worldwide ADE Institute 2016

iii. *Cambridge Trainer*

Encik Marwan bin Yaacob @ Salleh, guru dan juga Penyelaras Program Dwi sijil SPMRSM IGCSE MRSM Parit telah terpilih mengikuti program *Cambridge Trainer* yang dianjurkan oleh Cambridge International Examination.

Penyertaan Encik Marwan bin Yaacob @ Salleh dalam program Cambridge Trainer

iv. *Microsoft Global Educator Exchange (E2) 2016*

Encik Mohd Norhafeez bin Jusoh, guru MRSM Tun Mustapha, Tawau telah memperoleh *1st Runner Up Group Challenge Class Hack Award (Personalize)* dan *Microsoft Certified Educator (MCE) certification* yang dianugerahkan semasa *Microsoft Global Educator Exchange (E2) 2016.*

Manakala Encik Azizul bin Othman, guru MRSM Johor Bahru telah memperoleh *Microsoft Certified Educator (MCE) certification.* Persidangan ini berlangsung di Hotel Corinthia, Budapest, Hungary bermula dari 6 hingga 11 Mac 2016.

Mohd Nurhafeez dan Azizul Bersama Anthony Salcito, Vice President, Worldwide Education at Microsoft

KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL

Sejak program Kemahiran dan Teknikal MARA diperkenalkan, lebih 151,522 orang pelajar berkemahiran telah dilahirkan melalui program ini. Dengan perkembangan teknologi semasa serta keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir, maka pelbagai bidang dan program telah ditawarkan di tiga belas (13) Institut Kemahiran MARA (IKM), 10 Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan MARA – Japan Industrial Institute (MJII) yang dapat mengisi dan menyumbang keperluan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri dan negara.

Jumlah Pengambilan Pelajar



Jumlah Pelajar Bergraduat



Pengambilan pelajar di KKTM, IKM dan MJII pada tahun 2016 adalah sebanyak 7,194 orang, manakala seramai 5,892 orang pelajar telah menamatkan pengajian bagi program sepenuh masa (sijil & diploma) di KKTM, IKM dan MJII.

MARA telah menaiktaraf beberapa program sijil kepada program diploma sesuai dengan keperluan semasa melibatkan tiga belas (13) buah IKM. Tujuh (7) program diploma baharu turut diperkenalkan iaitu dua (2) program Kluster Awam di KKTM Sri Gading, satu (1) program Kluster Minyak dan Gas di KKTM Kemaman, dua (2) program Kluster Bioteknologi di KKTM Lenggong, dan dua (2) Diploma Teknousahawan di IKM Alor Setar. Keperluan menaiktaraf program-program ini adalah sejajar kepada keperluan industri pada hari ini yang bertaraf global, berpendapatan tinggi, dan memerlukan individu-individu yang kemahiran tinggi seiring dengan keperluan semasa.

Kebolehpasaran Graduan Kemahiran dan Teknikal

Hasil dapatan Kajian Pengesanan Graduan (KPG) bagi graduan program sepenuh masa yang telah tamat pengajian pada tahun 2016 menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan (bekerja, usahawan dan melanjutkan pengajian) adalah sebanyak 80 peratus. Tempoh menunggu bagi graduan ini adalah tiga (3) hingga sembilan (9) bulan selepas menamatkan pengajian.

Industry Centre Of Excellence (ICoE)

Industry Based Education and Training (IBET) telah diperkasakan untuk mengangkat imej KKTM, MJII dan IKM sebagai pusat pengajaran IBET bagi memperkenalkan produk-produk yang dikeluarkan oleh pusat-pusat tersebut. Selaras dengan inspirasi ini, beberapa buah Pusat Kecemerlangan Industri /Industry *Centre of Excellence (ICoE)* telah diwujudkan dalam pelbagai bidang untuk memastikan KKTM, MJII dan IKM sentiasa kehadapan dalam menguasai pengajian teknologi terkini. Berikut adalah senarai ICoE yang ada di KKTM, MJII dan IKM:

Pencapaian Bahagian Kemahiran & Teknikal

Asean Skills Competition 2016

Seramai 243 orang belia daripada sembilan (9) negara ASEAN telah bersaing dan menonjolkan bakat kemahiran di *Asean Skills Competition (ASC)* 2016 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 19 hingga 29 September 2016. Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), MARA-Japan Industrial Institute (MJII) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) telah berjaya memperolehi lima (5) Emas, satu (1) Perak dan tiga (3) *Medallion for Excellence*. Kecemerlangan ini telah membantu Malaysia melakarkan sejarah apabila berjaya merangkul juara keseluruhan ASC 2016 dengan kutipan pingat sebanyak 24 Emas, empat (4) Perak, lima (5) Gangsa dan enam (6) Medallion for Excellence. KKTM, MJII dan IKM berjaya memperoleh pingat bagi kategori Pembuatan Kabinet, Elektronik, Industri Automasi, Penyelenggaraan CNC dan Reka bentuk Grafik.

Pertandingan kemahiran ini merupakan antara inisiatif kerajaan untuk melahirkan golongan tenaga kerja mahir yang berdaya saing tinggi dan memiliki kemahiran bertaraf dunia.

Program seperti ini akan menggalakkan budaya persaingan positif dan kompeten kepada para lulusan TVET serta sekaligus menggalakkan peningkatan produktiviti negara melalui keberhasilan tenaga kerja mahir yang berprestasi tinggi.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah ASC 2016 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Para pelajar KKTM, MJII dan IKM Selepas Sesi Penyampaian Anugerah ASC 2016 di Pusat Konvensyen Antrabangsa Putrajaya.

Pemenang ASC 2016 daripada IKM Beseri, KKTM Balik Pulau dan MJII

Anugerah *Outstanding International BTEC Student of the Year 2016*

Mu'az Abdul Karim pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Petaling Jaya telah diberi penghormatan oleh Pearson UK (sebuah badan pengiktirafan akademik antarabangsa) untuk menerima anugerah *Outstanding International BTEC* Student of the Year 2016 di Royal Horticultural Halls, London, United Kingdom pada 7 Julai 2016.

Beliau adalah pelajar pertama dari Malaysia dan Asia Tenggara yang telah berjaya merangkul anugerah berprestij tersebut di antara 800 pencalonan dari seluruh dunia. *Business and Technology Education Council (BTEC)* merupakan sistem akreditasi pendidikan antarabangsa yang berteraskan kepakaran teknikal. Para pelajar yang mengikuti sistem ini akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran atau pun menyertai industri pilihan mereka selepas tamat pengajian.

Penganugerahan yang diterima oleh Mu'az Abdul Karim adalah di atas kecemerlangan akademik dan kejayaan beliau dalam merangkul pelbagai anugerah inovasi di dalam dan luar negara. Ciptaan beliau yang diberikan nama *Smart Lawn Mower* juga telah memenangi Pingat Emas di Eureka Innovation Exhibition.

KKTM Petaling Jaya adalah antara IPMa yang menyediakan latihan kemahiran dan akademik melalui program BTEC Level 5 HND Diploma in Electronic Engineering dengan kerjasama Pearson Education Limited, United Kingdom.

Mu'az Abdul Karim (tengah) bersama anugerah yang dimenangi

Asiagraph Reallusion Award 2016

Kehebatan kreativiti yang ditonjolkan oleh tiga (3) orang pelajar Diploma Program Filem dan Animasi Digital dari KKTM Rembau yang pernah juarai pertandingan di peringkat IPTA/IPTS tidak terhenti di situ sahaja malah telah memenangi tempat kedua bagi Kategori *'Best Creative Awards'* di Pertandingan *Asiagraph Reallusion Award 2016* yang berlangsung selama 48 jam tanpa henti. Pertandingan yang bertemakan 'HERO' itu telah berlangsung di Shih Chien University Taipei, Taiwan pada 23 hingga 25 Ogos 2016. Pasukan yang dinamakan I-Mation dianggotai oleh Kamil bin Mohd Yatim, Rukaini bin Razlan dan Muhammad Ridzuan bin Abd Mutalib telah mengaplikasikan kemahiran serta kreativiti tersendiri di bawah bimbingan Encik Mohd Fariz bin Ab Aziz, Ketua Program Filem dan Animasi Digital, KKTM Rembau.

Encik Fariz (Kiri) bersama pelajar-pelajar KKTM Rembau dengan *'mock cheque'* bernilai USD 10,000 yang dimenangi bagi kategori *'Best Creative Awards'*

Pencapaian dalam Anugerah Inovasi MARA 2016

Inovasi Bahagian Kemahiran & Teknikal dalam proses pengurusan soalan peperiksaan akhir KKTM, MJII dan IKM yang menggunakan *BKT Cloud Storage* (BCoS) telah memenangi RM10,000 apabila menjuarai kategori perkhidmatan (Peringkat Tadbir Urus Korporat) semasa Hari Inovasi MARA. Lebih membanggakan lagi, hasil inovasi MJII iaitu aplikasi *android Pro-Act House Check* (PAHC) yang berfungsi membantu pembeli rumah baharu untuk tempoh tanggungan kecacatan

(DLP) memenangi RM10,000 kategori perkhidmatan (Peringkat Idea Perniagaan) dan Johan Keseluruhan Anugerah Inovasi MARA 2016 bernilai RM20,000.

Encik Zaid Bin Yaakob, Pengajar MJII bersama hadiah yang dimenangi.

PENDIDIKAN TINGGI

Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) bertanggungjawab merancang, mengawal dan menyelia aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) di bawah kawalannya yang bermatlamat untuk membangunkan modal insan berteraskan nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan yang berorientasikan keusahawanan.

MARA menyediakan peluang pendidikan profesional dan separa profesional bagi menambah bilangan guna tenaga Bumiputera dalam bidang Perdagangan, Perakaunan, Teknologi Maklumat, Agro-Business, Logistik, Pengurusan dan Kejuruteraan Teknologi melalui pewujudan Kolej Profesional MARA (KPM). Kolej MARA (KM) menawarkan program pra-universiti sebagai persediaan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti di dalam dan di luar negara melalui program International Baccalaureate (IB), A-Level, Matrikulasi dan Foundation melalui kerjasama dengan universiti awam dan swasta. Program di Kolej MARA ini dikhususkan untuk pelajar cemerlang lepasan SPM.

Jumlah Pengambilan Pelajar



Jumlah Pelajar Bergraduat



Kebolehpasaran Graduan KPM 2016



Institusi di bawah pendidikan tinggi MARA ialah:

	JUMLAH CAWANGAN	PROGRAM
UNIVERSITI KUALA LUMPUR	12	139
UniMARA	1	1
KOLEJ UNIVERSITI POLY-TECH MARA KUALA LUMPUR	1	13
KOLEJ PROFESIONAL MARA	6	16
KOLEJ POLY-TECH MARA	8	27
GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE	1	19
KOLEJ MARA	4	8
GIATMARA	231	67

Inisiatif 2016

i. Program E-Entrepreneurship

MARA telah memperkenalkan kursus E-Entrepreneurship di dalam sepuluh (10) program diploma Kolej Profesional MARA (KPM). Program ini merupakan kolaborasi antara MARA dan MDEC yang bertujuan untuk menerapkan ilmu keusahawanan digital dalam kalangan pelajar dan seterusnya menggunakan platform digital untuk mengembangkan perniagaan mereka selaras dengan agenda ekonomi digital negara.

Program tersebut mula dilaksanakan pada Julai 2016 dengan penglibatan pelajar seramai 1,678 orang. Melalui aktiviti perniagaan secara atas talian, sehingga Disember 2016 jumlah jualan telah mencecah lebih 1 juta. Di antara aktviti yang dijalankan ialah:

Jalinan Mentor Usahawan

Pertandingan Pembentangan Rancangan Perniagaan

ii. Program Mukmin Profesional

Program Mukmin Profesional dirangka dengan menggunakan pendekatan pembudayaan konsep Ulul Albab. Konsep ini berteraskan kepada 16 sifir yang diterapkan di dalam pembelajaran sama ada di dalam kelas atau pun aktiviti di luar kelas.

Konsep Ulul Albab dalam bidang keilmuan dan pendidikan mampu mencetus keupayaan berfikir yang tinggi supaya generasi muda mampu memiliki data artikulatif (berfikir) yang baik yang dikawal oleh etika dan nilai yang berkualiti.

iii. *ACCA Computer Based Examination (CBE) Center*

Program *Certified Accounting Technician* mula ditawarkan pada Julai 2016 di KPM Ayer Molek. Program ini merupakan inisiatif BPT untuk mencapai aspirasi negara dalam meningkatkan bilangan profesional di dalam bidang perakaunan menjelang tahun 2020.

KPM Ayer Molek telah memenuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh ACCA untuk dipilih sebagai CBE Center.

Kejayaan Pelajar KPM dan KM

i. Pertandingan iCompEX 2016

Penyertaan enam (6) orang pelajar KPM Beranang dalam pertandingan ini dengan pencapaian Pingat Emas bagi Projek ZEKO yang dipertandingkan. ZEKO merupakan aplikasi yang dibangunkan berdasarkan bahasa *programming C++* dan bercirikan *Artifical Intelligence* untuk digunakan sebagai pembantu peribadi pelajar untuk menyelesaikan masalah ketika membuat tugasan, pengurusan masa yang efisyen dan memudahkan proses pencarian data.

KPM Beranang Memenangi Pingat Emas Bagi Projek ZEKO

ii. Pearson Medallion Award Ceremony 2016

Penerima Anugerah ini ialah Hariz Amirul bin Aidi Roslan dari KPM SERI ISKANDAR bagi Anugerah Seri Iskandar *"Pearson BTEC Outstanding Learner"*. Pelajar ini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Perniagaan pengkhususan Perniagaan Antarabangsa di The University of Queensland, Australia.

iii. Pencapaian dalam Anugerah Inovasi MARA 2016

Pelajar dari Kolej MARA Kuala Nerang telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan Inovasi MARA bagi kategori Perkhidmatan (Pendidikan dan Latihan). Produk yang dipertandingkan ialah *2D & 3D SEWING VECTORS* yang berkonsepkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) untuk memudahkan pengajaran guru dan pensyarah mengajar topik vektor. ABM ini juga membantu pelajar memahami perspektif operasi vektor tiga (3) dimensi dengan lebih berkesan. Ianya mudah digunakan, praktikal, mesra pengguna dan memudahkan kefahaman pelajar.

Produk 2D & 3D SEWING VECTORS memenangi tempat pertama dalam pertandingan Inovasi MARA bagi kategori Perkhidmatan (Pendidikan dan Latihan).

PENAJAAN PELAJARAN

Bahagian Penganjuran Pelajaran (BPP) memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan meliputi usahawan yang boleh menjana kekayaan, melahirkan tenaga kerja kompeten dan pelajar Bumiputera cemerlang.

Untuk mencapai matlamat ini BPP menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran di pelbagai peringkat pengajian bagi memenuhi keperluan pelbagai sektor pekerjaan. Sejak 1966, lebih 471,000 orang pelajar telah menerima kemudahan pinjaman pelajaran MARA.

MARA memfokuskan untuk melahirkan lebih ramai graduan bertaraf Doktor Falsafah dan Profesional ke arah negara berpendapatan tinggi dan mempunyai minda kelas pertama demi mencapai matlamat pembangunan modal insan berteraskan kepada perkembangan bakat keperluan negara.

Pengajian Dalam Negara

Pengajian Luar Negara



Program Pembangunan Bakat

Jumlah Pengambilan Pelajar Baharu Tajaan MARA 2016

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	JUMLAH PELAJAR
1.	Persediaan	411
2.	Diploma	7,776
3.	Ijazah Pertama	6,115
4.	Sarjana	920
5.	PhD	97
6.	Profesional	304
	Jumlah Pelajar Baharu	**15,623**

Majlis Konvokesyen Pelajar Russian National Research Medical University

Jumlah Keseluruhan Pelajar Tajaan MARA Mengikut Peringkat Pengajian bagi tahun 2016 dan 2015

BIL	PROGRAM	2016		2015	
		DALAM NEGARA	LUAR NEGARA	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1.	Persediaan/Pra-U	939	11	2,058	27
2.	Diploma	33,804	38	41,946	50
3.	Ijazah Pertama	30,712	9,099	33,457	9,470
4.	Sarjana	3,150	436	5,229	1,211
5.	PhD	381	591	397	635
6.	Profesional	1,677	128	2,130	223
7.	Doktor Pakar	10	3	85	16
8.	Meister	0	2	0	68
	Jumlah	**70,673**	**10,308**	**85,302**	**11,700**

Jumlah Pelajar Tajaan Mengikut Bidang Pengajian di Dalam dan Luar Negara bagi tahun 2016 dan 2015

BIL	BIDANG PENGAJIAN	2016	2015
1.	Doktor Pakar	13	101
2.	Kejuruteraan	26757	29,469
3.	Matematik, Perangkaan dan Sains Komputer	4627	5,523
4.	MEISTER	2	68
5.	Pendidikan	1659	2,423
6.	Pengurusan, Pentadbiran & Undang-Undang	18522	22871
7.	Penilaian dan Penyelidikan	5	7
8.	Perakaunan	6169	7799
9.	Pra-U	950	2056
10.	Sains dan Sains Pertanian	9202	10790
11.	Sains Perubatan	6986	7965
12.	Sastera dan Kemanusiaan	5349	6901
13.	Senibina dan Perancangan	740	1029
	Jumlah	**80,981**	**97,002**

Aktiviti Pembangunan Pelajar

i. Program Pemimpin Bersama Pelajar Cemerlang MARA.

Program Pemimpin Bersama Pelajar Cemerlang MARA telah diadakan di Zon Tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang).

Majlis ini diadakan untuk meraikan 814 orang pelajar cemerlang MARA yang telah terpilih dan ditawarkan ke Program Persediaan Ijazah Dalam dan Luar Negara serta Program Profesional.

ii. Program Pembangunan Pelajar Zon Tengah 2016

Program Pembangunan Pelajar Zon Tengah telah diadakan di Kem PLKN Princess Haliza, Sepang pada 28 hingga 30 Oktober 2016. Program ini merupakan platform untuk mengadakan engagement dengan pelajar dan kolej seliaan masing-masing. Selain itu program ini memfokuskan kepada pembangunan sahsiah pelajar-pelajar tajaan MARA bagi melahirkan graduan atau modal insan yang berkualiti serta cemerlang dari segi akademik dah sahsiah diri. Pelajar juga belajar merebut peluang yang ada semasa di institusi pengajian tinggi.

TEKNOLOGI KREATIF DAN MULTIMEDIA

Penjenamaan semula Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) kepada Bahagian Teknologi Kreatif & Multimedia (BTKM) adalah bertujuan untuk memperkukuhkan perancangan dan pelaksanaan Pelan Strategik MARA (PSM) 2016-2020. Justeru, fokus utama adalah untuk membangunkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing serta meluaskan penggunaan teknologi digital dalam pendidikan.

Seramai 100 orang tenaga pengajar telah mengikuti kursus dan latihan *21st Century Learning Design* (21st CLD). Melalui beberapa proses latihan terpimpin dari BTKM, lima (5) orang tenaga pengajar telah terpilih sebagai *Microsoft Innovative Educators (MIE) Experts* di peringkat kebangsaan dan dua (2) orang daripadanya telah terpilih mewakili Malaysia ke *Microsoft Global Educator Exchange (E2)* di Budapest, Hungary pada 8 hingga 10 Mac 2016. Mereka telah lulus dengan cemerlang ujian *Microsoft Certified Educator (MCE)* dan telah diiktiraf sebagai *MIE Global Exchange.* Program yang dijalankan oleh BTKM telah menarik minat Pegawai Microsoft Educators USA, Ms. Sonja Delafosse dan telah mengadakan kunjungan hormat ke BTKM pada 4 Mei 2016.

Kerjasama dengan Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) dan Telekom Malaysia (TM) Sdn. Bhd. merupakan inisiatif baharu bagi penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) secara *online* yang dapat memudahkan tenaga pengajar berkongsi RPH yang telah dirangka bersama tenaga pengajar yang lain. Pada 21 hingga 23 September 2016, satu pertandingan telah dianjurkan oleh BTKM iaitu *RPH Online Competition* yang telah disertai oleh 52 orang tenaga pengajar.

Daripada 52 penyertaan, tujuh daripadanya telah terpilih sebagai *MIE Experts* peringkat Malaysia dan akan melalui proses saringan sebagai persediaan pemilihan *Microsoft Global Educator Exchange (E2)* yang akan diadakan pada bulan Mac 2017 di Toronto, Kanada. Dalam tempoh dua (2) tahun *MARA Smart Education* diperkenalkan, seramai 12 orang tenaga pengajar telah diiktiraf sebagai *MIE Experts* di peringkat kebangsaan dan dua (2) orang tenaga pengajar telah diiktiraf sebagai *MIE Global Exchange* di peringkat antarabangsa.

Melalui *MARA Knowledge Centre (MKC)*, sebanyak 691 bahan-bahan tesis telah didigitalkan bertujuan sebagai sumber bahan rujukan. MKC juga turut melanggan pangkalan data *online Emerald Insight* dengan kadar penggunaannya telah mencecah 25,255 pengguna. Pelbagai aktiviti juga telah dijalankan bertujuan untuk memupuk budaya membaca di kalangan warga MARA dan mempromosi perkhidmatan yang terdapat di MKC termasuklah:

i. Ekspo Buku MARA dengan kerjasama Perbadanan Kota Buku.
ii. Bengkel Pembinaan Modul Literasi Maklumat *Schoolwide Enrichment Model* Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) melibatkan dua belas (12) Guru Media dan dua (2) orang pensyarah dari UiTM.
iii. I-CSR ke Sekolah Kebangsaan Convent 1 Bukit Nanas Kuala Lumpur.
iv. Bengkel Pengurusan Perpustakaan melibatkan 87 orang peserta dari pelbagai gred jawatan yang terdiri daripada pegawai perpustakaan, Guru Media dan sebagainya.
v. Bengkel Penggunaan *Emerald Insight* melibatkan 40 orang kakitangan MARA yang sedang melanjutkan pelajaran serta pensyarah Kolej MARA Seremban, Kulim dan Kuala Nerang.
vi. Simposium Pustakawan MARA melibatkan 86 orang peserta dari pelbagai gred jawatan yang terdiri daripada pegawai perpustakaan, guru media dan sebagainya.
vii. Bengkel Pembinaan Modul Program Galakan Membaca IPMa melibatkan 36 orang peserta dari pelbagai gred jawatan yang terdiri daripada pegawai perpustakaan, guru media dan sebagainya.

MARA juga telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 21 Julai 2016. Melalui kerjasama ini MARA dan UiTM akan sama-sama berkolaborasi dalam Projek Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) Pusat Sumber, membangunkan modul latihan dan pengurusan pusat sumber, penganjuran program dan aktiviti pusat sumber serta perkongsian kepakaran

tenaga pakar dalam bidang pengurusan perpustakaan. MKC telah menjalinkan kerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia sejak sekian lama dan pada 1 Disember 2016 kerjasama antara kedua-dua pihak telah dimeterai melalui Perjanjian Persefahaman (MoU). Kedua-dua pihak akan berkolaborasi dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan penyampaian maklumat, menyediakan kemudahan akses sumber maklumat secara fizikal dan elektronik, mengadakan program pembangunan modal insan dalam bidang perpustakaan, program galakan membaca serta melibatkan semua IPMa dalam program anjuran PNM.

Sepanjang tahun 2016, perkhidmatan yang telah disediakan oleh BTKM adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	KUANTITI
1.	Pakej Program Rasmi meliputi kad program, gegantung & banner	40
2.	Reka Bentuk Grafik dan Poster Program	973
3.	Rakaman Video dan Foto	161
4.	*Live Feed*	19
5.	Montaj / *Show Reel*	24
6.	*Photobooks / Flipbooks*	3
	Jumlah Keseluruhan	**1,220**

GiatMARA

GiatMARA ditubuhkan bagi menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia-belia di luar bandar dan di dalam bandar bagi membolehkan para belia mendapat kemahiran sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal bagi memenuhi keperluan industri dan keperluan kegiatan ekonomi serta keusahawanan di daerah setempat dan dalam negara.

Konsep latihan adalah melalui kaedah *"Community Engagement"* iaitu latihan berbentuk perkhidmatan sebenar kepada masyarakat. Latihan yang ditawarkan adalah secara percuma dalam 67 jenis bidang, serta elaun bulanan sebanyak RM200 diberikan kepada para pelatih. Syarat kemasukan adalah tiada kelayakan akademik dengan pendekatan *Simple and Flexible* yang dikendalikan secara 80 peratus praktikal dan 20 peratus teori.

Terdapat 231 buah pusat GiatMARA dalam 67 bidang kemahiran dan 12 kluster di seluruh negara. Seramai 324,095 orang tenaga mahir telah dilahirkan menerusi latihan kemahiran di GiatMARA sejak penubuhannya. Jumlah pengambilan pelajar pada tahun 2016 seramai 19,833 orang. Strategi Pendekatan yang dilaksanakan oleh GiatMARA adalah melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Program Pembangunan Usahawan Teknikal dan konsep latihan Kluster dan Korridor.

GiatMARA turut memperkenalkan strategi yang lebih praktikal dan dinamik melalui pendekatan "Strategi Lautan Biru" dengan mengadakan Pakatan Bestari *(Smart Partnership)* bersama pihak industri, GLC , institusi swasta dan universiti dalam memperkukuh dan memantapkan lagi sistem latihan. Melalui kerjasama ini, kepentingan dan manfaat yang diperolehi oleh kedua-dua pihak dapat diperolehi dengan hasil yang pantas dan berkesan. Manfaat yang diperoleh daripada program kerjasama ini bukan sahaja dalam bentuk sumbangan kepakaran tenaga pengajar, modal insan seperti pelatih malah ia juga meliputi aspek bahan dan alatan pengajaran, fasiliti yang diperolehi melalui hasil program kerjasama. Justeru itu, secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan kos oleh kerajaan.

Transformasi GiatMARA

Dalam usaha untuk mengarusperdana dan memperluas akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti, GiatMARA telah mengambil langkah perubahan transformasi sejajar dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global, kemajuan teknologi dan mobiliti tenaga kerja mahir.

TRANSFORMASI GiatMARA

INOVATIF, KREATIF DAN PENDAPATAN TINGGI

Transformasi ini memberi tumpuan dalam sistem penyampaian TVET yang lebih kompetitif untuk menjadikan GiatMARA sebagai laluan pendidikan pilihan yang berterusan. Perkembangan ini dapat dilihat dalam pembelajaran atas talian sebagai trend pendidikan semasa dan keperluan dalam *'Vocademic'* yang juga memberi penekanan kepada pendidikan akademik dengan memperkasakan modul kurikulum yang menepati keperluan industri. Di samping itu, pemacu kepada kepada peningkatan program keusahawanan sentiasa diperkemas melalui program "*Mobilepreneur* KKLW" dengan memberi peluang melahirkan usahawan bergerak dengan akses yang luas tanpa sempadan. Antara fokus lain untuk melahirkan lebih ramai generasi usahawan, usaha ini diperlebarkan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) dengan meletakkan sasaran melahirkan usahawan atas talian yang berdaya saing. Latihan dan pendedahan mempromosi usaha ini mampu menjana pendapatan isi rumah ke arah masyarakat kelas menengah.

Penerima Bantuan Motosikal di bawah Program *Mobilepreneur*

GiatMARA melaksanakan program Tanggungjawab Social Korporat (CSR) dengan meletakkan keutamaan kepada komuniti serta masyarakat setempat dengan melaksanakan program *"Skills to Society"* (S2S) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar khususnya belia melalui bidang kemahiran. Dalam masa yang sama GiatMARA menyediakan latihan bergerak di lokasi-lokasi yang mempunyai populasi belia yang tinggi bagi membantu masyarakat mempelajari ilmu kemahiran. Pada tahun 2016 seramai 347 orang terlibat dalam program ini.

Pelan Transformasi GiatMARA telah mengambil kira inisiatif untuk memperkasakan program-program bagi meningkatkan penjanaan pendapatan. Antara program yang dilaksanakan adalah melalui latihan kemahiran dengan perolehan pendapatan di Pusat GiatMARA melalui *"Training Income Generation"* dan pendapatan *"Training On Demand"* yang memenuhi keperluan permintaan latihan kemahiran komuniti di pasaran terbuka. Bagi mewujudkan peluang ekonomi baharu, inovasi dan pengkomersialan produk yang dihasilkan akan diperluaskan melalui pulangan penjualan produk yang menjadi agenda pembangunan negara kerana inovasi yang efektif mampu meningkatkan produktiviti dan daya saing sebuah negara maju. Seramai 600 orang terlibat dalam program ini pada tahun 2016. Transformasi GiatMARA ini telah dibuktikan melalui kisah-kisah kejayaan yang sentiasa menjadi pemacu dan pemangkin sebagai institusi TVET yang unggul. GiatMARA melaksanakan perubahan untuk menyumbang ke arah ekonomi dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan GiatMARA berdiri sebagai peneraju latihan yang kompetitif membantu pelaksanaan penyampaian RMK-11 secara lebih efektif.

BIL	PERKARA	TARIKH	PENGERUSI
1.	Mesyuarat Transformasi GiatMARA Bil.1/2016	7 Oktober 2016	TKSU (D)
2.	Mesyuarat Transformasi GiatMARA Bil. 2/2016	22 November 2016	TKSU (D)

Beberapa siri lawatan dan mesyuarat Transformasi GiatMARA telah diadakan yang diketuai oleh YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKLW bagi memperkemaskan program TVET sedia ada dan meningkatkan keupayaan GiatMARA dalam penawaran tempat kepada pelajar.

Lawatan Kerja ke GiatMARA Penampang, Sabah

UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UniKL)

Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merupakan sebuah universiti terkemuka dalam bidang teknologi kejuruteraan yang ditubuhkan pada 20 Ogos 2002. UniKL menawarkan pelbagai program pengajian asas, diploma, sarjana muda dan pasca ijazah melalui 12 buah kampus cawangan yang terdiri dari :

i. UniKL Malaysia France Institute (UniKL MFI), Bangi, Selangor.
ii. UniKL British Malaysian Institute (UniKL BMI), Gombak, Selangor
iii. UniKL Kampus Kota, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur :-
   a. UniKL Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)
   b. UniKL International College (UniKL ICOLE)
   c. Institute of Postgraduate Studies (IPS)
iv. UniKL Business School, Kuala Lumpur
v. UniKL Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kulim, Kedah.
vi. UniKL Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT), Dengkil, Selangor.
vii. UniKL Malaysian Institute of Chemical and Bio-engineering Technology (UniKL MICET), Alor Gajah, Melaka.
viii. UniKL Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET), Lumut, Perak.
ix. UniKL Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Ipoh, Perak.
x. UniKL Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC), Bandar Seri Alam, Johor Bahru
xi. UniKL Institute of Medical Science Technology (UniKL MESTECH), Kajang, Selangor.
xii. UniKL Institute of Product Design and Manufacturing (UniKL IPROM), Cheras, Kuala Lumpur.

Dengan konsep 'Satu Institusi, Satu Pengkhususan', UniKL bukan sahaja menyumbang kepada bidang pendidikan malah penyelidikan dan pembangunan bagi tujuan pengkomersialan. Dengan lokasinya yang strategik di seluruh Semenanjung Malaysia, kampus-kampus cawangan UniKL menawarkan pelbagai program menjurus dalam bidang-bidang pengkhususan seperti berikut:

- Penyelenggaraan Automasi & Industri
- Teknologi Sains Perubatan
- Rekabentuk Produk & Ketepatan Pembuatan
- Teknologi Maklumat
- Animasi dan Multimedia
- Teknologi Makanan, Kimia dan Teknologi Bio
- Marin
- Automotif
- Penerbangan
- Elektrikal, Elektronik dan Telekomunikasi
- Kejuruteraan Kualiti & Logistik Perindustrian
- Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu
- Perakaunan, Keusahawanan dan Kewangan Islam
- Minyak dan Gas

Sejajar dengan cabaran di era globalisasi dan memenuhi keperluan industri semasa serta pasaran kerjaya yang semakin meningkat, UniKL melengkapkan graduannya dengan ilmu pengetahuan, kepakaran teknologi, kemahiran keusahawanan, ciri-ciri kepimpinan serta berpersonaliti unggul.

Terkini, UniKL mempunyai seramai lebih daripada 28,000 orang mahasiswa-mahasiswi. Sepanjang penubuhannya, UniKL telah melahirkan lebih 40,000 orang graduan. Berikut ialah prestasi jumlah pengambilan dan pelajar bergraduat UniKL tahun 2016.



Kebolehpasaran Graduan UniKL tahun 2016



Aktiviti UniKL

UniKL Membangunkan Pusat Latihan MRO Terbesar Dunia

UniKL MIAT merupakan satu-satunya institusi pendidikan yang mempunyai kelayakan EASA 147 yang diiktiraf oleh ATO *(Approved Training Organisation)* di Malaysia. Dengan kewujudan kampus keduanya di Subang, UniKL MIAT akan menjadi pusat latihan MRO *(Maintenance, Repair and Overhaul)* terbesar di dunia. Pada tahun 2016, seramai 2,720 orang pelajar mengikuti pengajian di UniKL MIAT dan seramai 690 orang pelajar telah menamatkan pengajian.

Pusat Latihan MRO di MIAT, Subang

Perasmian UniKL Business School

Perasmian UniKL Business School yang baharu telah disempurnakan oleh YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada 18 Julai 2016 di Jalan Gurney, Kuala Lumpur. Bagi memastikan UniKL Business School bukan sekadar sebuah sekolah perniagaan berasaskan teori, pelajar *UniKL Business School* sentiasa didedahkan dengan cabaran sebenar dunia perniagaan sejak dari awal pembelajaran mereka.

Program pengajian di *UniKL Business School* turut mendapat pengiktirafan daripada lembaga akreditasi dari dalam dan luar negara. Antaranya, program *Bachelor of Accounting UniKL* menerima pengecualian maksima daripada *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* dan CPA Australia. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang dikeluarkan oleh *UniKL Business School* diiktiraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Australia.

Selain itu, *UniKL Business School* juga menerima pengiktirafan dan menjalinkan kerjasama dengan *The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)* dan *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).*

Mahasiswa UniKL Business School Bersama YBM KKLW

UniKL Business School juga menjalinkan kerjasama dengan pelbagai institusi pendidikan dan organisasi antarabangsa contohnya *Grenoble Graduate School of Business* dari Perancis, Greater Munich Area Universities dari Jerman, dan juga *Asian Institute of Management (AIM).*

UniKL Business School juga diterima sebagai ahli di dalam *Alliance on Business Education and Scholarship for Tomorrow, a 21st Century Organisation (ABEST 21),* sebuah organisasi berprestij dengan keanggotaan oleh institusi pendidikan perniagaan dari 18 buah negara seluruh dunia.

Jalinan kerjasama ini adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan pengurusan perniagaan dan kewangan yang ditawarkan *UniKL Business School* selain menyediakan graduan yang progresif, berilmu dan berdaya saing. Pada tahun 2016, terdapat seramai 3,432 orang pelajar di *UniKL Business School* dan 987 orang pelajar telah bergraduat.

Penubuhan Institut Rel Dengan Usahasama Rapid Rail Sdn. Bhd.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui *UniKL Institute of Product Design and Technology (UniKL IPROM)* telah menjalinkan usahasama dengan Rapid Rail dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada 7 Mac 2016. Majlis ini telah disaksikan oleh YB Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Pengerusi Prasarana dan Ketua Pengarah MARA.

MoU antara MARA dan Rapid Rail

Institut Rel yang dibangunkan di bawah UniKL adalah melalui pendekatan *fast track* dengan pihak industri rel. Perkongsian ini akan diperluaskan dalam sistem pembelajaran, pensyarah, pakar bidang dan peralatan bagi penganjuran program profesional. MARA dan UniKL akan menyediakan sumber yang minimum bagi menjalankan program profesional tersebut.

Kolaborasi Antarabangsa Universiti Kuala Lumpur dengan JR Kyushu Railway Company, Jepun.

JR Kyushu Railway Company (JR Kyushu) merupakan syarikat rel yang menjalankan operasi dan penyelenggaraan sistem rel di Pulau Kyushu, Jepun. JR Kyushu membangunkan laluan sepanjang 280 km bagi sistem Kereta Api Laju Shinkansen dan 2,000 km bagi sistem metro dan komuter. MARA melalui UniKL telah menjalinkan kolaborasi dengan JR Kyushu melalui perjanjian *Letter of Intent (LOI)* pada 18 Mac 2016. JR Kyushu akan menyumbangkan kepakaran dan pengalaman di dalam bidang operasi dan penyelenggaraan sistem rel kepada tenaga kerja rel di Malaysia melalui program pendidikan dan profesional yang dianjurkan oleh UniKL.

Majlis Perjanjian Letter of Intent (LOI) antara MARA dan JR Kyushu

Anugerah PUTRA Brands Award

UniKL meraikan kejayaan sebagai antara jenama tersohor Malaysia apabila mendapat pengiktirafan PUTRA Brands Award 2016 dalam *Education and Learning Category. Putra Brand Awards,* yang juga dikenali sebagai *"The People's Choice Award"*, dipilih di kalangan lebih 6,000 responden melalui kajiselidik bebas di seluruh negara. Pengiktirafan ini adalah bukti usaha dan kesungguhan berterusan oleh UniKL dalam menyediakan pendidikan bertaraf dunia.

BrandLaureate Icon Award 2016

Professor Dato' Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif UniKL telah dianugerahkan *Transformational Corporate Leader Brand Icon Leadership Award 2016*. Pengiktirafan ini diberikan di atas kepimpinan beliau dalam mentransformasi UniKL menjadi antara institusi pendidikan teknikal dan keusahawanan terkemuka negara.

Professor Dato' Dr. Mazliham bin Mohd Su'ud dianugerahkan *Transformational Corporate Leader Brand Icon Leadership Award 2016*

KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM)

Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) ialah sebuah institusi pendidikan MARA yang diuruskan oleh Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. dan berdaftar sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). KPTM sebelum ini dikenali sebagai Kolej Yayasan Pelajaran MARA (KYPM). Pada 1 September 2003, telah ditukar secara rasmi kepada Kolej Poly-Tech MARA. KPTM kini mempunyai satu (1) kampus bertaraf kolej universiti dan lapan (8) kampus bertaraf kolej yang mengendalikan program sepenuh masa di peringkat asasi, diploma, profesional, ijazah dan pasca ijazah.

i. Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur
ii. Kolej Poly-Tech MARA Kuantan, Pahang
iii. Kolej Poly-Tech MARA Bangi, Selangor
iv. Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu, Kelantan
v. Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Kedah
vi. Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak
vii. Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat, Johor
viii. Kolej Poly-Tech MARA Semporna, Sabah
ix. Kolej Poly-Tech MARA-Kesedar, Gua Musang, Kelantan

KPTM menawarkan 31 program dari tujuh (7) bidang pengajian iaitu :

i. Professional Studies
ii. Accounting and Business
iii. Social Sciences and Humanities
iv. Computer Science and Information Technology
v. Creative Multimedia
vi. Bio Industry and Health Science
vii. Engineering

KPTM telah berkembang sejak penubuhannya sebagai antara institusi pengajian tinggi swasta Bumiputera yang terbesar di Malaysia dengan jumlah enrolmen terkini melebihi 16,000 orang pelajar sepenuh masa di seluruh negara. Sehingga 2016, KPTM telah melahirkan lebih 36,500 graduan yang berdaya saing, seimbang dan mampu merealisasikan aspirasi negara. Berikut ialah prestasi pengambilan dan pelajar bergraduat tahun 2016.

Jumlah Pengambilan Pelajar & Graduat KPTM



Kebolehpasaran Graduan KPTM



Pengiktarafan Pengurusan Kualiti

PENARAFAN	PENCAPAIAN
Penarafan *MyQuest College Based*	**5 Bintang** • KUPTM Kuala Lumpur • KPTM Bangi • KPTM Kota Bharu • KPTM Alor Setar **4 Bintang** • KPTM Kuantan • KPTM Ipoh **3 Bintang** • KPTM Batu Pahat
Penarafan *MyQuest College Based*	**6 Bintang** • KUPTM Kuala Lumpur
Audit Kualiti UiTM	**A+** • KPTM Bangi • KPTM Kota Bharu • KPTM Alor Setar
Pensijilan ISO SIRIM	• KUPTM Kuala Lumpur • KPTM Bangi • KPTM Kota Bharu • KPTM Kuantan • KPTM Ipoh • KPTM Alor Setar • KPTM Batu Pahat • KPTM Semporna
Pensijilan 5S *Malaysia Productivity Corporation (MPC)*	• KPTM Ibu Pejabat • KUPTM Kuala Lumpur • KPTM Bangi • KPTM Kota Bharu • KPTM Kuantan • KPTM Ipoh • KPTM Alor Setar • KPTM Batu Pahat • KPTM Semporna • KPTM-Kesedar Gua Musang

Anugerah *World Prize Winner 2015*

Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL) mencipta sejarah apabila Siti Nur Nadhirah binti Rusli, pelajar ACCA *Certified Accounting Technician* (ACCA-CAT, UK) telah menerima anugerah *2nd Place World Prize Winner 2015* untuk subjek FA1 – *Recording Financial Transactions.*

Memorandum Persefahaman diantara KUPTMKL dan Jabatan Pendidikan Politeknik

Persefahaman ini adalah merangkumi kerjasama di dalam perkara seperti artikulasi program pengajian, inovasi dan penyelidikan, pemasaran dan pengambilan graduan, penempatan latihan industri dan kerjaya, serta peluang pengajian pasca-siswazah. Artikulasi program pengajian membolehkan graduan-graduan Politeknik meneruskan pengajian di KUPTMKL dengan memperoleh pemindahan kredit dan pengurangan yuran tanpa perlu menyediakan dokumen silibus mata pelajaran asal.

Memorandum Persefahaman di antara KUPTMKL dan Jabatan Pendidikan Politeknik

Memorandum Persefahaman (MOU) bersama ACCA Malaysia

KPTM juga telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama ACCA Malaysia bagi membolehkan pelajar *Bachelor of Arts (Honours) in Accounting and Finance* (program kerjasama *Dublin Business School)* di KPTM Bangi berpeluang mengambil kertas ACCA semasa pengajian di peringkat Ijazah melalui Program ACCA Accelerate berserta insentif lain yang diberikan oleh pihak ACCA.

Memorandum Persefahaman (MOU) bersama ACCA Malaysia

GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE (GMI)

German-Malaysian Institute (GMI) telah ditubuhkan pada September 1992 dibawah Akta Syarikat 1965. GMI bermula sebagai sebuah projek usahasama di antara Kerajaan Malaysia dan Jerman. Matlamat penubuhan GMI adalah untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi menerusi pendidikan dan latihan yang holistik (syumul) kepada keperluan perindustrian Negara berpandukan konsep pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET), yang menjadi tunggak kepada kejayaan kejuruteraan Jerman. GMI ditadbir urus oleh sebuah ahli Lembaga Pengarah terdiri dari wakil kerajaan dan industri.

GMI kini berusia 25 tahun, beroperasi di pinggiran bandar Kajang, bersempadankan Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM) Taman Alam Sari dan Pusat Latihan KWSP (ESSET) dan hanya 38 kilometer dari pusat bandaraya Kuala Lumpur. GMI menawarkan program latihan berteknologi tinggi bersesuaian dengan kemajuan sektor industri pembuatan, pengilangan dan perkhidmatan. GMI juga merupakan satu-satunya institusi di Malaysia yang menawarkan pengajian keperingkat Ijazah Sarjana Muda kepada lebih 50 rangkaian *Universities of Applied Science* (UAS) di Jerman menerusi program *German A-Level Preparatory Program (GAPP).*

Pada tahun 2010, GMI telah mempelopori konsep pembelajaran Pro3BL *(Problem, Project and Production Based Learning)* dan telah menerapkankan di dalam program Diploma dan persediaan A-Level bagi melahirkan individu terlatih bagi abad ke-21 yang mempunyai ciri-ciri seperti kebolehan berkomunikasi, berkolaborasi, berfikiran kritis dan berkemampuan menyelesaikan permasalahan. GMI menawarkan kursus sepenuh masa dan penawaran pengajian sepanjang hayat menerusi kursus teknikal (jangka pendek), Kursus *Train the Trainer,* Kursus pembangunan Kurikulum dan Kursus PRO3BL.

Jumlah Pengambilan Pelajar dan Graduat GMI



Kebolehpasaran Graduan GMi



Nota : Jumlah responden berdasarkan jumlah pelajar bergraduat 2016 seramai 1,269

Penarafan *MyQuest* Lima (5) Bintang

GMI telah menerima penarafan lima (5) bintang dua (2) tahun berturut-turut menerusi sijil *MyQuest* yang diserahkan oleh Dr. Mohamed Ali bin Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Governan IPTS Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 Januari 2016.

Kolaborasi dengan Industri

Kolaborasi dengan pihak industri sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa. MoU dengan MTU Services (M) Sdn. Bhd telah dimeterai pada 24 Februari 2016 bagi pembangunan dan pelaksanaan program khas untuk staf dan pelanggan menerusi program Latihan Dual Vokasional (DVT).

MoU dengan MTU Services (M) Sdn. Bhd.

MoU dengan pengeluar *Solid Carbide-cutting tools* terkemuka iaitu HPMT telah diadakan pada 12 April 2016 bertujuan menggalakkan pengambilan pelajar GMI sebagai pelatih industri di bawah HPMT dan menyediakan peluang penajaan pelajar cemerlang dibawah program A-Level ke Jerman.

MOU bersama HPMT Sdn. Bhd

Perasmian Pusat Teknologi Autrotronics GMI

Pada 26 Julai 2016, Pusat Teknologi *Autotronics (Hybrid System, Engine Management & Combustion Lab)* telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MARA, YBhg. Datuk Ibrahim Ahmad. Pusat ini menempatkan dua (2) unit kereta BMW, enam (6) unit motosikal berkuasa besar KTM, dua (2) unit Volkswagen dan seunit Toyota Prius.

Pertandingan *World Robot* di Korea

Empat (4) orang pelajar dan dua (2) orang pensyarah dari Seksyen Elektrikal dan Elektronik Jabatan Elektronik Industri GMI telah mengambil bahagian dalam Pertandingan *World Robot* di Ilsan KINTEX *Exhibition*, Seoul, Korea. GMI menyertai kategori Altino Robot *(Automatic Car Maneuvering).* Penyertaan dalam pertandingan bertaraf antarabangsa ini menjadi kayu pengukur kepada warga GMI terutamanya para pelajar dalam mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari.

Pertandingan Kemahiran ASEAN 2016

Pada 24-26 September 2016, GMI melakar sejarah manis apabila seorang pelajar jurusan *Product Design & Manufacturing,* Muhammad Syafiq Tumin menerima pingat emas dan menjuarai kategori *Mechanical Engineering Design (CAD)* di peringkat Asia Tenggara. Pertandingan Kemahiran ASEAN 2016 atau ASEAN *Skills Competition 2016* yang diadakan di MAEPS Serdang membuktikan kehebatan pelajar GMI di peringkat Asia Tenggara.

MARA EXCELLENT VENTURES SDN. BHD.

MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd. (MEX) menawarkan program yang berkualiti di bawah institusi pengurusannya dengan menitikberatkan kecemerlangan prestasi sebagai objektif utama untuk tahun 2016. Oleh itu, aktiviti pendidikan dan latihan dalam pelbagai bidang serta selari dengan perubahan semasa telah dijalankan. Program-program yang berorientasikan industri, inovatif dan kreatif, kepakaran dan kemahiran tinggi dalam pelbagai bidang diterapkan bagi mencapai objektif yang mementingkan *Character, Capability & Organizational Capacity.*

i. MARA American Degree Preparatory Program

Program *MARA American Degree Preparatory Program (MADPP)* telah diperkenalkan sejak tahun 2014 dan telah memasuki kohort ketiga pada tahun 2016. Pelajar cemerlang yang terpilih akan mengikuti program persediaan selama lapan (8) bulan di dalam negara dan akan menduduki peperiksaan *Schoolastic Assessment Test* (SAT) dan *Test of English as Foreign Language* (TOEFL).

Pelajar yang layak berpeluang melanjutkan pengajian dalam bidang Sains dan Teknologi di Kolej Komuniti di Amerika Syarikat dan seterusnya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Pertama di Universiti terkemuka di Amerika Syarikat.

Taburan Pelajar MADPP di Kolej Komuniti dan Universiti terpilih di Amerika Syarikat

ii. MARA KETENGAH International College

MARA KETENGAH INTERNATIONAL COLLEGE (MKIC) adalah kolej dibawah seliaan MEX menawarkan program Cambridge A-Level (CAL) iaitu program persediaan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke United Kingdom (UK). Program pengajian yang ditawarkan di MKIC adalah Perakaunan, Ekonomi dan Seni Bina *(Accounting, Economics dan Architecture).*

iii. Pusat Bahasa MEX

Pusat Bahasa MEX atau lebih dikenali sebagai *MEX Language Center (MLC)* telah mula beroperasi sejak tahun 2015. Kewujudan MLC adalah untuk mengembang dan meningkatkan kemahiran penggunaan bahasa asing dan memfokuskan kepada kursus-kursus pembangunan profesional dalam semua aspek. Selain itu, ia juga merupakan usaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa asing di kalangan peserta dan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Antara program yang mendapat permintaan tinggi ialah kursus Bahasa Inggeris yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan Kedutaan Amerika Syarikat serta kursus Keusahawanan dan Pengurusan.

iv. Institut Antarabangsa Latihan Keguruan MARA

Institut Antarabangsa Latihan Keguruan MARA (IALKM) berhasrat untuk menjadi pemain utama dalam program latihan guru. IALKM menawarkan peluang pembangunan profesional untuk guru-guru MARA khasnya bagi membangunkan fleksibiliti dan keupayaan mereka menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi pengajaran dan pembelajaran setiap hari.

Pelbagai program telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2016 antaranya Kolokium dan Bengkel Pemantapan Pedagogi Guru-guru Senireka MRSM Semalaysia 2016. Objektif utama kolokium ini adalah untuk memantapkan kaedah pedagogi dan merangsang daya kreativiti guru, selain dapat melahirkan guru-guru yang mampu mewujudkan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran.

UniMARA

UNIMARA Sdn. Bhd. (UniMARA) berfungsi untuk melengkap dan memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan MARA dalam usaha membangun serta menambah bilangan profesional untuk pembangunan negara. Ianya diperbadankan secara rasmi oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 29 Februari 2016 manakala Ahli-ahli Lembaga Pengarah UniMARA Sdn. Bhd. telah dilantik mulai 25 Julai 2016.

Penubuhan UniMARA adalah bertujuan untuk menerajui bidang pendidikan dalam melahirkan dan membentuk generasi akan datang sebagai *future leaders* dalam sektor keusahawanan, korporat, perkhidmatan awam dan politik. Aspirasi UniMARA adalah menjadi sebuah institusi pemikir kajian Bumiputera dalam semua aspek lapangan bagi menyedia dan melengkapkan golongan profesional, pemimpin serta usahawan Bumiputera. UniMARA memberi fokus kepada kluster keusahawanan, profesional dan kepimpinan yang menyokong ekosistem pendidikan MARA sedia ada. UniMARA mensasarkan individu di sektor awam, sektor korporat, sektor bukan berorientasikan keuntungan, ahli profesional dan ahli politik sebagai kumpulan sasaran. UniMARA juga menawarkan sistem pengajian yang mempunyai keterbezaan dengan universiti sedia ada dalam menawarkan program seumpamanya. UniMARA lebih memberi tumpuan kepada pembangunan profesionalisme dan kepimpinan di dalam bidang-bidang tertentu. Antara program yang telah dilaksanakan oleh UniMARA ialah:

i. Program Kejuruteraan Profesional

Program ini mula dilaksanakan pada Mei 2016 dengan pengambilan seramai 24 orang peserta. Seorang peserta telah pun tamat program ini dan telah berjaya mencapai kelayakan sebagai Jurutera Profesional pada 28 Disember 2016. Semua peserta yang terlibat akan menamatkan program ini pada Mei 2018 dan akan mendapat kelayakan sebagai Jurutera Profesional.

ii. Program *Achievement Motivation Training*

Program ini dilaksanakan pada November 2016 dengan penglibatan seramai 80 orang peserta dalam kalangan staf MARA. Program ini dilaksanakan bagi memperlengkapkan peserta dengan ilmu supaya bersedia untuk menjadi pemimpin dalam organisasi pada masa akan datang.

Program Kejuruteraan Profesional

Program Achievement Motivation Training

Kemuncak penubuhan UniMARA ini dapat dilihat dengan pelancaran yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 4 Mac 2016 bersempena dengan Sambutan Perdana Ulang Tahun MARA ke-50. Antara petikan YAB Perdana Menteri adalah seperti berikut:

PETIKAN UCAPAN

"Untuk mengukuhkan lagi usaha ini, saya ingin mengumumkan bahawa kita telah bersetuju untuk membantu MARA menubuhkan Universiti MARA (UniMARA) yang merupakan kemuncak kepada sistem pendidikan cemerlang MARA. Selama ini, MARA telah memberi peluang kepada ramai anak-anak pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Kini, melalui penubuhan Universiti MARA, kita berhasrat untuk menyediakan program pendidikan terbaik di rantau ini dan akan menarik pelajar dari luar negara pula untuk melanjutkan pengajian tinggi di negara kita"

YAB DATO' SRI HAJI
MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia.
Sempena Majlis Sambutan 50 Tahun MARA (1966-2016)
Bertempat di Dewan Utama, Menara MARA pada
4 April 2016 (Isnin) Jam 4.00 Petang.

SEKTOR PELABURAN

SEKTOR PELABURAN

PERKARA	SASARAN	PENCAPAIAN
Pendapatan (RM)	1.2 billion	1.6 billion
Keuntungan (RM)	40 juta	62 juta
Dividen (RM)	6.0 juta	7.8 juta
Obligasi Sosial (RM)	3.0 juta	3.7 juta
Kutipan (RM)	800 juta	952.58 juta

MARA mendokong dasar dan polisi kerajaan dalam merealisasikan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dengan menjadikan agenda tersebut sebagai strategi utama organisasi bagi tahun 2016 - 2020. Sektor Pelaburan menyokong hasrat ini dengan memberi fokus kepada dua agenda utama PEB iaitu bagi memantapkan pemilik anekuiti dalam sektor korporat dan memperkukuhkan pemilikan aset bukan kewangan.

MARA melalui Sektor Pelaburan berperanan besar sebagai *socioenonomic engineering agency* dalam pembangunan usahawan dan pendidikan di negara ini. Ianya sejajar dengan matlamat utama sektor bagi membangunkan usahawan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan Bumiputera. Aktiviti-aktiviti komersial dan pelaburan berteraskan penciptaan nilai kewangan *(wealth creation)* yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan kemampanan *(sustainability)* MARA bagi membantu golongan Bumiputera dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Strategi ini juga selari dengan pelaksanaan program atau projek yang berteraskan kepada konsep *embedded*. Melalui konsep ini, Sektor Pelaburan akan bekerjasama erat dengan Sektor Pendidikan dan Keusahawanan dalam menjalankan setiap aktiviti komersial dan pelaburan.

MARA CORPORATION

PENDIDIKAN

UniKL UNIVERSITI KUALA LUMPUR · GIATMARA Malaysia · UniMARA · KPTM KOLEJ POLY-TECH MARA · TPM COLLEGE · MEX · GMI

PERKHIDMATAN KEWANGAN

PELABURANMARA · RURALCAPITAL

HARTANAH

MARA Inc. · YPMR

PERKHIDMATAN KOMERSIAL

M-AEROTECH · Asia AeroTechnic · fitec · STRAND · GLOCAL LINK · MARALINER · DDEC

YAYASAN PELAJARAN MARA
MARA EDUCATION FOUNDATION

PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SUBSIDIARI

Sehingga 31 Disember 2016, MARA memiliki dua puluh satu (21) syarikat subsidiari, satu (1) syarikat perbadanan, satu (1) syarikat jaminan terhad dan dua (2) syarikat bersekutu yang terlibat dalam pelbagai industri terpilih dan berpotensi. Bagi tahun 2016, Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Subsidiari (BPPS) telah merangka strategi untuk membangunkan subsidiari dengan memfokuskan aktiviti komersial dan pelaburan kepada empat (4) sektor utama iaitu pendidikan, perkhidmatan kewangan, hartanah dan perkhidmatan komersial.

Pencapaian Kewangan Syarikat Subsidiari MARA Setakat 31 Disember 2016

BIL	PROGRAM	PENCAPAIAN (RM)/%	
		2016	2015
1.	Pendapatan	1,608,983,787	1,719,780,081
2.	Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	55,108,227	(187,171,844)
3.	Jumlah Harta	2,188,871,626	2,113,121,324
4.	Jumlah Ekuiti	1,120,568,343	1,008,103,698
5.	Pulangan keatas Ekuiti	5.7%	-20.0%
6.	Jumlah Modal Berbayar	615,714,808	598,166,244

Pemerkasaan subsidiari MARA dilaksanakan melalui dua (2) pendekatan utama iaitu pengurusan kos yang efektif dan pelaburan dalam industri berimpak tinggi. Hasil daripada pendekatan dan inisiatif ini dapat dilihat melalui prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh semua subsidairi MARA. Selain itu, penekanan kepada pengukuhan tadbir urus korporat yang baik turut menjadi agenda sepanjang tahun.

Pelan Tindakan Aeroangkasa Negara telah berjaya melakar transformasi dalam industri aeroangkasa di Malaysia. Kerajaan mengunjurkan bahawa industri ini akan menjana jumlah pendapatan sebanyak RM55.2 bilion dan menghasilkan 32,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030 dalam aktiviti aeroangkasa seperti penyenggaraan, pembaikan dan operasi (MRO) serta pembuatan komponen teknologi tinggi.

Selaras dengan pelan ini dan matlamat MARA sebagai *sosioeconomic engineering agency,* MARA telah membuat pelaburan dan menceburi aktiviti komersial dalam industri aeroangkasa. Sebagai permulaan dalam industri berimpak tinggi ini, MARA memberi fokus kepada pembangunan modal insan yang berkompetensi tinggi, MRO, perkhidmatan kejuruteraan dan konsultansi.

Peranan MARA dilihat begitu signifikan apabila berjaya bekerjasama dengan kerajaan dalam Program Transformasi Ekonomi. MARA membuat pelaburan di dalam syarikat yang disenaraikan dalam bidang perkhidmatan perniagaan di bawah inisiatif EPP 5: *Pure-Play Engineering Services.* EPP ini mempunyai aspirasi untuk memupuk daya saing global bagi syarikat perkhidmatan kejuruteraan aeroangkasa dan automotif di Malaysia dengan menggalakkan suasana pasaran yang mampu menarik perkhidmatan kejuruteraan berteknologi tinggi ke dalam negara. Di bawah inisiatif ini dianggarkan keperluan tenaga kerja seramai 11,550 orang dengan pendapatan negara kasar (GNI) sebanyak RM3.5 billion akan dicipta menjelang tahun 2020.

Ikrar Integriti Korporat (CIP) Peringkat Subsidiari MARA

MARA telah melaksanakan program CIP di semua pusat MARA termasuk syarikat-syarikat subsidiari. Aktiviti ini melibatkan keseluruhan warga kerja subsidiari MARA seramai 8,334 orang. Inisiatif ini dapat mengukuhkan tahap integriti dan mempertingkatkan pemantauan yang berkesan ke arah memastikan subsidiari mencapai prestasi cemerlang dalam tadbir urus korporat.

Ikrar Integriti Subsidiari MARA

Pengiktirafan dan Anugerah

Syarikat MARA telah menerima pelbagai pengiktirafan dari dalam dan luar negara seperti 2016 *Lipper Fund Award for Best Shariah Equity Fund (PMB), Best Nation Award di World Skills Asean (GiatMARA), Putra Brand Award 2016* dan *Brand Laureate Award (UniKL), Bronze Stevie Winners (Asia Pasific) 2016 (MARA LINER)* serta *ACCA Gold Status (KPTM).*

Di samping itu, dua (2) syarikat MARA telah menerima anugerah syarikat terbaik peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) iaitu AAT (Pertama) dan UniKL (Kedua) bagi kategori modal saham RM5 juta dan ke atas. Syarikat subsidiari MARA juga telah mendapat pengiktirafan persijilan ISO, 5S, Green 5S dan Pengurusan LEAN sebagai penunjuk aras tahap kecekapan syarikat MARA.

Anugerah Ikon Subsidiari MARA telah diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2016 bagi memberi penghargaan ke atas kecemerlangan yang ditunjukkan oleh anggota kerja syarikat subsidiari MARA.

Seramai 364 warga kerja telah menerima anugerah ini yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Penyampaian Anugerah Ikon Subsidiari MARA

KAWALAN KREDIT

Melalui aktiviti kawalan kredit, MARA memfokuskan kepada tiga (3) aktiviti utama iaitu kutipan bayaran balik Pinjaman Pelajaran, Pembiayaan Perniagaan dan Sewaan Premis Perniagaan. MARA menyediakan kemudahan kepada peminjam membuat bayaran balik pinjaman melalui platform berikut :

i. Pembayaran tunai di kaunter bayaran Pejabat MARA, kaunter Bank Rakyat terpilih dan Pejabat Pos.

ii. Pembayaran secara online melalui bank seperti BIMB, Bank Rakyat, Maybank, CIMB dan BSN.

iii. Kemudahan potongan gaji, arahan bank dan pengeluaran dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Prestasi Kutipan Bayaran Balik

TAHUN	2016	2015
Pinjaman Pelajaran	RM300,216,013	RM249,698,374
Pinjaman Perniagaan	RM613,460,627	RM692,592,515
Sewaan Premis Pelajaran	RM38,900,980	RM35,953,227
JUMLAH	**RM952,577,620**	**RM978,244,116**

Pemerkasaan Aktiviti Kutipan Hutang

Sempena Sambutan MARA 50 tahun, Program Pemberian Insentif (Diskaun) kepada peminjam Pinjaman Pelajaran MARA telah dilaksanakan dalam menggalakkan bayaran balik pinjaman. Pemberian insentif tersebut telah membantu melonjakkan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA sebanyak RM90,482,155.56 bersamaan dengan 30.14 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan bayaran balik bagi pinjaman pelajaran MARA.

Suasana Sekitar Kaunter Semasa Program Pemberian Insentif

Pembangunan Modal Insan

Bagi meningkatkan kecekapan dan memantapkan kemahiran serta pengetahuan dalam aktiviti kutipan hutang, beberapa kursus telah dilaksanakan kepada warga kerja yang terlibat iaitu:

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT
1.	Bengkel Motivasi Kumpulan Pelaksana	12 hingga 13 Februari 2016	Melaka
2.	Bengkel Meningkatkan Strategi Kutipan bersama Timbalan Pengarah MARA Negeri dan Ketua Unit Kawalan Kredit MARA Negeri	28 hingga 30 Oktober 2016	Kedah
3.	Bengkel *Effective Credit Management and Debt Collection Strategies*	11 hingga 13 November 2016	Langkawi

Pemantapan Sistem Penyampaian

Sistem penyampaian perkhidmatan telah dipertingkatkan dengan beberapa aktiviti dan program yang telah dilaksanakan melalui :

i. **Perkhidmatan *Call and Care Line Centre***
Unit *Call and Care Line Centre* telah diwujudkan pada awal November 2014 yang bertindak sebagai *frontliner* kepada MARA. Selain itu, unit tersebut juga berperanan membuat panggilan telefon kepada peminjam akaun pinjaman pelajaran MARA yang tertunggak dari satu (1) hingga lima (5) bulan. Sebanyak 125,349 panggilan telefon telah dibuat pada tahun 2016.

ii. **Perkhidmatan Kaunter Pelanggan**
Perkhidmatan kaunter pelanggan disediakan bagi memudahkan peminjam untuk membuat pertanyaan, bayaran dan mengadakan perbincangan bagi menyelesaikan sebarang permasalahan berkaitan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2016, seramai 39,021 orang telah hadir bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Pewujudan Jaringan dan Kerjasama (Program *Engagement*)

Program *Engagement* telah diadakan bersama agensi berikut:

i. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

Kerjasama ini adalah untuk memudahkan urusan pengeluaran KWSP pencarum daripada secara manual kepada secara atas talian *(online).*

ii. **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

Objektif kerjasama bersama PTPTN ialah mewujudkan persefahaman bagi kemudahan proses potongan gaji bagi bayaran balik pinjaman pelajaran.

iii. **Program Turun Padang ke Pejabat MARA Negeri dan Daerah Seluruh Malaysia**

Bagi memastikan setiap Pejabat MARA seluruh Malaysia mempunyai maklumat terkini berkaitan bayaran balik pinjaman, satu pasukan petugas telah dibentuk untuk turun padang bagi memberi taklimat kepada semua PMN dan PMD di setiap negeri seterusnya mengadakan *engagement* dengan peminjam yang tegar bagi mendengar permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam membuat bayaran balik pinjaman.

Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dilaksanakan bagi memastikan kutipan bayaran balik dapat ditingkatkan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan melalui :

i. Pengeluaran Surat Peringatan

Sebanyak 41,287 Surat Peringatan (SP) dan 37,493 Surat Peringatan Akhir (SPA) telah dikeluarkan bagi akaun yang bertunggakkan selama dua (2) bulan dan ke atas seperti pecahan di bawah :

BIL	JENIS SURAT	JENIS PINJAMAN	PEMINJAM	PENJAMIN	JUMLAH
1.	Surat Peringatan	Pelajaran	17,355	20,570	37,925
		Pendahuluan Pelajaran	1,681	1,681	3,362
		Jumlah	**19,036**	**22,251**	**41,287**
2.	Surat Peringatan Akhir	Pelajaran	15,847	18,856	34,703
		Pendahuluan Pelajaran	1,395	1,395	2,790
		Jumlah	**17,242**	**20,251**	**37,493**

ii. Tindakan Senarai Hitam

Sebanyak 31,277 surat makluman tindakan senarai hitam telah dikeluarkan bagi akaun yang bertunggakkan enam (6) bulan dan ke atas seperti pecahan di bawah:

BIL	JENIS PINJAMAN	PEMINJAM	PENJAMIN	JUMLAH
1.	Pelajaran	12,977	15,886	28,863
2.	Pendahuluan Pelajaran	1,203	1,211	2,414
	Jumlah	**14,180**	**17,097**	**31,277**

INDUSTRI PENGANGKUTAN

Dalam meneruskan tanggungjawab membangunkan sosioekonomi masyarakat terutamanya di luar bandar, pada tahun 2016 MARA telah diperuntukkan sejumlah RM52 juta berbanding RM25 juta pada tahun 2015 untuk pembelian 36 buah bas ekspres dan 39 buah bas luar bandar.

Prestasi perkhidmatan bas MARA Liner adalah seperti berikut:

PERKARA	2016	2015
Bilangan Penumpang Bas Ekspres	390,418	546,007
Bilangan Laluan Bas Ekspres	27	27
Bilangan Penumpang Bas Luar Bandar	1,916,932	2,424,353
Bilangan Laluan Bas Henti-henti	100	100

MARA akan terus kekal menggalas obligasi sosial dalam menyediakan perkhidmatan bas ekspres dan luar bandar di laluan yang kurang komersial. Rangkaian hubungan antara luar bandar dan bandar perlu diperkukuh dalam meningkatkan kesalinghubungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi negara.

Bahagian Industri Pengangkutan juga amat komited dalam memperkukuhkan tadbir urus perkhidmatan dan melalui kejayaan mendapatkan Pensijilan ISO 9001:2015 dan mempunyai *Standard Operating Procedure (SOP)* yang lengkap.

Kejayaan ini telah meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan dan tahap kualiti kerja yang tinggi kepada pelanggan. Bahagian Industri Pengangkutan telah memenangi Hari Inovasi KKLW 2016 bagi Kajian Penilaian *Outcome* Terbaik: Penilaian *Outcome* Kenderaan Bas MARA – Bas Luar Bandar.

Ini membuktikan perkhidmatan bas MARA telah berhasil menyumbang dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar.

PERKHIDMATAN KEWANGAN - PELABURAN MARA BERHAD

Pelaburan MARA Berhad (PMB) adalah syarikat perkhidmatan kewangan milik MARA yang terlibat secara langsung dalam pelaburan pelbagai aset yang merangkumi pasaran wang, aset pendapatan tetap, pasaran ekuiti, ekuiti persendirian dan hartanah. PMB mempunyai empat (4) anak syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti perkhidmatan kewangan termasuk pengurusan dana (PMB Investment Berhad), pembiayaan kewangan (PMB Tijari Berhad), Pelaburan hartanah (PMB Assets Sdn. Bhd.) dan perundingan perkhidmatan kewangan (PMB Consulting Sdn. Bhd.).

PMB Investment adalah syarikat yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai Islamic Fund Management Company bertanggungjawab menguruskan dana amanah saham dan portfolio korporat termasuk Dana Khas Pendidikan MARA. Empat (4) daripada dana amanah saham yang diuruskan PMB Investment mendapat pengiktirafan antara sepuluh (10) dana terbaik daripada 630 dana yang wujud di pasaran.

Antara anugerah yang dicapai oleh PMB sepanjang tahun 2016 ialah:

i. Syarikat ketiga terbaik tahun 2014 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk kategori modal berbayar RM5juta dan ke atas;

ii. Dana Ekuiti Terbaik Malaysia Keseluruhan bagi tempoh 3 tahun berakhir 31 Disember 2015;

iii. Anugerah Ekuiti Patuh Syariah Terbaik bagi tempoh 3 tahun berakhir 31 Disember 2015;

iv. Anugerah Ekuiti Patuh Syariah Terbaik bagi tempoh 5 tahun berakhir 31 Disember 2015; dan

v. PMB Investment melalui PMB Shariah Aggressive Fund menerima dua (2) anugerah Thomson Reuters Lipper Fund Awards 2016 Global Islamic daripada Thomson Reuters.

PMB Tijari merupakan syarikat kerjasama antara PMB dan Kumpulan Islamic Development Bank (IDB) yang memiliki 33 peratus daripada saham PMB Tijari. PMB Tijari terlibat di dalam pembiayaan kewangan bagi membantu akses kepada usahawan Bumiputera. Pada tahun 2016, PMB Tijari telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM23 juta bagi membantu usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan mereka.

PMB memegang mandat daripada MARA untuk melaksanakan program pengurusan dana untuk golongan Bumiputera dan membantu usahawan Bumiputera melalui pembiayaan keusahawanan. Di samping itu, PMB juga memberi perkhidmatan perundingan kewangan kepada usahawan Bumiputera. Pada tahun 2016, PMB telah membangunkan 370 usahawan Bumiputera dan memberi peluang pekerjaan kepada 1,002 orang.

PMB Investment menerima dua (2) Anugerah Thomson Reuters Lipper Fund Awards 2016 Global Islamic daripada Reuters

PMB Investment menerima Anugerah Dana Ekuiti Terbaik Malaysia Keseluruhan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dan Anugerah Ekuiti Patuh Syariah Terbaik bagi tempoh lima (5) tahun.

RURAL CAPITAL BERHAD

Rural Capital Berhad (RCB) telah ditubuhkan pada 2 Januari 2013 hasil daripada proses rasionalisasi pengurusan pembiayaan dan kawalan kredit MARA bagi menyediakan perkhidmatan pembiayaan perniagaan dan perkhidmatan pengurusan hutang bagi semua jenis kemudahan pembiayaan MARA. Pada 9 Disember 2016, RCB telah dinaik taraf kepada sebuah syarikat awam sebagai langkah awal kearah penubuhan sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang dapat memberi akses pembiayaan kepada usahawan Bumiputera khususnya di luar bandar.

Antara aktiviti utama RCB sepanjang tahun 2016 adalah berfungsi sebagai ejen kepada MARA dalam melaksanakan pemprosesan permohonan Pembiayaan Perniagaan dan permohonan Pinjaman Pelajaran MARA. Bagi pembiayaan perniagaan, RCB telah memproses permohonan pembiayaan usahawan Bumiputera bernilai RM387 juta. Manakala aktiviti permohonan pinjaman pelajaran, Unit Pembiayaan Pelajaran (UPP), RCB telah memproses 9,153 permohonan bagi Institusi Pendidikan MARA (IPMa).

Melalui Unit Kualiti dan Pemulihan Kredit (UKPK), RCB telah berjaya membuat kutipan balik pinjaman pelajaran MARA sebanyak RM124 juta. RCB juga memainkan peranan besar dalam membangunkan usahawan dan mencipta peluang pekerjaan kepada golongan Bumiputera. Sepanjang tahun 2016, seramai 37 usahawan telah dibangunkan dan 313 peluang pekerjaan telah berjaya dicipta.



Pusat Panggilan RCB

ASIA AEROTECHNIC SDN BHD

Asia AeroTechnic Sdn. Bhd. (AAT) ditubuhkan pada Mac 2015 dan memulakan operasi secara rasmi pada Oktober 2015. Syarikat ini bergiat aktif dalam bidang *Maintenance, Repair & Overhaul (MRO)* pesawat bagi membantu perkembangan industri aeroangkasa negara di rantau Asia Pasifik dan di persada dunia.

AAT juga berperanan penting dalam pembangunan modal insan dan membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada pekerja tempatan seterusnya memenuhi permintaan industri bagi tenaga kerja berkemahiran tinggi. Ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju Aeroangkasa Negara 2030. Selain itu, AAT turut menyumbang kearah melahirkan usahawan-usahawan dalam bidang berkaitan industri aeroangkasa. AAT juga menyediakan tempat latihan praktikal *On-Job-Training (OJT)* untuk memenuhi keperluan asas pelatih tempatan dalam bidang MRO terutamanya untuk mendapatkan kelayakan *Licensed Aircraft Engineers (LAEs)*.



AAT juga telah mendapat pensijilan daripada agensi penerbangan tempatan dan antarabangsa seperti berikut:

i. Jabatan Penerbangan Awam Malaysia *(Capabilities ATR 72-100/200/212A/600, B737 CL, B737 NG, B777-200 and B747-400).*
ii. *The Gambia Civil Aviation Authority (Capabilities B737 CL).*
iii. *Republic of The Union of Myanmar Ministry of Transport and Communications Department of Civil Aviation (Capabilities ATR 72-100/200/212A/600 and B737 Series).*
iv. *Civil Aviation Authority of Thailand (Capabilities ATR42-300/500, ATR 72-200/212A/600, B737 CL and B737 NG)*

Sepanjang tahun 2016, AAT juga berperanan besar dalam menyediakan 180 peluang pekerjaan kepada Bumiputera dan telah membuka peluang perniagaan dalam bidang aeroangkasa kepada 55 usahawan.

Pelatih *On-Job-Traning (OJT)* sedang menjalankan aktiviti *'Aircond Bay Component Removal'.*

Majlis Penganugerahan Syarikat dan Koperasi Terbaik

PELABURAN HARTANAH DAN HOSPITALITI - MARA INCORPORATED SDN. BHD

MARA melalui MARA Incorporated Sdn. Bhd. (MARA Inc.) telah menceburi beberapa perniagaan strategik seperti pelaburan hartanah di dalam dan luar negara, pengurusan hospitaliti serta pengurusan dan pembangunan hartanah.

MARA Inc. bertanggungjawab menguruskan Menara MARA iaitu sebuah bangunan 30 tingkat yang terletak di dalam kawasan segi tiga emas yang menumpukan kepada tiga (3) perniagaan utama iaitu hospitaliti, penyewaan komersial dan peruncitan. Menara MARA terdiri daripada Hotel Premiera Kuala Lumpur, pusat membeli-belah yang dikenali sebagai BUSANA@ MENARAMARA dan ruang pejabat yang disewa kepada syarikat-syarikat komersial.

Pewujudan Menara MARA berjaya membuka peluang kepada usahawan Bumiputera untuk menjalankan perniagaan di kawasan yang strategik dan seterusnya dapat membantu dalam menjana pendapatan yang lebih tinggi. Di samping itu, aktiviti keusahawanan di Menara MARA turut menawarkan peluang pekerjaan yang pelbagai kepada semua lapisan masyarakat.

Secara keseluruhan, perniagaan strategik MARA Inc. dalam bidang hartanah telah berjaya membangunkan 80 usahawan Bumiputera dan mewujudkan 200 peluang pekerjaan kepada golongan Bumiputera.

PEMBINAAN DAN PENGURUSAN PROJEK - YPM REALTIES SDN. BHD

YPM Realties Sdn. Bhd. (YPMR) telah ditubuhkan pada 24 Ogos 1973 sebagai sebuah anak syarikat Yayasan Pelajaran MARA (YPM). YPMR telah mempelopori bidang kejuruteraan dan infrastruktur dalam teras perniagaan, pembinaan dan pembangunan, pengurusan projek, penyelenggaraan dan perkhidmatan pengurusan bangunan serta pembangunan latihan dan jual beli peruncitan.

YPMR adalah pemegang lesen kontraktor Kelas G7 yang mempunyai kelayakan menender projek bernilai RM10 juta dan ke atas. Antara pencapaian YPMR yang memberangsangkan bagi tahun 2016 adalah berjaya menyiapkan kerja-kerja akhir pembinaan MRSM Arau, Perlis yang telah siap sepenuhnya pada bulan November. Sepanjang pembangunan projek ini, YPMR telah mengadakan kerjasama strategik bersama 17 usahawan Bumiputera yang secara langsung dapat mewujudkan peluang perkerjaan kepada warga tempatan.

Kejayaan YPMR dalam menyiapkan projek ini telah menaikkan imej YPMR sebagai kontraktor yang berdaya saing. Selain itu, kejayaan YPMR dalam membina kedai-kedai berkonsepkan kabin di Teluk Intan, Perak telah mengubah penampilan premis-premis MARA yang berusia lebih 30 tahun kepada imej baru yang lebih menarik. Langkah inovatif ini telah berjaya mengubah landskap kawasan berkenaan dan seterusnya dapat menarik lebih pelanggan dan merancakkan aktiviti perniagaan. Di samping itu, YPMR turut menjalinkan usaha sama strategik dengan German-Malaysia Institute (GMI) dalam bidang pengurusan fasiliti di mana YPMR bertindak sebagai pembekal perkhidmatan dalam mengurus dan menyelenggara fasiliti GMI di Kajang, Selangor.

Aktiviti perniagaan YPMR dalam pembinaan serta pengurusan projek dan fasiliti telah menyumbang kepada pemilikan ekuiti Bumiputera melalui pembangunan 20 usahawan dan pengwujudan 120 peluang pekerjaan.

MRSM Arau, Perlis.

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

BIL	INISIATIF	SASARAN 2016	PENCAPAIAN 2016	%
1.	Latihan Staf	100% staf mengikuti latihan/kursus tidak kurang dari tujuh (7) hari setahun	100%	100%
2.	Pembangunan Bakat	200 orang warga kerja MARA mengikuti pengajian/kursus (jangka panjang) setiap tahun	409%	205%
3.	Pembangunan Sistem Pangkalan Data	Penyempurnaan pangkalan data 20% dalam tempoh setahun	100%	100%

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Sumber Manusia (BSM) bertanggungjawab membangunkan warga kerja MARA bagi mempersiapkan MARA menghadapi cabaran globalisasi agar terus relevan dalam memperkasa Agenda Pembangunan Ekonomi Bumiputera (PEB). Sehingga 2016, MARA memiliki 11,221 orang warga kerja yang berkhidmat mengikut sektor dan kumpulan.

Kedudukan Pengisian Jawatan Mengikut Sektor Dalam Perkhidmatan MARA Setakat 31 Disember 2016

SEKTOR	PENGURUSAN TERTINGGI		PENGURUSAN & PROFESIONAL		PELAKSANA		JUMLAH	
	P	I	P	I	P	I	P	I
Jabatan Ketua Pengarah	5	6	81	88	97	119	183	213
Pejabat MARA Negeri	6	6	200	198	775	769	981	973
Pendidikan	4	7	5,974	5,572	4,080	3,620	10,058	9,199
Keusahawanan	2	2	70	48	64	44	136	94
Khidmat Pengurusan	2	1	168	187	457	424	627	612
Pelaburan	1	2	45	36	154	92	200	130
Jumlah Keseluruhan	**20**	**24**	**6,538**	**6,129**	**5,627**	**5,068**	**12,185**	**11,221**

Nota :

P = Peruntukan
I = Pengisian

Bagi memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi dan menjadikan MARA sebagai sebuah organisasi yang unggul dan diberkati, aktiviti berikut telah dilaksanakan bagi menyokong aspirasi ini.

1. **Pembangunan Kompetensi**

   MARA telah merekodkan pencapaian 100 peratus warga kerja menghadiri kursus tidak kurang dari tujuh (7) hari setahun dengan kenaikan sebanyak 20 peratus bilangan kursus dan 14 peratus bilangan penyertaan berbanding tahun sebelumnya.

   Peningkatan ini didorong oleh pelaksanaan dan adaptasi model latihan baharu yang dikenali sebagai Model Pembelajaran dan Pembangunan 70:20:10. Model ini memberi penekanan kepada *experiential learning* dan *social learning* berbanding kaedah formal learning. Kelebihan model ini dalam latihan dan pembangunan sumber manusia MARA adalah seperti berikut:

   i. Menjimatkan kos seperti bayaran penceramah, penginapan hotel, fasiliti dan bahan latihan serta tuntutan perjalanan peserta.

   ii. Mengurangkan kerugian akibat ketidakhadiran peserta.

   iii. Model ini lebih efektif dan efisien dalam mengoptimumkan pelaburan MARA ke atas pembangunan sumber manusia.

Jadual Pembangunan Kompetensi

BIL	KATEGORI	2016		2015	
		BIL KURSUS	BIL PENYERTAAN	BIL KURSUS	BIL PENYERTAAN
1.	Fungsional	2,213	36,614	1,644	31,907
2.	Generik	1,773	50,092	1,656	43,070
3.	Kepemimpinan	349	5,898	300	6,151
	Jumlah	**4,335**	**92,604**	**3,600**	**81,128**

2. **Latihan di Luar Negara**

   Penyertaan dalam program latihan berimpak tinggi di luar negara telah membantu meningkatkan kompetensi dan kepemimpinan pegawai MARA di samping membina rangkaian di peringkat antarabangsa melalui kuliah, seminar, persidangan dan pembentangan kertas kerja.

3. **Program Pelan Penggantian**

   Pemimpin pelapis yang akan mengisi jawatan-jawatan kritikal di MARA perlu mengikuti program pembangunan kompetensi dan kepemimpinan berimpak tinggi bagi memperkasa kapasiti intelektual dan kemahiran pegawai. Perancangan teliti telah dirancang agar pemimpin pelapis ini berupaya meneraju MARA pada masa akan datang.

   a. ***Strategic Leadership Development Programme (SLDP)***

   - *Advanced Leadership & Management Programme (ALMP)*
     Bertemakan *Transforming Proven Leaders into Global Leaders, ALMP 2016* dilaksanakan dengan matlamat untuk mentransformasi pemimpin MARA menjadi pemimpin keusahawanan yang mampu berfikir dan bertindak secara global serta bersaing secara strategik. Seramai 39 orang pegawai MARA gred 54 dan gred VU7 dari pelbagai skim telah mengikuti ALMP.

   - ***Leadership & Management Programme (LMP)***

     LMP direka bentuk bagi mempercepatkan perkembangan bakat kepemimpinan pemimpin pelapis MARA agar mampu melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diberikan oleh Pengurusan MARA. Dengan bertemakan *Creating Outstanding Next Future Leaders*, LMP 2016 telah melatih seramai 40 orang pegawai MARA gred 48 dan gred 52 dari pelbagai skim.

   - ***School Leadership & Management Programme (SLMP)***

     Pemimpin-pemimpin pelapis dari Institusi Pendidikan MARA (IPMa) tidak terkecuali daripada mengikuti program pembangunan kompetensi dan kepemimpinan yang memberi kesan secara signifikan kepada prestasi pelajar dan pengurusan sekolah atau kolej. Seramai 203 orang Timbalan Pengetua dan Timbalan Pengarah dari 51 Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), 13 Institut Kemahiran MARA (IKM), 11 Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan MARA Japan Industrial Institute (MJII), 4 Kolej MARA (KM) dan 6 Kolej Profesional MARA (KPM) telah mengikuti SLMP 2016 yang bertemakan *Value-Based Leadership*.

   b. ***Cross Fertilisation Programme (CFP)***

   Program *Cross Fertilisation Programme (CFP)* direka bentuk untuk memberi pendedahan dan pengalaman bekerja di organisasi berprestasi tinggi khususnya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

Melalui program ini peserta didedahkan dengan budaya kerja sektor swasta, idea-idea, teknik penyelesaian masalah dan dapat mempraktikkan *the best practices* yang dipelajari setelah kembali berkhidmat semula di MARA. Pada tahun 2016, MARA telah menempatkan secara silang dua (2) orang pegawai gred 44 di Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dan seorang pegawai gred 41 di Axiata Group Berhad.

Program Pembangunan Kerjaya

Program pembangunan kerjaya dilaksanakan secara berterusan melalui perancangan dan pelaksanaan pelbagai program yang berteraskan 3Cs – *character, capacity and capability* (karakter, kebolehan dan keupayaan).

Program ini memberi penekanan kepada elemen *capacity* (kebolehan) dalam meningkatkan pengetahuan yang bersesuaian berteraskan pembelajaran berterusan. Program Pembangunan Kerjaya MARA disediakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

i. Melahirkan *Subject Matter Expert* untuk menambah kepakaran dalam bidang kritikal seperti Pelaburan, Keusahawanan, Kewangan, Ekonomi, Polisi Awam, Kejuruteraan dan Teknologi (Automotif, Minyak & Gas, Elektrik, Teknologi Hijau dan Pendidikan (Matematik, Fizik, Kimia, Biologi)

ii. Membangunkan kerjaya ke tahap yang lebih tinggi

iii. Pembudayaan ilmu di kalangan pegawai

Struktur Program Pembangunan Kerjaya yang dilaksanakan meliputi semua skim dan klasifikasi perkhidmatan melalui lima (5) program berikut:

i. Program Pengajian Separuh Masa secara *In-House*

Merupakan program yang dirancang oleh Bahagian Sumber Manusia bersama Sektor/ Pengawal Program mengikut keperluan organisasi dan ditawarkan secara separuh masa.

ii. Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)

Ditawarkan kepada pegawai-pegawai yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah atau lain-lain peringkat pengajian dalam bidang-bidang kritikal yang memberi impak kepada perancangan organisasi.

iii. Pengajian Luar Kampus (PLK)

Kebenaran yang dikeluarkan kepada pegawai-pegawai MARA mengikuti pengajian bagi tujuan peningkatan tahap akademik masing-masing.

iv. Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)

Program ini terbuka kepada semua pegawai yang tidak berjaya dalam permohonan CBBP dan bersedia untuk meneruskan pengajian secara CBTG.

v. Top Executive Program (TEP)

Program ini merupakan program yang ditawarkan kepada *High Performers* untuk mengikuti pengajian peringkat sarjana secara sepenuh masa di universiti terkemuka luar negara.

BIL	PROGRAM	PENGAJIAN				
		DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH	PROFESIONAL
1.	Program Dalaman (In-house)	138	30	25	27	24
2.	Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP)	0	0	5	12	12
3.	Pengajian Luar Kampus (PLK)	5	26	60	16	0
4.	Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)	0	0	0	1	0
	Jumlah	**143**	**56**	**90**	**56**	**36**

Pencapaian 2016

1. *Best Recruitment Evaluation Technique 2016*

MARA telah memenangi tempat ketiga bagi kategori *Best Recruitment Evaluation Technique* di pertandingan HR *Asia Recruitment Award* 2016 pada 19 April 2016 di Aloft, KL Sentral. Pertandingan ini dianjurkan di peringkat Asia bertujuan untuk menilai keupayaan organisasi dalam menjalankan proses penilaian, pemilihan dan pengambilan kakitangan.

2. *Excellence In CSR Strategy 2016*

MARA telah memenangi tempat ketiga bagi kategori *Excellence in CSR Strategy* di peringkat Asia semasa majlis *HR Excellence Award 2016* yang telah disampaikan pada 4 Oktober 2016 di Aloft, KL Sentral. Anugerah ini mengiktiraf organisasi yang menggabungkan elemen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ke dalam strategi Sumber Manusia serta menggalakkan kakitangan untuk turut serta dalam aktiviti yang berkaitan CSR.

3. Anugerah Kualiti Pengurusan Sumber Manusia

MARA telah memenangi tempat pertama bagi kategori Anugerah Kualiti Pengurusan Sumber Manusia sempena Sambutan Hari Inovasi KKLW 2016 yang dianjurkan pada 23 November 2016.

4. Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Wilayah Persekutuan

MARA di bawah kepimpinan Ketua Pengarah, Datuk Ibrahim Ahmad telah memenangi Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Wilayah Persekutuan 2016 sempena Hari Pekerja 2016.

PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2016, MARA telah diluluskan Bajet Mengurus berjumlah RM3,608,550,247. Jumlah ini adalah untuk memperkukuh tadbir urus bagi memperkasa ekonomi Bumiputera terutamanya dalam aktiviti keusahawanan, pendidikan, pelaburan dan khidmat pengurusan. Sejajar dengan hasrat MARA untuk menambahbaik dan mengekalkan kecekapan dalam pengurusan kewangan, fokus MARA tertumpu kepada usaha berterusan bagi meningkatkan kualiti dan inovasi dalam pengurusan kewangan dan strategi menjana pendapatan dan penjimatan.

	TAHUN 2016			TAHUN 2015		
PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS
Penganjuran pelajaran	2,014,921,400	2,014,921,400	100.00	2,299,913,922	2,299,913,922	100.00
Belanja operasi	1,593,628,847	1,593,628,847	100.00	1,613,989,878	1,594,804,604	98.81
Jumlah keseluruhan	**3,608,550,247**	**3,608,550,247**	**100.00**	**3,913,903,800**	**3,894,718,526**	**99.51**

Kualiti dalam Pengurusan Kewangan

i. Selaras dengan Pelan Strategik MARA 2016-2020, MARA telah berjaya melaksanakan perakaunan akruan terutamanya bagi perakaunan aset, pembiayaan dan sewaan. Perakaunan akruan secara keseluruhannya dijangka dapat disempurnakan sebelum akhir tahun 2018.

ii. MARA telah menerima pakai *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* bagi penyediaan Penyata Kewangan tahun 2016. Bagi tujuan tersebut, bengkel awareness dan pelaksanaan secara *hands-on* telah diadakan pada bulan Februari dan Oktober 2016 bagi memastikan piawaian perakaunan MFRS dipatuhi. Pemakaian piawaian perakaunan MFRS ini adalah setanding dengan piawaian antarabangsa iaitu *International Financial Reporting Standards (IFRS).*

iii. MARA telah melaksanakan Portal 1PP MARA pada tahun 2016 bagi menyeragamkan semua pekeliling MARA sedia ada selaras dengan keperluan Indeks Akauntabiliti bagi pengurusan kewangan. Sebanyak 78 pekeliling telah dimuat naik ke dalam Portal 1PP MARA pada tahun 2016.

Inovasi dalam Pengurusan Kewangan

i. Kemudahan JomPAY

Kemudahan JomPAY merupakan penambahan saluran bagi peminjam membuat bayaran balik pinjaman kepada MARA melalui *'one-stop payment gateway'*. Peminjam boleh membuat bayaran balik dari mana-mana 42 bank yang menyediakan kemudahan JomPAY. Dengan adanya tambahan saluran ini, kutipan bayaran balik pinjaman MARA telah meningkat sebanyak 20 peratus.

ii. Kemudahan Pembayaran secara *Electronic Fund Transfer (RCM-EFT)*

MARA telah berjaya melaksanakan pembayaran elaun sara hidup bulanan pelajar dan yuran pengajian kepada institusi pengajian dalam negara secara *Electronic Fund Transfer (RCM. EFT)* melalui satu saluran perbankan berpusat. Kemudahan ini mempercepatkan tempoh bayaran kepada pelajar dan institusi pengajian daripada empat belas (14) hari kepada tiga (3) hari bekerja. Dengan adanya kemudahan ini, penggunaan cek dan kos operasi dikurangkan sebanyak 90 peratus.

iii. Kemudahan *e-Statement*

Kemudahan *e-Statement* membolehkan usahawan MARA membuat pertanyaan baki, mengemaskini penyata akaun dan transaksi lejar pinjaman/pembiayaan secara *online*. Dengan adanya kemudahan ini, MARA telah membuat penjimatan sebanyak RM300,000 melalui pengurangan kos perbelanjaan pengeluaran penyata akaun secara *hardcopy* dan kos setem.

Strategi Menjana Pendapatan dan Penjimatan

Strategi ini telah dilaksanakan melalui inisiatif berikut :

i. Keuntungan Pelaburan jangka pendek sebanyak RM27,757,101 dan pelaburan jangka panjang sebanyak RM3,117,860 manakala, keuntungan/hibah bank yang diperolehi adalah sebanyak RM992,503.

ii. Keuntungan atau hibah yang diperolehi melalui *Sweeping Account* sebanyak RM428,175 dengan kadar faedah harian sebanyak 1 peratus hingga 4 peratus.

iii. Penjimatan melalui pertukaran mata wang asing untuk penghantaran wang ke pejabat luar negara bagi tahun 2016 sebanyak RM396,380.

Pencapaian dalam Pengurusan Kewangan



MARA telah menerima Sijil Audit Bersih kali ke-15 bagi Penyata Kewangan Tahun 2016

MARA telah berjaya memenangi tempat kedua bagi Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2016 bagi kategori Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan.

PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN

Bahagian Pengurusan Aset dan Perolehan (BAP) bertanggungjawab dalam menguruskan aset, perolehan, fasiliti dan pemantauan porolehan bekalan alatan dan perkhidmatan. Objektif bahagian ini ialah :

- Memastikan aset diuruskan dengan cekap dan sistematik.
- Menguruskan perolehan secara telus dan berintegriti.
- Menyediakan fasiliti yang bersih, selesa dan selamat.

i. Pengurusan Aset

ASET	2016	2015
Tanah	2,994 lot	2,981 lot
Bangunan	2,445 unit	2,415 unit
Kenderaan	761 unit	741 unit
Alatan	217,926 unit	209,897 unit

ii. Sistem Pengurusan Aset Alih (SPA)

- BAP telah berjaya meluaskan pelaksanaan SPA di semua pusat MARA (126 pusat) kecuali MARA luar negara dan anak syarikat.
- Pelaksanaan akan diteruskan sekiranya MARA membuka pusat baharu.

iii. Perolehan

PEROLEHAN	2016	2015
Bekalan	59	80
Perkhidmatan	57	44

iv. Sistem Perolehan Elektronik (SPE)

TAHUN	PEMBELIAN TERUS	E-BIDDING
2016	Jumlah Perolehan : **1,882** Nilai : **RM8,018,815.29**	Jumlah Sesi : **7** Nilai : **RM22,591,920.00**
2015	Jumlah Perolehan : **1,618** Nilai : **RM7,364,903.72**	Jumlah Sesi : **7** Nilai : **RM22,919,732.00**

v. *"Contract Management Kit"* Pentadbiran Kontrak (Bekalan)

- Kit Pentadbiran Kontrak telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah MARA pada 27 Oktober 2016.

iv. Pengurusan Fasiliti

vii. Sistem Tempahan e-Fasiliti

- Sejumlah 8,805 jumlah permohonan diterima pada tahun 2016.

FASILITI	2016	2015
Kuarters	144 unit	143 unit
Rumah Rehat	37 unit	33 unit
Kenderaan di Ibu Pejabat	79 unit	77 unit

vii. Hak Milik Tanah MARA

- Sejumlah tujuh (7) hak milik kekal tanah MARA telah diperolehi.

PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pada tahun 2016, kecekapan pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah dipertingkat dengan pelaksanaan beberapa inisiatif. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, MARA telah membangunkan sistem aplikasi secara mudah alih *(mobile)* yang berimpak tinggi. Dengan adanya kemudahan yang diberikan, perkidmatan yang ditawarkan adalah lebih telus, objektif dan efisien.

i. Sistem e-Baki

Kemudahan aplikasi ini membolehkan pengguna menyemak baki pinjaman kemudahan MARA secara dalam talian, membuat cetakan serta memuat turun penyata. Aplikasi mudah alih ini secara langsung dapat mengurangkan masa layanan pegawai untuk menjawab pertanyaan berkaitan baki pinjaman.

ii. Sistem Data MARA War Room (DMAWar)

Aplikasi mudah alih Data MARA War Room (DMAWar) dibangunkan khusus untuk kegunaan ahli pengurusan MARA. DMAWar mengandungi maklumat-maklumat strategik MARA yang dapat membantu pengurusan MARA dalam membuat keputusan. Capaian maklumat ini boleh dibuat bila-bila masa menggunakan telefon pintar.

iii. *Total Human Resources System (Mobile App)*

Aplikasi ini adalah untuk memudahkan anggota kerja MARA dan subsidiari mendapatkan maklumat terkini berkaitan aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM), Institut Latihan Kakitangan MARA (ILKM) dan Institut Antarabangsa Latihan Keguruan MARA (IALKM).

iv. Sistem e-Rehat

Sistem e-Rehat Mobile versi 1.0 adalah aplikasi mudah alih bagi kakitangan yang telah mempunyai akaun eRehat untuk membuat semakan status permohonan semasa & permohonan lepas. Aplikasi ini juga bertindak sebagai pas masuk secara elektronik kerana warga kerja MARA tidak perlu membawa surat tawaran semasa mendaftar masuk di rumah rehat MARA.

Inisiatif 2016

Beberapa projek baharu akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-11 dalam menyokong keperluan strategik MARA bagi memastikan sistem penyampaian dan perkhidmatan adalah cekap dan berkesan iaitu:

i. Pembangunan Sistem Enterprise Resource Planning (ERP)

- Menggantikan Sistem Maklumat Berkomputer MARA (SMBM) sedia ada.
- Meningkatkan sistem penyampaian MARA secara dalam talian yang boleh dilakukan tanpa had masa dan tempat.
- Membolehkan pengurusan perakaunan MARA dibuat secara akruan dan mematuhi keperluan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA).*

ii. Projek *Total Campus Management System (TCMS)*

Aplikasi ini dibangunkan untuk mengintegrasikan sistem pengurusan kampus secara bersepadu bagi memenuhi keperluan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) secara cekap, pantas dan berkesan.

iii. Pusat Data MARA

Melaksanakan pembangunan semula Pusat Data MARA bagi menampung kapasiti keperluan semasa dan akan datang serta menyediakan perkhidmatan berpusat yang merangkumi perkhidmatan rangkaian, keselamatan dan server kepada semua pusat operasi MARA dan juga pengguna awam.

Pencapaian dan Anugerah Perkhidmatan Pendaftaran *Online* (Sistem e-Daftar)

Sistem e-Daftar telah diintegrasikan dengan sistem perjawatan MARA untuk merekod maklumat peserta program atau kursus bagi semua warga kerja MARA. Sistem ini beroperasi secara elektronik dengan menggunakan pengimbas pas kerja MARA untuk pendaftaran. Sistem ini beroperasi secara elektronik dan menggunakan pengimbas pas kerja MARA untuk pendaftaran. Sistem ini melancarkan urusan pendaftaran, menjimatkan masa dan kos serta kesilapan sifar. Sistem e-Daftar ini telah dipertandingkan dalam beberapa anugerah dengan meraih kejayaan berikut :

i. Memenangi tempat kedua dalam Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW 2016 bagi Kategori Inovasi Perkhidmatan Awam (Pengurusan) yang telah diadakan di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Lumpur pada 23 November 2016.

ii. Calon finalis Hari Anugerah Inovasi MARA 2016 bagi Kategori Perkhidmatan - Tadbir Urus Korporat pada 2 dan 3 November 2016.

Finalis Hari Anugerah Inovasi MARA 2016 bagi Kategori Perkhidmatan - Tadbir Urus Korporat.

BINAAN DAN SELENGGARAAN

Fungsi utama Bahagian Binaan & Selenggaraan (BBS) adalah melaksana dan mengawal aktiviti pengurusan pembinaan dan selenggaraan mengikut dasar dan peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Fungsi ini dilaksanakan meliputi dua (2) aspek iaitu pembinaan projek baharu dan selenggaraan projek baharu/sedia ada.

Projek Pembinaan

Projek Pembinaan Semula GiatMARA
Kepala Batas, Pulau Pinang

Projek Selenggaraan

Sistem Pencegahan Kebakaran di IKM Lumut, Perak

Peningkatan Kabel Elektrik Bawah Tanah MRSM
Tun Ghafar Baba, Melaka Bawah Tanah
MRSM Tun Ghafar Baba, Melaka

Pembinaan melibatkan urusan pembinaan projek baharu dan tambahan bangunan baharu manakala selenggaraan meliputi skop kerja seperti kerja baik pulih, naik taraf dan peningkatan imej bangunan. Sepanjang tahun 2016, MARA telah mengurus dan melaksanakan aktiviti projek pembinaan dan selenggaraan seperti berikut :

BIL	PROJEK 2016	JUMLAH PROJEK DI LAKSANAKAN	JUMLAH PROJEK SIAP (CPC)	JUMLAH PROJEK MENDAPAT CF/CCC
1.	Pembinaan	91	13	4
2.	Selenggaraan	138	33	-
	Jumlah	229	46	4

PENGURUSAN RISIKO DAN INSPEKTORAT

Selaras dengan penjenamaan Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat (BPIN), beberapa proses dan prosedur kerja telah dibuat penambahbaikan bagi mengukuhkan dan memantapkan kecekapan tadbir urus dalam perkhidmatan MARA. Hazad di tempat kerja dan risiko yang semakin kompleks memerlukan pengurusan kawalan risiko yang lebih efisien. Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016 ialah :

1. **Pendedahan dan Perkongsian Maklumat Keselamatan**

   i. **Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sempena Sambutan 50 Tahun MARA**

   Aktiviti yang dilaksanakan adalah ceramah dan pameran keselamatan oleh agensi-agensi yang berkaitan pada bulan Februari setiap tahun bagi memberi pendedahan dan perkongsian maklumat keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada warga kerja MARA.

Aktiviti Sempena Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

   ii. **Pemantapan MARA *Emergency Response Team (MERT)***

   Pasukan ini ditubuhkan bagi membangunkan kemahiran keselamatan dalam kalangan anggota MERT dan bertanggungjawab untuk memastikan sebarang situasi ditangani dengan baik dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

   Program pemantapan yang dilaksanakan adalah seperti *First Responder Life Support Card* dan *Water Resilient.*

First Responder Life Support Card dan Water Resilient.

2. **Pemantapan Keselamatan di MARA**

   i. **Keselamatan Perlindungan (KP) dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)**

   Program KP dan KKP diberikan kepada Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan Pegawai Pengelas (PP) di peringkat Ibu Pejabat MARA dan akan dikembangkan ke Pusat Pentadbiran MARA.

   Program kesedaran ini dilaksanakan selaras dengan keperluan Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Buku Arahan Keselamatan.



Kursus Keselamatan Perlindungan dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

   ii. **Pelaksanaan Pematuhan Keselamatan di Pusat Pentadbiran MARA**

   a. Instrumen dan garis panduan telah dibangunkan supaya Pusat Pentadbiran MARA melaksanakan Penilaian Kendiri di pusat masing-masing.

   b. BPIN bertanggungjawab memberi khidmat nasihat di samping menjalankan pemantauan fizikal terhadap pusat-pusat yang terpilih dari semasa ke semasa.

3. **Pemantauan dan Inspektorat**

   i. **Pemantauan Standard Pendidikan MARA**
   Program ini dilaksanakan secara penilaian kendiri oleh IPMa pada setiap tahun bagi memastikan semua IPMa mematuhi standard dan kualiti yang telah ditetapkan. Penilaian ini juga sebagai penanda aras bagi penarafan IPMa cemerlang.

Penarafan IPMa Cemerlang

ii. Penarafan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) Cemerlang

Penarafan IPMa Cemerlang merupakan inisiatif untuk menaik taraf IPMa bagi memastikan pematuhan kepada peraturan dan standard yang ditetapkan mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus diberikan Anugerah Penarafan IPMa Cemerlang 2016.

Penarafan IPMa Cemerlang

iii. Lawatan Inspektorat IPMa dan Pemantauan Premis MARA

Lawatan inspektorat ini bertujuan memastikan keselamatan, peningkatan kualiti tadbir urus dan imej IPMa serta pusat pentadbiran MARA berada dalam keadaan baik.

Pemantauan ke Pusat Pentadbiran MARA

Sehingga Disember 2016, sebanyak 118 pusat MARA telah berjaya menerima pengiktirafan persijilan amalan 5S.

PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK DAN PROGRAM MARA



PENILAIAN *OUTCOME* PROJEK DAN PROGRAM MARA

Penilaian *outcome* ke atas projek dan program merupakan agenda yang perlu dilaksanakan oleh setiap kementerian, jabatan serta agensi kerajaan seperti arahan yang terkandung dalam Surat Pekeliling Am Bil.1/2012. Melalui penilaian *outcome*, semua projek dan program dapat dinilai mengikut piawaian yang telah ditetapkan daripada pelbagai aspek terutama spesifikasi kerja, tempoh masa, kos dan kualiti *output* dengan merangkumi *outcome* dan impak yang dihasilkan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Tiga (3) kajian telah dijalankan pada tahun 2016 berfokuskan kepada keberkesanan program keusahawanan dan perkhidmatan MARA iaitu :

1. Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)
2. Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP)
3. Program Perkhidmatan Bas Henti-Henti MARA Liner

1. Kajian Penilaian *Outcome* Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE)

Objektif kajian ini ialah untuk menilai sejauh mana keberkesanan Program Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPiKE) kepada Kontraktor Bumiputera dari segi jualan, keuntungan perniagaan, pemilikan aset dan kelangsungan perniagaan kontraktor.

Kajian Penilaian *Outcome* tahun 2016 bagi program SPiKE mendapati :

i. 81% responden mendapat peningkatan jualan melebihi 25%.

ii. 80.9% responden mendapat peningkatan keuntungan melebihi 25%.

iii. 70.9% responden mendapat peningkatan bilangan kontrak yang diterima.

iv. 68.18% responden melaksanakan projek bernilai RM100,001 dan ke atas.

v. 90.14% responden berpuas hati dengan Skim Pembiayaan SPiKE.

2. Kajian Penilaian *Outcome* Program Inkubator Teknologi Perkilangan Bumiputera (INTEP)

Objektif program ini ialah untuk membantu syarikat Bumiputera memulakan aktiviti perkilangan di ruang kilang yang komersial, bantuan peralatan dan mesin serta bantuan modal kerja.

Kajian Penilaian *Outcome* tahun 2016 bagi program INTEP mendapati :

i. 17 usahawan dinaiktaraf dari tahap mikro kepada kecil dan sederhana.

ii. 74% responden mencapai peningkatan jualan minimum RM300,000 setahun.

iii. 91% responden dapat menyediakan peluang pekerjaan melebihi 5 orang.

iv. 91% responden dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran melebihi dua (2) kali ganda.

3. Kajian Penilaian *Outcome* Program Perkhidmatan Bas Henti-Henti MARA Liner Objektif kajian program ini ialah :

i. Mengkaji keberkesanan perkhidmatan Bas Henti-Henti MARA Liner luar bandar di seluruh Malaysia.

ii. Menganalisa peningkatan keupayaan mobiliti penduduk luar bandar melalui jaringan jalan bas henti-henti.

iii. Mengenal pasti peningkatan kualiti hidup masyarakat di luar bandar.

iv. Mengukur tahap kepuasan pelanggan bagi penyediaan pengangkutan awam yang selesa dan boleh dipercayai.

Kajian Penilaian *Outcome* tahun 2016 bagi Perkhidmatan Bas Henti-Henti MARA terhadap masyarakat luar bandar mendapati :

i. 86.2% responden berpuas hati dengan tahap mobiliti penduduk luarbandar meningkat.

ii. 10.58% pengurangan kos selenggaraan bas sebelum penggantian bas.

iii. 82.84% responden berpuas hati tahap kualiti hidup luar bandar meningkat.

iv. 86.71 tahap kepuasan pelanggan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)

Sebagai peneraju dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti Bumiputera, MARA berusaha menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati bagi mengangkat martabat bangsa dengan membangunkan usahawan berjaya dan inovatif serta melahirkan modal insan global dan berintegriti.

Komitmen ini diterjemahkan menerusi Yayasan Pelajaran MARA (YPM) yang menumpukan kepada agenda pendidikan dengan memperjuangkan slogan "Melonjak Pendidikan Melayu dan Bumiputera" yang menjadi asas bagi inisiatif-inisiatif CSR. MARA telah melaksanakan inisiatif CSR dalam bidang pelajaran yang telah memberi kebaikan dan manfaat kepada masyarakat dan pada masa yang sama meningkatkan usaha untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Melonjak Pendidikan Melayu dan Bumiputera

MARA mempunyai tradisi yang kukuh dalam melahirkan golongan cerdik pandai yang bertaraf dunia menerusi program-program pendidikan, penajaan pelajaran dan biasiswa. Melalui program ini, ramai pelajar cemerlang yang dilahirkan merupakan penerima biasiswa Yayasan Pelajaran MARA melalui kemudahan pendidikan yang disediakan.

i. **Malaysia Japan Higher Education Program (MJHEP)**

YPM menawarkan biasiswa pendidikan kepada pelajar cemerlang melalui *Japan Higher Education Program* (MJHEP) yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. MJHEP merupakan program yang dibangunkan untuk melahirkan individu yang serba boleh dalam bidang kejuruteraan mekanikal atau kejuruteraan elektrik dan elektronik. Kerjasama strategik antara Malaysia dan Jepun telah menyediakan akses dan peluang bagi pelajar dan tenaga akademik tempatan untuk menguasai pengetahuan dan kepakaran untuk keperluan industri dan pasaran.

Status Program MJHEP peringkat Ijazah Sarjana Muda

BIL	KUMPULAN	JUMLAH PELAJAR	STATUS PELAJAR PADA TAHUN 2016
1.	Kumpulan 1	54 orang	Pelajar telah bergraduat pada Mac 2016.
2.	Kumpulan 2	90 orang	Pelajar sedang melanjutkan pengajian di Jepun dan akan bergraduat pada Mac 2017.
3.	Kumpulan 3	103 orang	Pelajar sedang melanjutkan pengajian di Jepun dan akan bergraduat pada Mac 2018.
4.	Kumpulan 4	117 orang	Pelajar akan melanjutkan pengajian di Jepun pada Mac 2017 dan bergraduat pada Mac 2019.
5.	Kumpulan 5	133 orang	Pelajar akan melanjutkan pengajian di Jepun pada Mac 2018 dan akan bergraduat pada Mac 2020
6.	Kumpulan 6	143 orang	Pelajar akan melanjutkan pengajian di Jepun pada Mac 2019 dan akan bergraduat pada Mac 2021
JUMLAH PELAJAR MJHEP : 640 ORANG			

Status Program MJHEP peringkat Ijazah Sarjana

BIL	KUMPULAN	JUMLAH PELAJAR	STATUS PELAJAR PADA TAHUN 2016
1.	Kumpulan 1	40 orang	Pelajar telah bergraduat pada Mac 2016.
2.	Kumpulan 2	32 orang	Pelajar telah bergraduat pada Mac 2017.
3.	Kumpulan 3	40 orang	Pelajar telah bergraduat pada Mac 2018.
JUMLAH PELAJAR MJHEP : 112 ORANG			

Status Program MJHEP peringkat Ijazah Sarjana Kedoktoran

BIL	KUMPULAN	JUMLAH PELAJAR	STATUS PELAJAR PADA TAHUN 2016
1.	Kumpulan 1	8 orang	Pelajar dijangka akan bergraduat pada Mac 2017.
2.	Kumpulan 2	10 orang	Pelajar dijangka akan bergraduat pada Mac 2018.
3.	Kumpulan 3	15 orang	Pelajar dijangka akan bergraduat pada Mac 2019.
JUMLAH PELAJAR MJHEP : 33 ORANG			

ii. **Program Peluang Kedua (SPIN)**

Program Peluang Kedua (SPIN) adalah bertujuan untuk membela nasib pelajar dari keluarga berpendapatan rendah selaras dengan hasrat MARA untuk membantu pelajar yang memperolehi keputusan akademik yang sederhana untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Pada tahun 2016, seramai 49 orang pelajar terlibat dalam program ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1,189,466.

iii. **Program Dana Ehsan Pendidikan (SDEP)**

Satu lagi inisiatif CSR YPM ialah bantuan *one-off* kepada pelajar yang menghadapi masalah untuk meneruskan pengajian adalah menerusi Program Dana Ehsan Pendidikan (SDEP).

Pada tahun 2016, seramai 260 orang pelajar telah menerima manfaat ini melibatkan peruntukan sebanyak RM594,436.

Lawatan dan Penyampaian Bantuan SDEP

iv. **Program Transformasi Kecemerlangan Pelajar**

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melancarkan Tuisyen Rakyat @ KKLW pada 1 Jun 2016. Program ini merupakan rangkuman program-program tuisyen yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KKLW dengan tujuan meluaskan lagi bilangan penerima manfaat daripada program tersebut.

Majlis Pelancaran Tuisyen Rakyat @ KKLW yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

YPM telah berjaya melaksanakan Tuisyen UPSR, ESM *Enhance* (UPSR) dan Kelas Bimbingan YPM – MRSM/SBT (SPM) di bawah Program Tuisyen Rakyat @ KKLW. Seramai 8,089 orang pelajar telah mengikuti Program Tuisyen UPSR melibatkan peruntukan sebanyak RM515,000 pada tahun 2016.

Kelas Tuisyen Rakyat @ KKLW

Program ESM *Enhance* melibatkan seramai 2,600 orang pelajar dengan penggunaan peruntukan sebanyak RM212,000.

Manakala bagi Kelas Bimbingan, peruntukan sebanyak RM2,490,000 melibatkan 4,900 orang pelajar. Program ini dilaksanakan di seluruh negara melalui kerjasama strategik dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Inisiatif CSR yang dilaksanakan oleh YPM adalah sejajar dengan matlamat ke arah transformasi kecemerlangan pelajar.

YAB Perdana Menteri Malaysia Menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah Kecemerlangan UPSR 2015 & Bantuan Persekolahan YPM pada 22 Januari 2016 di Pekan, Pahang

v. Bantuan Persekolahan

YPM turut memastikan inisiatif CSR disalurkan juga kepada para pelajar miskin peringkat sekolah rendah. Bantuan yang disampaikan adalah sebagai galakan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Penyampaian Bantuan Kepada Pelajar Tahun 6 Yang Bakal Menduduki Peperiksaan UPSR.

Inisiatif berbentuk bantuan peralatan/ kelengkapan persekolahan berperanan untuk memastikan pelajar dari golongan pertengahan mendapat perhatian sewajarnya selain memberi sokongan moral kepada ibu bapa/penjaga dalam membantu menyediakan keperluan persekolahan. Pada tahun 2016, seramai 69,554 orang pelajar telah menerima manfaat dengan peruntukan berjumlah RM4,774,483.

vi. Program Anak Angkat

Program Anak Angkat dilaksanakan bertujuan sebagai pembela pelajar miskin agar berpeluang mengikuti sistem persekolahan sehingga tamat. Program ini juga memberi kesedaran kepada masyarakat agar peka terhadap anak-anak yang kurang bernasib baik.

Syarikat-syarikat korporat dan individu adalah antara penyumbang kepada program ini dengan menjadi keluarga angkat bagi pelajar yang terlibat. Seramai 2,144 orang anak angkat telah dibiayai dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM2,207,235 pada tahun 2016.

Program Motivasi Anak Angkat YPM Tajaan Maybank Islamic Berhad pada 19 – 20 Ogos 2016.

PERISTIWA KORPORAT

Sambutan 50 Tahun MARA dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia

Simbolik Pertukaran nama Jalan Semarang Ke Jalan MARA Sempena Sambutan 50 Tahun MARA

YB Dato' Ismail Sabri bin Yaakob melancarkan gimik Perasmian Anugerah Inovasi MARA

RoboFair ke-12 MRSM SeMalaysia 2016

YB Dato' Ismail Sabri bin Yaakob menyampaikan Anugerah Khas Pendidik MARA 2016

Majlis Perasmian Halfest pada 9 Januari 2016.

Majlis MoU antara MARA Liner dan FELDA Transport Service pada 12 Mei 2016.

Pelancaran Dana Baharu PMB Investment pada 18 Mei 2016

Antara Pemenang-pemenang *MARA in Fashion London 2016*

Walkabout Timbalan Ketua Pengarah Keusahawanan MARA sempena MARA in Fashion 2016

Majlis Konvokesyen Perdana KKTM/IKM pada 16-17 April 2016.

Lawatan Kerja YB Menteri KKLW Datuk Sri Ismail Sabri bin Yaakob ke MARA Digital Menara MARA pada 4 Januari 2016

Asia Leadership Summit pada 24 Mei 2016

Lawatan Delegasi Maldives ke Ibu Pejabat MARA pada 22 Julai 2017

Pemenang Anugerah Khas Inovasi MARA

Pameran Teknikal Sempena Citex 2016

Warga kerja MARA menyertai *MARA Fun Ride 2016*

Seminar Pengukuhan Tadbir Urus Korporat dan Instrumen Kewangan Islam pada 3 Februari 2016.

Program Bijak Matematik Sempena Ekspo Buku dan Program Penghayatan Maulidur Rasul 2016

Hari Terbuka dan Perasmian KIMAR

Majlis Perkhidmatan Anugerah Cemerlang KKLW bagi Tahun 2015 bertempat di MAEPS, Serdang pada 24 Februari 2016.

Majlis Sambutan Hari Raya MARA di Universiti Kuala Lumpur pada 18 Julai 2016.

Forum Persatuan Kaunseling dan Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA)

Walkabout oleh Ketua Pengarah Balai Seni Lukis Negara Sempena Inspirasi Kreatif 2016

PENYATA KEWANGAN

MAJLIS AMANAH RAKYAT DISATUKAN BAGI
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (BERAUDIT)

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS AMANAH RAKYAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Penyesuaian Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 69.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Amanah Rakyat dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

Asas Kepada Pendapat

Bergantung kepada sifat dan lokasi pelaburan, pertimbangan dibuat untuk memilih kaedah penilaian sesuai seperti, antara lain, nilai aset bersih, aliran tunai masa hadapan terdiskaun atau anggaran nilai saksama berdasarkan sebut harga pasaran urus niaga yang paling terkini. Sebaik sahaja kaedah penilaian yang sesuai dipilih, Kumpulan dan MARA membuat andaian tertentu mengenai masa hadapan untuk menganggarkan jumlah yang boleh pulih daripada pelaburan secara individu. Andaian ini dan lain-lain sumber anggaran yang tidak pasti pada tarikh laporan, mungkin mempunyai risiko yang ketara menyebabkan pelarasan material terhadap nilai bawa pelaburan dalam tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan individu tersebut, andaian yang dibuat oleh Kumpulan dan MARA termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, pertumbuhan pendapatan, nilai terminal, kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menggabungkan risiko yang berkaitan dan jangkaan hasil masa hadapan berdasarkan arah aliran tertentu masa lalu.

Oleh kerana kepekaan yang tinggi terhadap perubahan dalam andaian, Kumpulan dan MARA percaya bahawa tiada perubahan munasabah dalam andaian utama yang diterangkan di atas boleh menyebabkan nilai bawa pelaburan melebihi dengan ketara daripada jumlah boleh pulih.

ii. Rosot Nilai Atas Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang
Untuk menganggarkan kerugian kemerosotan nilai ke atas aset kewangan dipegang sehingga matang, penilaian dibuat sama ada terdapatnya bukti objektif kemerosotan nilai wujud akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku dan peristiwa kerugian yang mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan pelaburan kewangan.

Apabila terdapat bukti objektif rosot nilai, rosot nilai diiktiraf sebagai perbezaan di antara kos perolehan dan nilai semasa aliran tunai pada masa hadapan, ditolak sebarang rosot nilai diiktiraf sebelumnya.

iii. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual
Nilai Atas Ekuiti
Bagi pelaburan ekuiti, rosot nilai tidak dikenal pasti berdasarkan analisa terhadap aliran tunai sebagaimana instrumen hutang di atas. Ia terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

iv. Rosot Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
Untuk menentukan rosot nilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Untuk menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh realis bersih cagaran.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.5 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian (Sambungan)

b. Anggaran dan Andaian (Sambungan)

v. Penilaian Hartanah Pelaburan
Taksiran nilai saksama bagi hartanah pelaburan diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran harga transaksi untuk hartanah yang sama dan dilakukan oleh penilai berkelayakan profesional yang diiktiraf dan bersesuaian serta memiliki pengalaman terkini berkenaan lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

vi. Cukai Tertunda Dan Cukai Pendapatan
Kumpulan adalah tertakluk kepada pelbagai bidang penguatkuasaan cukai pendapatan dan pertimbangan yang menyeluruh diperlukan dalam menganggarkan peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan tafsiran undang-undang yang mana hasil akhirnya tidak ditetapkan sehingga diketahui kemudian. Liabiliti cukai diiktiraf berdasarkan anggaran cukai tambahan yang akan dibayar. Proses anggaran termasuk mendapatkan nasihat mengenai cara pengendalian cukai, di mana berkenaan. Dalam keadaan di mana tanggungan akhir cukai berbeza dengan amaun yang pada mulanya dicatatkan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh di mana taksiran cukai disemak semula atau tanggungan akhir ditetapkan.

vii. Gantian Cuti Rehat
Nilai semasa obligasi gantian cuti rehat merujuk kepada anggaran perkiraan cuti rehat terkumpul layak dibayar sebagai balasan apabila kakitangan bersara bagi kumpulan kakitangan tertentu yang masih berkhidmat pada akhir tahun kewangan. Anggaran adalah berdasarkan gaji semasa kakitangan pada akhir tahun kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi–polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan
Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan MARA dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan MARA serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Syarikat subsidiari disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari
Syarikat subsidiari adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Syarikat subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status syarikat subsidiari akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.13b.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuan syarikat subsidiari. Berdasarkan kaedah ini, syarikat subsidiari disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan ditaksir pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuan perniagaan pada awalnya ditaksir mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibbah seperti di Nota 3.8b. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih syarikat subsidiari bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan bukan kawalan ditaksir pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti syarikat subsidiari yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti syarikat subsidiari mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari (Sambungan)
Untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih syarikat subsidiari pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan syarikat subsidiari dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam MARA ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan selaras dengan MFRS 139. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berasaskan ekuiti atau aset kewangan sedia dijual bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

3.3 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu
Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan dalam membuat keputusan mengenai polisi kewangan dan operasi. Pengaruh signifikan adalah kuasa untuk terlibat dalam membuat keputusan polisi kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan untuk melaksanakan kawalan atas polisi tersebut.

Kewujudan dan kesan instrumen yang mempunyai potensi hak mengundi, yang boleh digunakan atau ditukarkan pada tarikh semasa diambil kira dalam menentukan sama ada Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan ke atas entiti lain.

Kaedah perakaunan ekuiti digunakan bagi perakaunan pelaburan dalam syarikat bersekutu yang pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan dalam syarikat bersekutu oleh Kumpulan adalah termasuk muhibbah yang dikenal pasti semasa tarikh pengambilalihan selepas ditolak rosot nilai terkumpul atas muhibbah.

Bahagian Kumpulan ke atas keuntungan atau kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf ke untung atau rugi dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos beserta pelarasan untuk menunjukkan perubahan ke atas bahagian aset bersih Kumpulan di dalam syarikat bersekutu berkenaan.

Pelaburan tersiar harga dan tidak tersiar harga di dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.13b.

3.4 Mata Wang Asing
a. Transaksi dan Baki Dalam Mata Wang Asing
Transaksi dalam mata wang asing dikira bersamaan dengan mata wang fungsian masing-masing bagi syarikat-syarikat subsidiari dan direkodkan pada pengiktirafan asal mata wang fungsi tersebut berdasarkan anggaran kadar tukaran pada tarikh urus niaga tersebut dilaksanakan. Aset kewangan dan liabiliti dalam mata wang asing dikira pada kadar tukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berakhirt tahun kewangan.

Perkara-perkara bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada kos sejarah diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh transaksi asal dibuat. Item-item bukan monetari dengan denominasi mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada penyelesaian item monetari atau dalam terjemahan item monetari pada tarikh laporan diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk perbezaan tukaran yang terhasil daripada item monetari yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing yang pada asalnya diiktiraf dalam Lain-Lain pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di bawah rizab terjemahan mata wang asing di penyata kedudukan Kewangan. Perbezaan tukaran yang terhasil daripada terjemahan item bukan monetari yang dibawa pada nilai yang saksama dimasukkan ke untung atau rugi bagi tahun tersebut kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada terjemahan item bukan monetori di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf terus ke penyata kedudukan kewangan.

b. Operasi Asing
Hasil dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza berbanding mata wang yang dilaporkan iaitu Ringgit Malaysia ("RM") dalam penyata kewangan disatukan diterjemah kepada RM seperti berikut:

i. Aset dan liabiliti bagi setiap operasi asing diterjemah pada kadar penutup yang menjadi kelaziman pada tarikh berakhir tahun kewangan;

ii. Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata untung rugi diterjemah pada kadar purata tukaran bagi tahun tersebut yang menyamai anggaran kadar tukaran pada tarikh transaksi, dan

iv. Kesemua perbezaan tukaran yang terhasil akan dimasukkan terus ke untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain menerusi rizab pertukaran mata wang asing.

3.5 Instrumen Kewangan
a. Pengiktirafan dan Taksiran Awal
Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui penyata untung rugi). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Peghutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (Sambungan)
b. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan
Pengkelasan aset kewangan berdasarkan MFRS 139 adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan dilabur oleh Kumpulan dan MARA. Kumpulan dan MARA menentukan pengkelasan aset kewangan pada waktu pembelian dibuat. Aset kewangan yang selain daripada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan deposit dengan institusi kewangan ditunjukkan secara berasingan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Semua aset kewangan, kecuali yang ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah tertakluk kepada penilaian semula rosot nilai.

Polisi untuk aset kewangan pelaburan dan liabiliti kewangan adalah seperti berikut: -

i. Pelaburan Dipegang Sehingga Matang
Aset pelaburan dipegang sehingga matang adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan serta mempunyai tempoh kematangan yang juga telah ditetapkan di mana Kumpulan dan MARA mempunyai hasrat positif serta keupayaan untuk memegang aset pelaburan ini sehingga matang. Seandainya instrumen aset pelaburan dipegang sehingga matang dijual pada kuantum yang melebihi daripada amaun yang tidak ketara, maka keseluruhan portfolio aset kewangan ini dikira sebagai tercemar dan perlu dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset pelaburan dipegang sehingga matang adalah instrumen pelaburan berpendapatan tetap seperti sekuriti kerajaan Malaysia, terbitan pelaburan kerajaan, bon dan sekuriti hutang persendirian.

Aset pelaburan dipegang sehingga matang dinilai berikutnya pada kos terlunas menggunakan kaedah pulangan efektif.

ii. Aset Kewangan Sedia Dijual
Aset kewangan sedia dijual adalah aset kewangan bukan derivatif di mana Kumpulan mempunyai hasrat untuk mengkelaskan instrumen pelaburan di bawah kelas aset kewangan ini sewaktu pembelian dibuat yang mana aset kewangan tersebut tidak dikelaskan di bawah lain-lain kelas aset kewangan di bawah MFRS 139.

Instrumen pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan sedia dijual adalah instrumen pelaburan ekuiti yang merangkumi ekuiti tersiar harga dan ekuiti tidak tersiar harga sama ada diuruskan secara dalaman atau pun melalui pengurus dana luar dan instrumen pelaburan berpendapatan tetap.

Penilaian berikutnya ke atas aset kewangan sedia dijual adalah pada nilai saksama yang mana keuntungan atau kerugian dinyatakan ke pendapatan komprehensif lain kecuali untuk rosot nilai, perbezaan pertukaran mata wang asing dari item monetari yang mana diiktiraf ke untung atau rugi.

iii. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Rugi
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini jika ia dibeli untuk tujuan dagangan atau dibeli semula dalam jangka masa yang pendek. Aset kewangan derivatif juga dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Instrumen pelaburan Kumpulan yang boleh dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi adalah instrumen pelaburan berpendapatan tetap yang dikategorikan sebagai portfolio dagangan serta instrumen derivatif sama ada yang dibeli secara terus ataupun yang terbenam dalam kontrak yang dimeterai oleh MARA pada penyata kedudukan kewangan.

iv. Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
Instrumen pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan bukan derivatif dan mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Aset kewangan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diiktiraf pada tarikh urus niaga di mana Kumpulan berkomitmen untuk memberi pinjaman termasuk kos transaksi yang berkaitan jika ada. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah efektif.

Termasuk dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan adalah aset kewangan pinjaman staf dan pendahuluan modal kepada syarikat subsidiari.

Pinjaman kepada Pekerja
Aset kewangan di bawah Skim Pembiayaan Perumahan dinyatakan pada nilai semasa untuk pembayaran ansuran didiskaun pada kadar kewangan pasaran.

Bagi skim pinjaman lain, tiada kesan material untuk mencatat aset kewangan pinjaman kakitangan pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Terdapat dua (2) jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada anggota MARA pada kadar faedah yang diluluskan oleh Majlis MARA berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

i. Skim Pembiayaan Kenderaan dan
ii. Skim Pembiayaan Komputer

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Instrumen Kewangan (Sambungan)
b. Pengkelasan Instrumen Kewangan dan Penilaian Berikutan (Sambungan)

v. Penghutang
Aset kewangan penghutang adalah dinilai pada amaun invois setelah ditolak elaun rosot nilai. Tiada kesan material untuk mencatat aset kewangan Penghutang pada nilai saksama bagi tujuan penilaian berikutnya. Elaun rosot nilai diperuntukkan apabila terdapat bukti objektif di mana Kumpulan tidak akan dapat mengutip semua amaun tertunggak mengikut terma asal sebagaimana polisi rosot nilai yang dinyatakan dalam Nota 3.13b.

vi. Liabiliti Kewangan
Semua liabiliti kewangan kecuali yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi akan ditaksir pada kos terlunas.

Nilai saksama melalui kategori untung dan rugi terdiri daripada liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan), pertimbangan luar jangka dalam gabungan perniagaan atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus ke dalam kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Bagi derivatif yang berkaitan dan perlu diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti yang tidak tersiar di pasaran aktif untuk instrumen yang sama yang mana nilai saksamanya tidak dapat ditaksir, taksiran dibuat pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi akan ditaksir pada nilai saksama di mana untung atau rugi diiktiraf ke untung atau rugi.

c. Penyahiktirafan
Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun bawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) serta sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan diiktiraf ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun bawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke untung atau rugi.

3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan
a. Pengiktirafan dan Taksiran

Aset-aset dipermodal apabila kos pembelian adalah RM2,000 dan ke atas seunit.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manafaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh ditaksir dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktirah ke untung atau rugi.

b. Susut nilai
Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilaikan secara berasingan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

	Kumpulan	MARA
Bangunan milik bebas	2% hingga 10%	2%
Bangunan pegangan pajak	Sepanjang tempoh pajakan	Sepanjang tempoh pajakan
Kenderaan bermotor	10% hingga 25%	25%
Alat-alat pejabat, kelengkapan dan komputer	5% hingga 33 1/3%	15% hingga 25%
Mesin, jentera dan alat-alat bengkel	7 ½% hingga 20%	15%
Ubahsuaian	2% hingga 20%	2%

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)
b. Susut nilai (Sambungan)

Tanah dan bangunan pegangan pajak dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

Tanah milik bebas dan bangunan dalam pembinaan tidak disusut nilaikan.

Pada tarikh berakhir tahun kewangan, nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.7 Pelaburan Hartanah
Pelaburan hartanah terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan.

Pelaburan hartanah asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan.

Pelaburan hartanah kemudian dinilaikan pada nilai saksama dengan mengiktirafkan perbezaan ke untung atau rugi dalam tempoh kewangan berkenaan.

Sekiranya penilaian nilai saksama tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos atau usaha melampau, aset berkenaan akan diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai dan rosot nilai terkumpul sehingga terdapat penilaian yang boleh dipakai. Nilai bawa aset berkenaan kemudiannya diambil sebagai kos.

Keuntungan atau kerugian nilai saksama akibat dari pengkelasan semula diiktiraf ke untung atau rugi.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dihentikan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperoleh apabila dilupuskan. Perbezaan diantara terimaan bersih dan nilai bawa diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh tahun kewangan aset berkenaan dinyahiktiraf.

3.8 Aset Tak Ketara
a. Lesen Dan Perisian Teknologi Maklumat
Perbelanjaan yang wujud daripada lesen dan perisian teknologi maklumat khusus ditaksir pada kos pengiktirafan. Selepas pengiktirafan awal, aset tak ketara adalah bawa pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Aset tak ketara dilunaskan berdasarkan asas garis lurus di sepanjang anggaran usia penggunaan ekonomi selama lapan (8) tahun dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset berkenaan mungkin telah mengalami rosot nilai.

b. Muhibbah
Muhibbah pada awalnya ditaksir berasaskan kos, sebagai lebihan kepada kos pembelian dan amaun diiktiraf bagi kepentingan bukan kawalan ke atas aset bersih yang dikenal pasti akan diperoleh dan liabiliti yang ditanggung. Sekiranya nilai saksama aset bersih yang dibeli melebihi kos pembelian yang diiktiraf, keuntungannya diiktiraf ke untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah ditaksir pada kos ditolak rosot nilai terkumpul. Muhibbah disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tahun atau lebih kerap lagi sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang menggambarkan nilai bawa mungkin mengalami rosot nilai. Rosot nilai atas muhibbah tidak boleh dicatat semula. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti dinyatakan di Nota 3.13a.

3.9 Inventori
Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos (ditentukan dengan dasar masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai pasaran bersih.

Kos bahan mentah meliputi semua kos belian asal dan kos lain yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Kos kerja dalam proses dan barang siap meliputi kos bahan mentah, buruh langsung dan sebahagian overhed pengeluaran.

Nilai boleh realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan ditolak kos jualan dan hantaran dan lain-lain anggaran kos penyiapan.

3.10 Peruntukan Liabiliti
Peruntukan diiktiraf apabila wujud obligasi semasa yang konstruktif dan dari segi perundangan, kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

3.11 Tunai dan Tunai Setara
Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.12 Pengiktirafan Pendapatan
a. Pendapatan yuran diiktiraf apabila yuran dikenakan ke atas pelajar.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.12 Pengiktirafan Pendapatan (Sambungan)
c. Geran kerajaan tanpa syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya. Geran kerajaan dengan syarat perlaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.

d. Geran kerajaan berkaitan aset diiktiraf ke untung atau rugi secara asas sistematik sepanjang tempoh penggunaan aset berkaitan dengan geran berkenaan. Geran ditaksir pada nilai saksama aset yang diterima.

e. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap diiktiraf mengikut asas akruan.

f. Pendapatan dari kutipan sewaan diiktiraf mengikut asas akruan.

g. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.

h. Jualan barangan dari aktiviti kebiasaan ditaksir pada nilai saksama balasan yang diterima, bersih dari diskaun niaga dan rebat pukal. Jualan diiktiraf apabila wujud bukti meyakinkan, dalam bentuk perjanjian jual beli yang terlaksana, yang mana risiko dan ganjaran signifikan telah diserahkan kepada pelanggan dan penerimaan hasil balasan dijangka akan berlaku.

i. Jualan dari perkhidmatan diiktiraf ke untung atau rugi berkadar kepada takat siap transaksi pada tarikh berakhir tahun kewangan.

3.13 Rosot Nilai
a. Aset Bukan Kewangan
Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan. Aset berkenaan disemak untuk rosot nilai setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan atau susut nilai akan disemak untuk rosot nilai apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai bawa berkemungkinan tidak boleh dipulihkan.

Rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawa aset bukan kewangan melebihi nilai boleh pulih. Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

Bagi tujuan menyemak rosot nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaan tunai ("UPT"), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan. Aset bukan kewangan selain daripada muhibbah yang mengalami rosot nilai disemak untuk kemungkinan rosot nilai dicatat semula pada setiap tahun pelaporan.

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Rosot nilai akan dicaj ke untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf ke untung atau rugi kecuali untuk aset yang dinilai semula dimana ianya diambilkira ke rizab penilaian semula. Kerugian rosot nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

b. Aset Kewangan
Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

i. Penghutang Perdagangan dan Aset-Aset Kewangan Lain Dibawa Pada Kos Selepas Pelunasan
Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosot nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut.
Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosot nilai tersebut diiktiraf, kerugian rosot nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

ii. Aset-Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual
Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.13 Rosot Nilai (Sambungan)
b. Aset Kewangan (Sambungan)
ii. Aset-Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual (Sambungan)
Jika aset kewangan sedia untuk dijual dirosot nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf sebelum ini di dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti ke untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

3.14 Pajakan
a. Sebagai pemajak
Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan ke untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

b. Sebagai pemberi pajak
Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.12.

3.15 Cukai semasa dan tertunda
Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan untung kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti serta nilai buku di dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya ke tahap terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai di masa hadapan akan tersedia berbanding dengan perbezaan sementara yang boleh dipotong yang timbul daripada pelaburan dalam anak syarikat kecuali bila mana tempoh balikan perbezaan sementara itu boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik sejauh yang boleh diramal di masa hadapan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

3.16 Manfaat Kakitangan
a. Manfaat Jangka Pendek
Upah, gaji, bonus dan cuti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Faedah jangka pendek terkumpul berbayar seperti gantian cuti rehat terkumpul yang dibayar pada masa persaraan diiktiraf dalam tahun perkhidmatan diberikan di mana kakitangan mendapat kelayakan tersebut.

b. Pelan Caruman ditentukan
Kumpulan dan MARA dikehendaki membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Amanah Wang Persaraan. Majikan dan kakitangan Kumpulan dan MARA masing-masing membuat sumbangan bulanan kepada KWSP mengikut kadar yang ditetapkan. Sumbangan Kumpulan dan MARA kepada KWSP ditunjukkan berasingan sebagai kos kakitangan.

c. Manfaat Jangka Panjang
Kumpulan menerima pakai MFRS 119 (Revised) - Employee Benefits. Mengikut piawaian yang telah dipinda, keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf ke pendapatan komprehensif lain dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

Bayaran manfaat pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf secara akruan ke untung atau rugi tahun semasa sebagai bayaran manfaat pekerja dan di penyata kedudukan kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja. Gantian cuti rehat ialah manfaat pekerja jangka panjang yang akan diiktiraf secara akruan. Amaun manfaat bagi kakitangan yang akan bersara dalam masa setahun dikelaskan ke liabiliti semasa.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.17 Penilaian Nilai Saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:
i. dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
ii. dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 - tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2 - teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung atau tidak langsung yang boleh diperhatikan.

Tahap 3 - input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh tahun kewangan.

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

4. PENDAPATAN KENDALIAN

Kumpulan	2016			2015		
	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Caruman dari penuntut	21,544,630	-	21,544,630	16,827,755	-	16,827,755
Dividen kasar daripada:-						
- Pelaburan syarikat subsidiari	-	-	-	3,120,000	-	3,120,000
- Pelaburan tersiar harga	1,302,587	-	1,302,587	2,098,030	-	2,098,030
- Pelaburan tidak tersiar harga	-	-	-	34,617	-	34,617
- Pelaburan dengan pengurus dana luar	14,885,457	-	14,885,457	8,845,343	-	8,845,343
Pendapatan memproses pinjaman	-	347,306	347,306	-	533,071	533,071
Faedah dari pinjaman dan pendahuluan	-	119,691,364	119,691,364	-	115,020,319	115,020,319
Keuntungan kemudahan pembiayaan	4,075,483	42,463,329	46,538,812	4,953,477	37,218,160	42,171,637
Sewa	101,894,921	-	101,894,921	93,830,211	-	93,830,211
Tambang bas	24,779,434	-	24,779,434	24,955,775	-	24,955,775
Perkhidmatan pengurusan	28,233,292	-	28,233,292	15,051,635	-	15,051,635
Pendapatan perkhidmatan perunding teknikal	29,908,252	-	29,908,252	29,436,387	-	29,436,387
Jualan sekuriti bolehpasar	12,886,335	-	12,886,335	71,714,449	-	71,714,449
Jualan unit saham amanah	170,009,612	-	170,009,612	265,350,623	-	265,350,623
Yuran penuntut	144,904,706	-	144,904,706	151,664,967	-	151,664,967
Yuran kursus	369,707,079	-	369,707,079	391,196,812	-	391,196,812
Jualan bahan perabut dan rumah sedia	35,649	-	35,649	41,162	-	41,162
Jualan pelaburan hartanah	7,404,766		7,404,766			
Broker Insurans	-	-	-	1,505,873	-	1,505,873
Hasil dari kontrak pembinaan	5,198,477	-	5,198,477	19,946	-	19,946
Sumbangan bayaran balik biasiswa MARA	1,771,885	-	1,771,885	1,881,818	-	1,881,818
Lain-lain pendapatan	53,276,011	-	53,276,011	48,245,471	-	48,245,471
Caj tenaga kerja	18,912,304	-	18,912,304	8,690,322	-	8,690,322
Perkhidmatan bengkel/latihan	11,204,530	-	11,204,530	4,949,329	-	4,949,329
Pelancongan	601,856	-	601,856	1,189,988	-	1,189,988
Keuntungan nilai saksama:-						
- Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	350,841	-	350,841	1,148,784	-	1,148,784
- Pelaburan hartanah	13,126,657	-	13,126,657	10,025,500	-	10,025,500
	1,036,014,764	162,501,999	1,198,516,763	1,156,778,274	152,771,550	1,309,549,824

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

4. PENDAPATAN KENDALIAN (SAMBUNGAN)

MARA	2016			2015		
	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Caruman dari penuntut	21,544,630	-	21,544,630	16,827,755	-	16,827,755
Dividen kasar daripada:-						
- Pelaburan syarikat subsidiari	8,584,606	-	8,584,606	9,170,444	-	9,170,444
- Pelaburan tersiar harga	759,218	-	759,218	1,087,435	-	1,087,435
- Pelaburan tidak tersiar harga	3,661,677	-	3,661,677	6,590,939	-	6,590,939
- Pelaburan dengan pengurus dana luar	14,885,457	-	14,885,457	8,845,343	-	8,845,343
Pendapatan memproses pinjaman	-	347,306	347,306	-	533,071	533,071
Faedah dari pinjaman dan pendahuluan	-	119,691,364	119,691,364	-	115,020,319	115,020,319
Keuntungan kemudahan pembiayaan	-	42,463,329	42,463,329	-	37,218,160	37,218,160
Sewa	43,336,224	-	43,336,224	31,367,360	-	31,367,360
Sumbangan bayaran balik biasiswa MARA	1,771,885	-	1,771,885	1,881,818	-	1,881,818
	94,543,697	162,501,999	257,045,696	75,771,094	152,771,550	228,542,644

5. LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN

Kumpulan	2016			2015		
	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Faedah pinjaman kakitangan	228,999	-	228,999	146,960	-	146,960
Keuntungan atas:-						
- Jualan hartanah, loji dan peralatan	316,562	-	316,562	190,126	-	190,126
- Jualan saham	8,760,506	-	8,760,506	722,524	-	722,524
- Jualan pelaburan	3,420,288	-	3,420,288	-	-	-
Peruntukan tidak perlu lagi:-						
- rosotnilai stok kerajaan	-	-	-	1,056,668	-	1,056,668
- rosotnilai pelaburan syarikat subsidiari	5,181,693	-	5,181,693	-	-	-
- rosotnilai pelaburan jangka panjang	1,349,965	-	1,349,965	-	-	-
- rosotnilai penghutang:-						
- penghutang lain	2,329,873	-	2,329,873	1,802,737	-	1,802,737
- anak-anak syarikat	-	-	-	1,484,361	-	1,484,361
Hutang lapuk dapat kembali	489,889	-	489,889	324,413	-	324,413
Sewa dari:-						
- tanah	1,405,688	-	1,405,688	153,160	-	153,160
- bangunan	1,324,979	-	1,324,979	608,425	-	608,425
- peralatan	755,477	-	755,477	2,525,989	-	2,525,989
- lain-lain	6,823,928	-	6,823,928	3,676,930	-	3,676,930
Dividen kasar daripada:-						
- pelaburan tersiar harga	5,828,699	-	5,828,699	6,385,218	-	6,385,218
- pelaburan tak tersiar harga	199,588	-	199,588	-	-	-
Baki h/b	38,416,134	-	38,416,134	19,077,511	-	19,077,511

MAJLIS AMANAH RAKYAT
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

5. LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	2016			2015		
	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah	Dana mengurus	Dana lain-lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki b/b	38,416,134	-	38,416,134	19,077,511	-	19,077,511
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	96,920	-	96,920	271,325	-	271,325
Keuntungan bersih pertukaran mata wang	1,773	-	1,773	1,531	2,619,217	2,620,748
Keuntungan atas aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi:-						
- Simpanan tetap/ Pelaburan Mudharabah	302,885	-	302,885	289,995	-	289,995
Faedah atas:						
- simpanan jangka pendek	18,088,071	-	18,088,071	11,825,410	-	11,825,410
